

**KEMAHIRAN BERFIKIR KRITIS DALAM BUKU TEKS
BAHASA MELAYU KURIKULUM STANDARD SEKOLAH
RENDAH TAHAP DUA**

NURUL HASNA BINTI HASAN

**INSTITUT PENGAJIAN TERMAJU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2020

**KEMAHIRAN BERFIKIR KRITIS DALAM BUKU TEKS
BAHASA MELAYU KURIKULUM STANDARD SEKOLAH
RENDAH TAHAP DUA**

NURUL HASNA BINTI HASAN

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN
BAGI IJAZAH SARJANA FALSAFAH**

**INSTITUT PENGAJIAN TERMAJU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2020

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: NURUL HASNA BINTI HASAN

No. Matrik: HGA140011

Nama Ijazah: SARJANA FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):
KEMAHIRAN BERFIKIR KRITIS DALAM BUKU TEKS BAHASA
MELAYU KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH TAHAP DUA

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

**CRITICAL THINKING SKILLS IN MALAY LANGUAGE TEXTBOOKS FOR
LEVEL 2 STANDARD CURRICULUM FOR PRIMARY SCHOOLS**

ABSTRACT

Critical thinking is one of the most important aspects that students need to master as well as creative thinking, communication skills and collaborative learning in the 21st century learning environment. The aim of this study is to analyse critical thinking skills towards instruction in the activity and assessment of reading skills. The Directed Content Analysis method was used to test the sample of the study. The sample of the study consists of three Malay textbooks Year 4, 5 and 6 in the Primary School. Three experts were selected to verify the 'Code of Analysis in Critical Thinking Skills' instrument that has been developed. The experts consist of Malay curriculum specialists, content analysis specialists and Malay teacher's specialist. Instruments that have been modified by these experts are then tested by the reliability of two Malay language teachers before being used in the actual study. Analysis of the main categories in the three textbooks indicates that activity and assessment of reading skills are leads towards Collecting and Using Information Skills which are 49.1% and 64.3% respectively. The Inferential Instruction Skill ranked second the highest; activity is 46.8% and assessment is 32.1%. On the other hand, the Decision-Making Skills show less percentage; activity is 4.1% and assessment is 3.6%. However, there are no instruction in the activities and assessments that led to the Analogy Skill. Therefore, the implication of the study when the Analogy Skill is not exposed to the student is the students will be less able to use their knowledge and to think critically in beyond the classroom. Overall, this study can be benefit of the Text Books Division, KPM, publishers and authors, and teachers.

**KEMAHIRAN BERFIKIR KRITIS DALAM BUKU TEKS BAHASA MELAYU
KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH TAHAP DUA**

ABSTRAK

Pemikiran kritis merupakan salah satu aspek penting yang perlu dikuasai oleh pelajar selain pemikiran kreatif, kemahiran berkomunikasi dan pembelajaran kolaboratif dalam mengharungi pembelajaran abad ke-21. Kajian ini bertujuan menganalisis kemahiran berfikir kritis terhadap arahan-arahan dalam aktiviti dan penilaian kemahiran membaca. Kaedah *Directed Content Analysis* digunakan bagi menguji sampel kajian iaitu tiga buah buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Tiga orang pakar dipilih bagi mengesahkan instrumen „Analisis Kod Kemahiran Berfikir Kritis“ yang telah dibentuk melibatkan pakar kurikulum Bahasa Melayu, pakar analisis kandungan dan guru pakar Bahasa Melayu. Instrumen yang telah diubahsuai oleh pakar-pakar tersebut kemudiannya diuji kebolehpercayaan oleh dua orang guru Bahasa Melayu sebelum digunakan dalam kajian sebenar. Analisis kategori utama dalam ketiga-tiga buah buku teks tersebut menunjukkan aktiviti dan penilaian kemahiran membaca lebih menjurus kepada Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat iaitu masing-masing 49.1% dan 64.3%. Kemahiran Membentuk Inferensi menduduki tangga kedua tertinggi iaitu aktiviti 46.8% dan penilaian 32.1%. Sebaliknya, Kemahiran Membuat Keputusan menunjukkan peratusan yang sangat sedikit iaitu dalam aktiviti 4.1% dan penilaian 3.6%. Namun, didapati tiada sebarang arahan dalam aktiviti dan penilaian yang menjurus ke arah Kemahiran Membentuk Analogi. Implikasi kajian apabila Kemahiran Membentuk Analogi tidak didedahkan kepada pelajar akan menyebabkan pelajar kurang mampu menggunakan pengetahuan dan berfikir secara kritikal dalam konteks luar bilik darjah. Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada Bahagian Buku Teks, KPM, penerbit dan penulis, dan para guru.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Syukur ke hadrat Allah SWT, dengan limpah rahmat dan kurnia yang dicurahkan kepada hamba-Nya yang kerdil ini dapat saya mengakhiri pengajian dengan jayanya. Tanpa keredaan-Nya tidak mungkin mampu saya siapkan tugas ini walau sedikit pun. Selawat dan salam kepada junjungan besar nabi Muhammad SAW dan para ahli keluarga baginda.

Mendahului penghargaan ini saya ucapkan jutaan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya kerana mereka sentiasa menitipkan doa-doa untuk keberkahan saya. Mereka juga telah banyak berkorban masa dan tenaga membantu saya menjaga anak-anak saya semasa saya menyambung pengajian ini. Tidak pernah saya mendengar perkataan „tidak“ daripada mereka sekiranya saya memerlukan pertolongan mereka. Mereka juga sanggup berpenat lelah demi melihat saya menamatkan pengajian ini dengan jayanya. Sesungguhnya, keringat yang telah ditaburkan oleh mereka tidak dapat saya balas sama sekali. Semoga budi dan jasa yang ditaburkan dibalas oleh Allah dengan syurga Firdaus.

Penghargaan seterusnya saya titipkan kepada Profesor Dr. Saedah Siraj selaku penyelia pertama saya atas sokongan, bimbingan, nasihat, semangat dan perkongsian ilmu dalam menyelesaikan pengajian ini. Sifat keibuan beliau membuatkan saya tidak kekok untuk berkongsi masalah yang saya alami semasa menyiapkan pengajian ini. Beliau membakar semangat untuk saya menamatkan pengajian dengan jayanya. Saya menganggap beliau sebagai ibu kedua saya kerana keprihatinan beliau dalam memantau perkembangan pengajian saya.

Seterusnya, penghargaan ini saya tujukan kepada penyelia kedua saya iaitu Dr. Ahmad Arifin Sapar kerana telah memberi idea dan bimbingan sepanjang pengajian ini. Tanggungjawab beliau sebagai pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa Timur Tengah tidak menjadikan alasan untuk beliau tidak meluangkan masa menyemak dan memberikan pandangan membina terhadap tesis ini. Semoga Allah melimpahkan rahmat dan inayat-Nya kepada beliau dan ahli keluarga.

Penghargaan teristimewa saya kepada Dr. Zaharah Hussin selaku pakar analisis kandungan yang sentiasa membimbing saya di saat saya memerlukan. Bukan sekadar pakar analisis kandungan, malah beliau memandu saya cara menganalisis kandungan dengan betul. Segala perkongsian ilmu yang dicurahkan, akan saya semat dan jadikan panduan seandainya saya ditakdirkan menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi kelak, Insya Allah. Budi dan jasa beliau akan saya kenang hingga ke akhir hayat saya.

Insan terpenting dalam hidup saya yang telah banyak berkorban masa, tenaga dan wang ringgit dalam memastikan saya menamatkan pengajian dengan sempurna iaitu suami saya Mohamad Yusuf Hussin. Beliau sering memberi kata-kata semangat ketika saya kelelahan dalam menguruskan tugas-tugas sekolah yang silih berganti, ditambah dengan tugas menulis disertasi, sehingga beliau sanggup melepaskan tawaran tugas yang diberikan demi memastikan kejayaan saya. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya tujukan kepada jantung hati saya iaitu Nur Izzatil Kautsar, Muhammad Izz Murtada, Haura Az Zahra dan Khadeeja Nur Zahra kerana memahami tugas saya sebagai seorang pelajar. Di kesempatan ini, Ummi memohon maaf kerana mencuri waktu kalian dengan meninggalkan kalian kepada datuk dan nenek sepanjang tempoh pengajian ini.

Kepada pihak lain yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung sekalung penghargaan diucapkan kerana tanpa insan-insan ini tidak dapatlah saya

menyiapkan penulisan ini. Sesungguhnya, yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang. Segala usaha, perit jerih yang dirasai oleh semua pihak akhirnya membuahkan hasil. Kejayaan ini bukanlah kejayaan yang dikecapi oleh saya seorang, malah kejayaan kepada semua.

University of Malaya

ISI KANDUNGAN

ABSTRACT	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xli
SENARAI SINGKATAN	xlix
SENARAI LAMPIRAN	1
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.1 Latar belakang	1
1.2 Penyataan Masalah	6
1.3 Konsep Asas kajian Kemahiran Berfikir Kritis	9
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Soalan Kajian	14
1.6 Rasional Kajian	15
1.7 Signifikan Kajian	19
1.8 Batasan Kajian	20
1.9 Definisi Istilah	21

1.10	Kesimpulan	23
BAB 2 : TINJAUAN KAJIAN DAN PENYELIDIKAN BERKAITAN		24
2.1	Teori dan Model Kemahiran Berfikir	24
2.1.1	Teori Pembelajaran Konstruktivisme dan Pemikiran Kritis	24
2.1.2	Model Kemahiran Berfikir Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan Krathwohl	26
2.1.3	Model Kemahiran Berfikir Beyer	27
2.1.4	Model Kemahiran Berfikir Kementerian Pendidikan Malaysia	29
2.2	Kajian-kajian Berkaitan	31
2.2.1	Kajian-kajian Berkaitan Kemahiran Berfikir Kritis	31
2.2.2	Kajian-kajian Berbentuk Analisis Terhadap Buku-buku Teks	35
2.2.3	Kajian-kajian Berkaitan Kemahiran Berfikir Kritis dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Buku Teks	38
2.3	Kesimpulan	40
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN		42
3.1	Pendahuluan	42
3.2	Pembinaan Kategori-kategori	43

3.2.1	Kemahiran Berfikir Kritis Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan Krathwohl (2001)	43
3.2.2	Kemahiran Berfikir Kritis Beyer (1988)	44
3.2.3	Kemahiran Berfikir Kritis Wales, Nardi dan Stager (1986)	45
3.3	Reka Bentuk Kajian	45
3.4	Rasional Kategori-kategori	46
3.5	Instrumen Kajian	49
3.5.1	Organisasi Kod dan Kesahan	49
3.5.2	Menguji Kod dan Kebolehpercayaan	51
3.6	Sampel Kajian	51
3.7	Pengumpulan Data	52
3.8	Analisis Data	54
3.8.1	Data Anekdot	56
3.9	Kesimpulan	57
BAB 4 : ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN		58
4.1	Analisis Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti dan Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu KSSR	58
4.1.1	Analisis Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti	59

4.1.2	Analisis Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Penilaian	62
4.2	Analisis Sub-Kategori Kemahiran Berfikir Kritis dalam aktiviti dan penilaian Buku Teks Bahasa Melayu KSSR	66
4.2.1	Analisis Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti	67
4.2.2	Analisis Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Penilaian	70
4.2.3	Analisis Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti	73
4.2.4	Analisis Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Penilaian	77
4.2.5	Analisis Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti	80
4.2.6	Analisis Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Penilaian	83
4.2.7	Analisis Keseluruhan Sub Kepada Sub-Kategori Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti dan Penilaian	87
4.2.7.1	Analisis Sub Kepada Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti dan Penilaian Tahun 4	88

4.2.7.2	Analisis Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti dan Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4	92
4.2.7.3	Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti dan Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4	94
4.2.7.4	Sub Kepada Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti dan Penilaian Tahun 5	98
4.2.7.5	Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti dan Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5	102
4.2.7.6	Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti dan Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5	103
4.2.7.7	Sub Kepada Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti dan Penilaian Tahun 6	107
4.2.7.8	Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti dan Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6	110

4.2.7.9	Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti dan Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6	112
4.3	Analisis Perbandingan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis antara Tahun dalam Aktiviti dan Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu KSSR.	115
4.3.1	Analisis Perbandingan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis antara Tahun dalam Aktiviti	116
4.3.2	Analisis Perbandingan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis antara Tahun dalam Penilaian	118
4.4	Analisis data anekdot dalam Buku Teks Bahasa Melayu KSSR Tahap Dua	119
4.4.1	Analisis Data Anekdote terhadap Isi Kandungan Kemahiran Membaca Buku Teks Bahasa Melayu KSSR Tahap Dua	121
4.4.2	Analisis Data Anekdote terhadap Aktiviti Kemahiran Membaca Buku Teks Bahasa Melayu KSSR Tahap Dua	125
4.4.3	Analisis Data Anekdote Terhadap Penilaian Kemahiran Membaca Buku Teks Bahasa Melayu KSSR Tahap Dua	131
BAB 5: RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN		137
5.1	Rumusan dan Perbincangan Kajian	137
5.1.1	Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti dan Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu KSSR	137

5.1.1.1	Aktiviti Kemahiran Membaca dalam Buku Teks Bahasa Melayu KSSR	137
5.1.1.2	Penilaian Kemahiran Membaca dalam Buku Teks Bahasa Melayu KSSR	138
5.1.2	Sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti dan Penilaian Kemahiran Membaca dalam Buku Teks Bahasa Melayu KSSR	139
5.1.2.1	Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat	139
5.1.2.2	Sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan	139
5.1.2.3	Sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi	139
5.1.2.4	Analisis Keseluruhan Sub kepada Sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis	140
5.1.3	Perbandingan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis Antara Tahun dalam Buku Teks Bahasa Melayu KSSR	141
5.1.3.1	Perbandingan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis Antara Tahun dalam Aktiviti	142
5.1.3.2	Perbandingan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis Antara Tahun dalam Penilaian	142
5.1.4	Data Anekdote dalam Buku Teks Bahasa Melayu KSSR Tahap II Sekolah Rendah	143
5.1.4.1	Isi Kandungan	143

5.1.4.2	Aktiviti-aktiviti	144
5.1.4.3	Penilaian	145
5.2	Implikasi	147
5.2.1	Tahap Ilmiah yang Sederhana	147
5.2.2	Tidak Membantu Menyelesaikan Masalah	148
5.2.3	Kurang Berjaya Membuat Perkaitan dengan Kehidupan	148
5.2.4	Bahasa Melayu Menyeronokkan	149
5.2.5	Guru Kurang Efektif	149
5.3	Cadangan	150
5.3.1	Bahagian Buku Teks (BBT)	150
5.3.2	Kementerian Pendidikan Malaysia	150
5.3.3	Penerbit dan Penulis	151
5.3.4	Guru-guru	151
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	152
	RUJUKAN	154

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Aras Taksonomi Bloom semakan oleh Anderson dan Krathwohl daripada aras rendah kepada aras tinggi	12
Rajah 2.1	Huraian aras Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan Krathwohl	27
Rajah 2.2	Operasi Berfikir Utama	28
Rajah 2.3	Model Kemahiran Berfikir oleh Kementerian Pelajaran Malaysia	30

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1	Kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6	60
Jadual 4.2	Kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4	60
Jadual 4.3	Kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5	61
Jadual 4.4	Kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6	62
Jadual 4.5	Kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6	63
Jadual 4.6	Kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4	64
Jadual 4.7	Kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5	65
Jadual 4.8	Kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6	66

Jadual 4.9	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6	67
Jadual 4.10	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4	68
Jadual 4.11	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5	69
Jadual 4.12	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6	69
Jadual 4.13	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6	71
Jadual 4.14	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4	71
Jadual 4.15	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat dalam Penilaian Buku Teks Bahasa	72

Melayu Tahun 5

Jadual 4.16	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6	73
Jadual 4.17	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6	74
Jadual 4.18	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4	75
Jadual 4.19	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5	75
Jadual 4.20	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6	76
Jadual 4.21	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6	78
Jadual 4.22	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4	78
Jadual 4.23	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5	79

Jadual 4.24	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6	79
Jadual 4.25	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5, dan 6	80
Jadual 4.26	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4	81
Jadual 4.27	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5	82
Jadual 4.28	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6	83
Jadual 4.29	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6	84
Jadual 4.30	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4	84
Jadual 4.31	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5	85
Jadual 4.32	Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi	86

dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6

Jadual 4.33	Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4	88
Jadual 4.34	Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4	91
Jadual 4.35	Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4	93
Jadual 4.36	Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4	94
Jadual 4.37	Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4	95
Jadual 4.38	Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4	97

Jadual 4.39	Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5	99
Jadual 4.40	Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5	101
Jadual 4.41	Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5	102
Jadual 4.42	Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5	103
Jadual 4.43	Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5	105
Jadual 4.44	Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5	106
Jadual 4.45	Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti Buku	107

Teks Bahasa Melayu Tahun 6

Jadual 4.46	Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6	109
Jadual 4.47	Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6	111
Jadual 4.48	Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6	112
Jadual 4.49	Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6	113
Jadual 4.50	Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6	114
Jadual 4.51	Perbandingan Kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis antara Tahun dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu	117

Jadual 4.52 Perbandingan Kekерapan Kategori Utama Kemahiran 118
Berfikir Kritis antara Tahun dalam Penilaian Buku Teks
Bahasa Melayu

University of Malaya

SENARAI SINGKATAN

AKKBK	:	Analisis Kod Kemahiran Berfikir Kritis
BAKBK	:	Borang Analisis Kemahiran Berfikir Kritis
HPP	:	Hasil Pembelajaran Program
KBAT	:	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBAR	:	Kemahiran Berfikir Aras Rendah
KBK	:	Kemahiran Berfikir Kritis
KBKK	:	Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis
KBSM	:	Kemahiran Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	:	Kemahiran Bersepadu Sekolah Rendah
KOMSAS	:	Komponen Sastera
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	:	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LKKBK	:	Lembaran Kerja Kemahiran Berfikir Kritis
NKRA	:	National Key Result Areas (Bidang Keberhasilan Negara)
PISA	:	Programme for International Student Assessment
PdP	:	Pengajaran dan Pembelajaran
PPPM	:	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SWT	:	Subhanahuwataala
TIMSS	:	Trend in International Mathematics and Sciences Study
UKM	:	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSR	:	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Analisis Kod Kemahiran Berfikir Kritis
Lampiran B	Borang Analisis Kemahiran Berfikir Kritis Aktiviti/Penilaian
Lampiran C	Lembaran Kerja Kemahiran Berfikir Kritis
Lampiran D	Surat Lantikan dan Penghargaan Sebagai Pakar Bidang Kajian Sarjana
	Surat Persetujuan Pelantikan Sebagai Panel Pakar Bidang Bahasa

University of Malaya

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Berfikir merupakan fitrah semula jadi manusia yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada semua hambanya yang berakal. dalam al-Quran Allah SWT menggalakkan dan meminta umat manusia untuk menggunakan akal, membangunkan pemikiran dan membina daya kajian dan penelitian (Sidek Baba, 2012). Antara maksud ayat yang menyebut perkataan berfikir adalah seperti berikut:

Maka hendaklah manusia memikirkan dari apa ia diciptakan.

(Surah 86 : ayat 5)

Dalam ayat Allah SWT yang lain berkaitan gesaan berfikir bermaksud:

Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan: dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Oleh itu, tidakkah kamu mahu berfikir?

(Surah 5 : ayat 100)

Edward de Bono (2001) menyatakan bahawa berfikir merupakan kemahiran manusia yang paling penting kerana manusia memerlukan pemikiran untuk melaksanakan usaha, menyelesaikan masalah, mencari peluang, dan membuat perancangan untuk maju ke hadapan. Berfikir ke arah kebaikan dan berfikir dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT sangat dituntut dalam Islam (Abd. Halim Zulkifli, 2008). Manusia yang berfikir dengan penuh hikmah dan menzahirkan pemikiran melalui perkataan dan perbuatan yang baik akan dipandang mulia oleh masyarakat dan Allah SWT. Sebaliknya, manusia yang menggunakan akalnya untuk menuruti hawa nafsu, begitu mudah terjerumus ke lembah dosa. Ramai dalam kalangan

manusia khususnya golongan remaja hari ini kurang mempertimbangkan akal mereka untuk tujuan yang bermanfaat. Mereka menuruti hawa nafsu tanpa memikirkan kesan perbuatan mereka hingga menyebabkan masa depan kelam. Kes-kes jenayah sosial seperti menonton video lucu, merompak, merogol, berzina, membuang bayi, menghisap gam, ganja dan dadah, malahan lebih dahsyat lagi membunuh pada usia yang terlalu muda merupakan gejala yang semakin membarah (Hairunnaja Najmuddin, 2007). Pelbagai langkah telah diambil bagi membendung masalah yang tiada berkesudahan agar para remaja mampu meletakkan akal mereka ditempat yang sewajarnya.

Salah satu langkah membendung masalah sosial tersebut adalah melalui saluran dunia pendidikan. Transformasi demi transformasi digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk disesuaikan dengan keperluan pendidikan setanding dengan negara-negara lain demi memastikan anak-anak bangsa mendapat pendidikan yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi, intelek dan spiritual. Untuk melahirkan anak-anak yang holistik, pemikiran yang sihat diperlukan bagi meneruskan legasi negara bersaing dalam dunia yang serba mencabar ini. Oleh itu, hasrat negara mencapai negara maju tahun 2020 dimulakan sejak anak-anak di prasekolah lagi. Transformasi Pendidikan Negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan telah membentuk tiga fasa iaitu Gelombang 1 (2013-2015), Gelombang 2 (2016-2020) dan Gelombang 3 (2021-2025) dalam menghadapi abad ke-21 yang serba mencabar. Melalui transformasi ini, murid-murid perlu menguasai kemahiran 4K iaitu kemahiran komunikasi, pembelajaran kolaboratif, pemikiran kritis dan pemikiran kreatif (KPM, 2017). Pembelajaran abad ke-21 merupakan pembelajaran yang berpusatkan murid berbanding pembelajaran abad-abad terdahulu. Pembelajaran berpusatkan murid telah lama dipraktikkan oleh negara-negara lain. Jenis pembelajaran ini mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan kebolehan berfikir secara kreatif dan kritis.

Kemahiran Berfikir Kritis (KBK) merupakan salah satu komponen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) selain kemahiran berfikir kreatif, penyelesaian masalah dan membuat keputusan (Lewis & Smith, 1993; Mulnix, 2012). Para sarjana berpendapat bahawa kemahiran berfikir kritis merupakan salah satu matlamat yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam menempuh abad ke-21 (Bell, 2010; Dede, 2010; Siti Faizzatul Aqmal & Razali, 2011; Flores, Matkin, Burbach, Quinn & Harding, 2012; Saavedra & Opfer, 2012; Dwyer, Hogan & Stewart, 2014; Smith & Redmond, 2016; Shamsuddin, Ruzlan & Siti Noor, 2017). Di Malaysia, kemahiran Berfikir Kritis dizahirkan melalui pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Falsafah ini bertujuan melahirkan insan kamil yang mampu memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Kandungan kurikulum kebangsaan juga bermatlamat untuk melahirkan generasi masa hadapan negara yang seimbang serta menguasai kemahiran abad ke-21.

Melalui pelan strategik jangka panjang iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang menyasarkan kualiti pendidikan negara dipertingkatkan dalam tempoh 13 tahun dengan pelaksanaan tranformasi pendidikan secara menyeluruh. Lima aspirasi sistem dan enam aspirasi murid telah dikenal pasti sebagai pemangkin untuk memacu kecemerlangan pendidikan negara pada masa hadapan. Aspirasi sistem tersebut ialah akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan. Di bawah aspirasi kualiti, hasrat KPM dapat dilihat melalui petikan kata-kata Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Dato[”] Sri Dr. Khir Mohamad Yusuf:

“Usaha untuk menempatkan Malaysia dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran TIMSS dan PISA dalam tempoh 15 tahun sepertimana hasrat PPPM, perlu dilakukan secara tuntas, bersepadu, berterusan dan pengamalan integriti yang tinggi.”

Manakala melalui aspirasi murid pula, pelan ini menggariskan enam ciri utama yang perlu dikuasai oleh setiap murid untuk bersaing pada peringkat global iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, dan identiti nasional. Salah satu aspek yang diberi keutamaan di bawah aspirasi murid ialah kebolehan murid untuk menguasai kemahiran berfikir. Melalui aspirasi ini, setiap murid akan belajar cara memperoleh ilmu pengetahuan sepanjang kehidupan mereka (menerapkan perasaan ingin tahu dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat) untuk membolehkan mereka menghubungkan pelbagai disiplin ilmu dan mencipta ilmu yang baharu. Setiap murid perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif termasuk penaakulan dan pemikiran kritis, kreatif, serta inovatif. Bidang ini kurang diberi perhatian untuk beberapa tahun kebelakangan, menyebabkan murid kurang berupaya untuk mengaplikasi ilmu pengetahuan dan berfikir secara kritis di luar konteks akademik (Pelan Pembangunan, 2012). Oleh yang demikian, selaras dengan keperluan abad ke-21, kemahiran berfikir merentas semua disiplin ilmu dalam kalangan murid perlu diberi keutamaan dalam menentukan kejayaan transformasi pendidikan seperti yang telah digariskan.

Pada tahun 1994 Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) dalam kurikulum kebangsaan melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Seterusnya, transformasi pendidikan telah dimulakan dengan terlaksananya Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011, manakala pengajaran pemikiran kreatif dan kritis dan pembelajaran strategi telah dilaksanakan serta KBAT ditekankan di sekolah-sekolah seluruh negara. Kandungan KBSR telah menekankan kemahiran 3M iaitu membaca, menulis, dan mengira, manakala kandungan KSSR pula telah menambah satu lagi kemahiran iaitu menaakul. Berbeza dengan kemahiran 3M, asas kemahiran menaakul membolehkan murid untuk memahami proses

mendapatkan sesuatu ilmu daripada menerima ilmu itu seadanya. Oleh yang demikian, dengan penambahan satu fokus dalam KSSR diharapkan dapat melahirkan murid yang dapat mempertingkatkan kemahiran berfikir mereka dalam pembelajaran. Hal ini demikian kerana KSSR memberi penekanan kepada pengajaran berpusatkan murid dan pengajaran yang dibezakan, di samping turut memberi lebih penekanan kepada penyelesaian masalah, tugas berasaskan projek, memperkemas mata pelajaran atau tema, dan melaksanakan penilaian formatif. Dengan pelan strategik yang telah dirancang dan disusun ini, dijangka murid-murid di bawah sistem persekolahan ini akan mempamerkan tahap pemikiran yang kritis, kreatif, dan berinovatif.

Kurikulum Bahasa Melayu juga tidak terlepas daripada mengalami proses evolusi dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan masyarakat agar mampu bersaing dengan kurikulum lain. Pendidikan Bahasa Melayu mula menerima kurikulum baharu sejak Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) diperkenalkan pada tahun 1988. Kini, Standard Kurikulum Bahasa Melayu yang distruktur semula dibentuk berasaskan enam tunjang iaitu komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, literasi sains dan teknologi, fizikal dan estetika, dan keterampilan diri. Enam tunjang tersebut saling menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif agar selari dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Dokumen Standard Kurikulum & Pentaksiran Bahasa Malaysia Tahun 6). Teras kepada Standard Kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah ialah kemahiran bahasa. Kemahiran bahasa ini diterapkan dalam buku teks melalui lima pendekatan modular iaitu modul kemahiran mendengar dan bertutur, modul kemahiran membaca, kemahiran kemahiran menulis, modul seni bahasa dan modul tatabahasa.

1.2 Penyataan Masalah

Kajian-kajian luar negeri yang berkaitan dengan elemen kemahiran berfikir kritis antaranya ialah kajian berfikir secara kritis terhadap kepimpinan dalam kalangan pelajar kolej (Flores, Matkin, Burbach, Quinn, & Harding, 2012), kajian kesan kekurangan kemahiran pemikiran kritis dalam kalangan graduan kolej (Flores, Matkin, Burbach, Quinn & Harding (2012), kajian pengajaran kemahiran berfikir dalam pembelajaran berasaskan kontekstual (Avargil, Herscovitz, & Dori, 2012), dan kajian pengajaran autentik bagi pendidikan abad 21 di sekolah inklusif (Preus, 2012). Kajian lain yang melibatkan penggunaan KBKK termasuk juga kajian teknik *digital storytelling* bagi menggalakkan pencapaian akademik pelajar, pemikiran kritis dan motivasi pembelajaran (Ya & Wan, 2012), kajian pelaksanaan KBKK dalam PdP KOMSAS sekolah menengah (Chew & Shashipriya, 2014), kajian KBAT dalam SALAK DIDIK dengan elemen nyanyian dan pantun (A. Rahman, Jamaludin & Zamri, 2015), kajian amalan penerapan kemahiran pemikiran kritis bagi pelajar-pelajar di sekolah berprestasi tinggi, sederhana dan rendah (Shamsuddin, Ruzlan dan Siti Noor (2016), kajian teknik penyebatian kemahiran berfikir dalam memahami mata pelajaran Fizik (Badariah, Nurulhuda & Razak, 2017), kajian pelaksanaan program i-THINK di sekolah-sekolah Kuala Lumpur (Shamsazila, Muhammad Faizal & Ghazali, 2017), kajian kompetensi guru Bahasa Melayu dalam menerapkan KBAT dalam PdP (Hasnah & Jamaludin, 2017), kajian amalan pengajaran guru Bahasa Melayu dalam penulisan karangan dalam aspek KBKK dan pembelajaran kolaboratif (Chung, Leng & Peng, 2017) dan lain-lain lagi. Walaupun kajian KBK sangat banyak, namun kajian terhadap kemahiran tersebut dalam buku-buku teks bahasa masih kurang dijalankan sama ada di dalam mahupun di luar negeri. Oleh itu, pengkaji beranggapan bahawa kajian analisis kandungan Kemahiran Berfikir Kritis dalam buku teks Bahasa Melayu perlu dijalankan segera.

Tambahan lagi dalam menelusuri abad ke-21 ini, kemahiran berfikir kritis telah terbukti mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik murid di sekolah (Ya & Wan, 2012; Han, Sukiman Saad, Noor Shah Saad & Mohd Uzi Dollah, 2012; Avargil, Herscovitz & Dori, 2012; Gwo, 2013; Faridah Darus, Rohaida Mohd Saat & Abd. Razak Zakaria, 2013; Chew & Shashipriya Nadaraja, 2014; Nura Aisyah & Zamri, 2014; A. Rahman Haron, Jamaludin Badusah & Zamri Mahamod, 2015; Norasmahani Nor, Nur Sofiah Suhaimi, Nur Syamira Abdul Wahab, Mohd Khushairi Che Ismail, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak, 2015; W. A. Wan Ismail, W.I. Muhammad, M.A. Lubis, & M. I. Hamzah, 2016; Ili Atiqah & Ruslin, 2016; Muhammad Asri et. al, 2016; Badariah, Nurulhuda & Razak Abd. Samad, 2016; Chung, Leng & Peng, 2017; Siti Norhaida, 2017). Bukti-bukti tersebut menunjukkan perlunya pelajar-pelajar didedahkan dengan KBK adalah melalui pendekatan, aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan penggunaan bahan-bahan bantu mengajar termasuk buku teks dan bahan-bahan kurikulum yang lain. Salah satu pendekatan terkini yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 2011 bertujuan mengukuhkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012; Tee, 2013; A. Rahman Haron, Jamaludin Badusah & Zamri Mahamod, 2015; Tan & Siti Hajar Halili, 2015; Lilik Mutrofin, Mohamad Nur & Leny Yuanita, 2016; Shamsazila, Muhammad Faizal & Ghazali, 2017).

Walaupun KBK mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar, namun kajian luar negara menunjukkan kemahiran tersebut masih kurang diterapkan dalam buku teks (Errington & Bubna-Litic, 2015; Aybek & Aslan, 2016; Nur Zaida, 2017). Hal ini demikian kerana guru menggunakan buku teks sebagai bahan bantu mengajar paling utama semasa proses PdP (Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim, 2017; Mohd Nazri Hassan, Ramlee Mustapha, Nik Azimah Nik Yusuff, Rosnidar Mansor, 2017). Beberapa kajian menunjukkan aspek KBK masih

kurang ditemui dalam buku teks, antaranya kemahiran menaakul didapati sangat sedikit dalam buku teks Matematik (Stylianides, 2014), ilustrasi/tanda peringatan dalam buku teks Matematik tidak membantu pelajar dalam menyelesaikan masalah yang memerlukan pelajar menggunakan pemikiran realistik (Dewolf, Van Dooren, Ev Cimen, & Verschaffel, 2014), tiada pengisian KBK yang standard dalam buku teks Pendidikan Sosial (Aybek & Aslan, 2016), dan sedikit aspek KBK dalam buku teks Bahasa Inggeris di Jepun (McConachy, 2018).

Selaras dengan penggubalan kurikulum pendidikan Malaysia yang baharu, maka buku teks tidak terkecuali daripada menerima tempias perubahan tersebut. Penggubalan buku teks sekolah adalah bertujuan menampung kelemahan yang terdapat pada buku teks sedia ada. Namun, beberapa kajian menunjukkan buku teks di Malaysia masih kurang menitikberatkan elemen pemikiran kritis dalam kandungan kurikulumnya, antaranya kandungan buku teks kurang berkesan menyebabkan pelajar lemah dalam menguasai bahasa Arab (Aisyah Sjahroni, Maimun Aqsha Lubis & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, 2017) dan buku teks Matematik sekolah rendah kurang pengaplikasian domain menaakul (Kai, Zaleha Ismail, Mardhiyana Abidin, 2018). Sebaliknya, Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus Kassim (2017) mendapati bahawa guru tidak dapat mengenal pasti elemen KBAT dalam buku teks walaupun elemen tersebut didapati tinggi dalam buku teks Pendidikan Islam.

Berdasarkan fenomena tersebut, pengkaji berpendapat kajian analisis kandungan kemahiran berfikir kritis dalam buku teks Bahasa Melayu adalah sangat relevan dengan situasi pendidikan kini yang bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang mampu berfikir secara kritis, kreatif, dan inovatif.

1.3 Konsep Asas Kajian Kemahiran Berfikir Kritis

Tahun 2017 menyaksikan perkembangan yang pesat dalam dunia pendidikan iaitu pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) secara meluas di sekolah-sekolah. Hal ini terjadi kerana pembelajaran abad ke-21 menuntut murid-murid menguasai aspek komunikasi, kolaboratif dan pemikiran kritis. Oleh yang demikian, maka tidak hairanlah jika dilihat kajian terhadap kemahiran berfikir kritis ini semakin diminati oleh para pengkaji masa kini sama ada pengkaji dalam mahupun luar negara. Kajian kandungan elemen berfikir kritis dan KBAT khususnya dalam bidang pendidikan seperti media elektronik dan bercetak didapati sangat banyak bagai cendawan tumbuh selepas hujan, namun kajian kemahiran berfikir kritis terhadap buku-buku teks dalam bidang bahasa masih kurang dijalankan.

Berfikir secara kritis bermaksud melihat secara holistik iaitu menilai sesuatu perkara daripada pelbagai sudut, kemudian barulah melihat pelbagai kemungkinan sebelum memilih pelbagai pilihan yang ada. Mulnix (2010) memberikan pengertian pemikiran kritis sebagai kebolehan menguasai, membentuk dan mempraktikkan kebolehan melihat perkaitan antara pelbagai rujukan yang terdapat di persekitaran. Setiap individu yang berfikir secara mendalam sebelum membuat sesuatu keputusan atau penilaian tentang sesuatu perkara dikatakan menggunakan pemikiran kritis dan kreatif (Reynolds, 2011). Beberapa proses berfikir kritis menurut Scriven dan Paul (1992) pula adalah menyatakan konsep, membuat aplikasi, menganalisis, mensintesis dan/atau menilai maklumat yang dikumpul, dijana, diperhati, pengalaman, tindak balas, taakulan, atau komunikasi sebagai petunjuk atau gabungan-gabungan idea-idea yang ada.

Dalam bidang pendidikan, segala bentuk pemikiran iaitu kreatif, kritis dan KBAT perlu diterapkan kepada murid-murid bermula di peringkat sekolah rendah lagi (Ikhsan & Norila, 2005) kerana mampu mendorong seseorang murid untuk menguji


kebenaran sesuatu perkara atau masalah agar tidak membentuk kesimpulan atau keputusan yang salah, di samping keupayaan untuk memproses maklumat dan menghasilkan sesuatu yang baharu dan asli (Rohaida & Zamri, 2015; Ili Atiqah & Ruslin, 2016). Melalui pengalaman dan gabungan idea-idea yang sedia ada inilah akan menghasilkan idea baharu. Namun, kebanyakan murid tidak dapat menggunakan kemahiran berfikir dengan berkesan kerana kebanyakan guru tidak menekankan kemahiran berfikir kepada murid-murid dalam pengajarannya (A. Rahman, Jamaludin & Zamri, 2015). Mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke-4 Tun Mahathir Mohamad telah menyeru generasi masa kini supaya berfikiran kreatif dan kritis di samping bersifat kaya maklumat serta maju dalam bidang sains dan teknologi (Sachi, 2004).

Elemen KBAT yang melibatkan proses kognitif yang tertinggi ialah pemikiran kritis. Miri et. al (2007) menyenaraikan perkara-perkara tersebut sebagai proses berfikir yang kritis iaitu menyelesaikan masalah, membuat kesimpulan, menganggarkan, meramal, generalisasi, dan pemikiran kreatif. Manakala Onosko dan Newmann (1994) pula mentakrifkan KBAT sebagai penggunaan potensi minda untuk menangani cabaran baru. Ramai penyelidik percaya bahawa memupuk KBAT dalam kalangan murid daripada semua peringkat umur merupakan satu matlamat pendidikan yang sangat penting dan KBAT merupakan elemen penting dalam kejayaan hidup (Gough, 1991; Marzano, 1998; Zohar et al, 2001; Sousa, 2008; Lord & Baviskar, 2007). Miri et. al (2007) menegaskan bahawa kehidupan manusia yang sentiasa berubah-ubah, dan dunia luar yang semakin mencabar memerlukan pelajar dan masyarakat melampaui keupayaan pengetahuan dan keperluan untuk membina KBAT.

Berdasarkan pendapat-pendapat para pemikir tersebut, KPM (2014) mendefinisikan KBAT sebagai keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Oleh yang

demikian, KPM harus memastikan agar pembelajaran KBAT diintegrasikan dan diterapkan di dalam kelas agar murid-murid dapat memahami sesuatu maklumat yang bakal digunakan bagi pencetusan idea.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) menggunakan Taksonomi Bloom yang dikemaskini oleh Anderson dan Krathwohl (2001) dalam mengaplikasikan KBAT dalam sistem pendidikan di Malaysia masa ini. Taksonomi Bloom semakan Anderson dan Krathwohl (2001) masih mengekalkan enam aras kognitif, namun telah mengubah penggunaan kata nama dalam setiap aras kepada kata kerja. Tahap pemikiran yang digambarkan dalam Taksonomi Bloom semakan Anderson dan Krathwohl menunjukkan tahap pemikiran meningkat dari aras mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai hingga mencipta.



Rajah 1.1: Aras Taksonomi Bloom semakan oleh Anderson dan Krathwohl daripada aras rendah kepada aras tinggi. Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). *Elemen KBAT dalam Kurikulum*. Malaysia: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Berdasarkan enam aras pemikiran tersebut, aras keempat hingga keenam diklasifikasikan sebagai aras KBAT. Aspek penting ini dapat diterangkan seperti berikut:

1. Mengaplikasikan domain pengetahuan, kemahiran dan nilai: Keupayaan mengaplikasikan domain pengetahuan, kemahiran dan nilai bermaksud berupaya menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dikuasai melalui proses pengajaran dan pembelajaran dengan mencapai tahap penguasaan yang ditetapkan dalam dokumen kurikulum bagi setiap mata pelajaran. Penguasaan ini berbeza bagi peringkat persekolahan sesuai dengan keupayaan dan kebolehan murid. Mengaplikasi kesemua domain ini menjadikan perkembangan murid holistik, seimbang dan bersifat insaniah.

2. Membuat penaaakulan dan refleksi: Membuat penaaakulan adalah kebolehan individu membuat pertimbangan secara logik dan rasional. Refleksi pula adalah mengimbas kembali dan mentafsir sesuatu perkara melalui pengalaman, tindakan, perasaan dan maklum balas, seterusnya menganalisis dan mencerakin dalam membuat kesimpulan.

3. Menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu: Kebolehan menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu adalah hasil daripada keupayaan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta membuat penaaakulan dan refleksi. Murid boleh menyelesaikan masalah, membuat keputusan yang tepat dan bijaksana, menghasilkan sesuatu yang berinovasi dan bermanfaat, serta mampu mencipta sesuatu yang baharu apabila mengalami proses pembelajaran.

1.4 Objektif Kajian

Objektif Kajian ini dijalankan adalah untuk:

- 1) Mengenal pasti aktiviti-aktiviti dan penilaian-penilaian dalam kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 sekolah rendah mengandungi kategori-kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis.
- 2) Mengenal pasti aktiviti-aktiviti dan penilaian-penilaian dalam kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 sekolah rendah mengandungi sub-sub kategori Kemahiran Berfikir Kritis.
- 3) Menganalisis perbezaan kategori-kategori utama dan sub-sub kategori Kemahiran Berfikir Kritis dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 sekolah rendah.
- 4) Merumus perbezaan kategori-kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 sekolah rendah.

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan kepada beberapa objektif kajian yang telah dibentuk, kajian ini akan mencari jawapan kepada soalan-soalan berikut:

- 1) Sejauh manakah aktiviti-aktiviti dan penilaian-penilaian dalam kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 sekolah rendah mengandungi kategori-kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis?
- 2) Sejauh manakah aktiviti-aktiviti dan penilaian-penilaian dalam kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 sekolah rendah mengandungi sub-sub kategori Kemahiran Berfikir Kritis?
- 3) Apakah terdapat perbezaan kategori-kategori utama dan sub-sub kategori Kemahiran Berfikir Kritis dalam kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 sekolah rendah?

1.6 Rasional Kajian

Kajian kemahiran berfikir kritis ini dijalankan berdasarkan rasional-rasional di bawah:

1. Analisis Kandungan

Perancangan sesuatu pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah adalah merujuk kepada bahan-bahan bercetak seperti buku teks, sukatan pelajaran dan huraianya. Kekuatan dan kelemahan perancangan guru sedikit sebanyak adalah dipengaruhi oleh bahan-bahan rujukan yang digunakan. Oleh itu, pengkaji berpendapat amat perlu ditingkatkan mutu bahan-bahan rujukan utama tersebut terutamanya buku teks. Hal ini demikian kerana buku teks bukan sahaja menjadi rujukan guru malahan bacaan utama murid-murid.

Dalam usaha meningkatkan mutu tersebut, analisis kandungan merupakan metod utama yang biasa digunakan oleh pengkaji-pengkaji. Dalam hal ini, Borg dan Gall (1983) telah menyatakan bahawa analisis kandungan merupakan satu teknik penyelidikan yang lebih objektif, sistematik dan mempunyai deskripsi yang kuantitatif yang biasanya digunakan untuk berbagai bahan komunikasi terutamanya bahan-bahan bertulis. Atas alasan tersebut, pengkaji berpendapat teknik analisis kandungan adalah paling relevan dalam kajian ini.

2. Kemahiran Berfikir Kritis

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menggariskan enam aspirasi iaitu kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti sosial, pengetahuan dan kemahiran berfikir yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global. Daripada enam aspirasi yang dinyatakan, kajian ini akan memfokuskan kepada kemahiran berfikir.

Penguasaan kemahiran berfikir yang mantap memainkan peranan penting dalam melahirkan murid yang kreatif dan inovatif serta mampu menyelesaikan masalah dalam kehidupan sebenar.

Kemahiran berfikir yang ditekankan ialah Kemahiran Berfikir Kritis (KBK) iaitu salah satu elemen yang terkandung dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) kerana trend perkembangan pendidikan masa kini menuntut kemahiran tersebut. Penerapan KBK dalam pendidikan menggunakan pendekatan yang menyeluruh dan sistematik yang merangkumi tujuh elemen KBAT yang terdiri daripada tiga elemen utama iaitu kurikulum, pentaksiran dan pedagogi serta empat elemen sokongan iaitu kokurikulum, sokongan Komuniti dan swasta, sumber dan bina upaya. Kesemua elemen ini adalah untuk membudayakan KBK dalam kalangan guru dan murid. Dengan itu, pemilihan KBK sebagai variable utama adalah relevan dengan keperluan semasa murid-murid khususnya dan negara amnya.

3. Buku Teks

Kajian telah membuktikan bahawa bentuk penyediaan dalam buku teks banyak menekankan konsep menyebut kembali apa yang telah dibaca, jarang sekali latihan-latihan yang diarahkan kepada bentuk analisis, menilai, meringkas dan menyelesaikan masalah (Hooi & Knight, 2015).

Kebanyakan kajian di Malaysia telah menunjukkan korelasi yang tinggi antara pencapaian akademik pelajar dalam peperiksaan dengan buku-buku teks yang digunakan. Kajian keciciran (1972) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperlihatkan korelasi yang tinggi antara buku teks dengan keciciran pelajar-pelajar daripada persekolahan. Kajian yang dilakukan oleh Isahak Haron (1977) juga telah memperlihatkan bahawa buku-buku teks memberi kesan yang baik terhadap pencapaian akademik pelajar-pelajar di dalam peperiksaan darjah lima.

Dalam rancangan KSSR, buku teks merupakan salah satu bahan kurikulum yang penting di sekolah-sekolah. Oleh itu, penyediaan buku-buku teks dikawal rapi oleh Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia. Pukul KBSM, (1990: 154-156) menyatakan:

Buku teks memainkan peranan yang penting di dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai sumber rujukan utama dari segi menyalurkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pembelajaran yang baik di sekolah mahupun di rumah. Buku teks juga memainkan peranan sebagai alat pembantu utama kepada guru di mana pengetahuan asas yang disampaikan oleh guru pada keseluruhannya adalah berpandu dan berpunca daripada fakta, bahan dan maklumat yang dirujuk daripada buku teks. Oleh yang demikian buku teks mestilah bermutu.

Kajian berhubung dengan keberkesanan buku-buku teks amat terhad sekali di Malaysia (Abdullah, 1977; Abdul Hamid, 1990; Saedah, 1990; dan Idris, 1993). Walau bagaimanapun, kepentingan kajian dan analisis buku-buku teks telah disedari oleh pihak-pihak yang berkaitan. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, KPM misalnya telah mengadakan kursus-kursus analisis kandungan bahan pendidikan yang bermatlamat untuk meningkatkan mutu buku teks. Oleh sebab itu, pengkaji berpendapat satu kajian teliti tentang aspek-aspek yang telah disebutkan perlu dijalankan.

4. Sekolah Rendah

Kajian yang dijalankan ini adalah tertumpu kepada buku teks tahap II sekolah rendah atas beberapa alasan tertentu. Sekolah rendah merupakan peringkat pertama pembelajaran selepas murid tamat pendidikan awal di prasekolah. Di peringkat sekolah rendah, murid kini telah didedahkan dengan KBAT secara perlahan-lahan. Kerajaan telah mempertanggungjawabkan Kementerian Pelajaran bagi memastikan semua murid normal dapat menguasai kemahiran literasi dan numerasi selepas mengikuti tiga tahun

pendidikan rendah melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang dibentang 2010. KSSR yang mula diaplikasi pada tahun 2011 turut menekankan penguasaan 4M iaitu membaca, mengira, menulis dan menaakul di samping kemahiran-kemahiran lain (James Ang & Balasandran, 2012). Kandungan KSSR yang salah satunya menekankan KBAT dimulakan dengan murid tahun satu yang baru memulakan alam persekolahan. Sehubungan itu, usaha bagi menggalakkan kemahiran berfikir mestilah dimulakan diperingkat sekolah rendah lagi kerana peringkat ini dianggap sebagai masa yang paling sesuai untuk meletakkan batu asas bagi pelaksanaan pendidikan seterusnya (Ikhsan & Norlia, 2005; Mohamad Mohsin & Nasaruddin, 2008). Kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa KBK lebih sesuai didedahkan kepada murid-murid seawal peringkat rendah lagi (Costello, 2000; Copple & Bredekamp, 2009; Burgess, 2012; T. Gewa, Saedah, Zahra, Rana, & Siti Hajar, 2014).

Banyak mata pelajaran di sekolah rendah tahap II kini menekankan kepada peringkat perkembangan kognitif pelajar. Begitu juga soalan-soalan peperiksaan khususnya Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2016 telah menumpukan kepada kemampuan berfikir murid memandangkan peperiksaan pada tahun tersebut merupakan kali pertama diadakan untuk mengukur keupayaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Pengkaji berpendapat perlu dijalankan satu kajian KBAT supaya pendidikan di sekolah rendah dapat memanfaatkan murid dalam menyediakan diri mereka dengan corak pemikiran yang lebih kritis sebelum melangkah ke peringkat pengajian yang lebih tinggi atau menceburkan diri dalam dunia pekerjaan.

5. Bahasa Melayu

Penumpuan kepada pelajaran Bahasa Melayu adalah kerana Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran wajib bagi semua murid di sekolah. Selain itu, bahasa Melayu juga digunakan sebagai bahasa pengantar utama.

1.7 Signifikan Kajian

Daripada hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati kajian ini amat bermanfaat kepada:

1. Penggubal Kurikulum Bahasa Melayu

Kajian KBK diharapkan dapat memberi sumbangan yang positif terhadap perkembangan bidang pembangunan dan penyelidikan pendidikan negara ini. Pembangunan Malaysia yang berkembang pesat menuju Wawasan 2020 memerlukan kepada pembangunan tenaga manusia yang boleh berfikir dengan baik dan berdaya saing. Selaras dengan itu, sistem dan corak pendidikan yang menghala ke arah melahirkan pelajar yang boleh berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif adalah menjadi satu desakan negara kini. Justeru, kajian yang dijalankan ini dapat digunakan sebagai satu sumber rujukan dalam penggubalan kurikulum Bahasa Melayu agar lebih memberi kesan positif kepada guru dan murid dalam menghadapi pengajaran dan pembelajaran abad ke-21.

2. Bahagian Buku Teks

Kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam penerbitan dan penilaian semula buku-buku teks KSSR. Kajian ini juga dapat menolong pihak tersebut dalam menyediakan garis panduan penyediaan buku-buku teks khususnya daripada aspek KBK di dalam buku-buku teks KSSR.

3. Penulis-penulis Buku

Hasilan kajian ini diharap dapat membantu penulis buku-buku teks dan buku-buku kerja merangka aktiviti-aktiviti dan latihan-latihan yang menjurus kepada KBK

dalam pelbagai mata pelajaran dalam KSSR. Dengan itu, matlamat pembelajaran ke arah pemikiran kritis, kreatif dan berinovasi dapat disalurkan melalui penghasilan buku-buku sedemikian.

4. Guru-guru

Kajian ini juga dapat membantu guru-guru dalam menyediakan program-program pengajaran yang lebih berkesan dan dinamik. Guru-guru boleh menjadikan bahan ini sebagai rujukan dalam membentuk aktiviti-aktiviti pengajaran yang lebih berkesan dan relevan dengan situasi semasa. Kajian ini juga dapat membantu guru menolong pelajar ke arah berfikir lebih kritis, kreatif dan berdaya saing dalam menghadapi peperiksaan dan situasi hidup masa kini.

1.8 Batasan Kajian

Kajian yang akan dijalankan mempunyai batasan-batasan tertentu. Batasan-batasan yang dihadkan ialah:

1. Bidang kajian ini terbatas kepada Kemahiran Kritis yang meliputi empat kategori utama iaitu Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat, Kemahiran Membuat Keputusan, Kemahiran Membentuk Inferensi dan Kemahiran Membentuk Analogi. Rasional penentuan empat kategori utama tersebut dijelaskan dalam bab III.
2. Subjek kajian ini hanya melibatkan buku-buku teks Bahasa Melayu tahap II KSSR yang telah diperakukan oleh Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia. Buku teks Bahasa Melayu yang dipilih ialah buku-buku teks Tahun 4, Tahun 5, dan Tahun 6 yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Bahagian yang diberi tumpuan khusus dalam pengkajian ini ialah aktiviti-aktiviti dan penilaian-penilaian kemahiran membaca yang terdapat dalam buku-buku teks yang

dikaji. Pengkaji akan menumpukan kepada arahan-arahan dan panduan-panduan yang diajukan pada bahagian awal setiap aktiviti dan penilaian yang diberi. Analisis kandungan ini tidak melibatkan isi kandungan, gambar-gambar, bahagian penghayatan dan aktiviti bacaan ayat. Bagaimanapun, pengkaji turut menghurai beberapa aspek tertentu secara deskriptif dalam data anekdot.

1.9 Definisi Istilah

Beberapa istilah yang khusus terhadap analisis buku teks Bahasa Melayu digunakan dalam penyelidikan ini.

1. Kategori utama

Istilah kategori utama merujuk kepada kemahiran-kemahiran utama yang terdapat dalam senarai „Analisis Kod Kemahiran Berfikir Kritis“. Terdapat empat kategori utama yang disenaraikan dalam Kemahiran Berfikir Kritis iaitu Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat, Kemahiran Membuat Keputusan, Kemahiran Membentuk Inferensi dan Kemahiran Membentuk Analogi. Kesemua rasional pemilihan tahap pemikiran ini dijelaskan dalam Bab III. Dalam senarai Analisis Kod, kategori-kategori utama ini diberikan bentuk urutan huruf roman besar. Bagi setiap kategori utama terdapat beberapa sub kategori tertentu.

2. Sub kategori

Istilah ini merujuk kepada Kemahiran Berfikir Kritis yang terletak di bawah kategori utama. Sub-kategori merujuk kepada Kemahiran Berfikir Kritis yang lebih khusus berbanding kategori utama. Terdapat sebanyak 10 sub-sub kategori Kemahiran Berfikir

Kritis dalam senarai Analisis Kod. Sub-kategori yang terdapat dalam senarai Analisis Kod diberikan urutan abjad berhuruf besar.

3. Sub kepada sub-kategori

Istilah ini merujuk kepada Kemahiran Berfikir Kritis yang lebih spesifik dan mudah dilihat di dalam buku teks. Sub kepada sub-kategori ini merupakan kemahiran paling kecil dan paling khusus yang terdapat di bawah sub-kategori tertentu. Terdapat sebanyak 47 sub kepada sub-kategori dalam senarai „Analisis Kod Kemahiran Berfikir Kritis“ dan bentuk huruf roman kecil diberikan kepadanya.

4. Analisis Kod

Merupakan satu senarai penuh kategori-kategori Kemahiran Berfikir Kritis yang telah dibentuk oleh pengkaji meliputi kategori-kategori utama, sub-kategori dan sub kepada sub-kategori. Analisis Kod akan digunakan sebagai alatan untuk mengenalpasti Kemahiran Berfikir Kritis yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Melayu KSSR.

5. Kemahiran Berfikir Kritis

Dalam kajian ini, KBK bertumpu kepada empat kategori iaitu Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat, Kemahiran Membuat Keputusan, Kemahiran Membentuk Inferensi dan Kemahiran Membentuk Analogi. Rasional pemilihan empat kategori tersebut dijelaskan dalam Bab III.

6. Aktiviti-aktiviti

Merujuk kepada gerak kerja-gerak kerja yang terdapat pada akhir setiap kemahiran atau aspek yang dikehendaki dalam buku teks Bahasa Melayu. Pengkaji juga akan

menumpukan perhatian terhadap arahan pada setiap aktiviti yang diberi di dalam buku teks Bahasa Melayu KSSR.

7. Penilaian-penilaian

Penilaian-penilaian ini merujuk kepada aktiviti keseluruhan yang terdapat di akhir setiap tema dalam buku teks Bahasa Melayu. Perkara utama yang diperhatikan dalam penilaian-penilaian ini ialah arahan-arahan soalan.

1.10 Kesimpulan

Kajian Analisis Kandungan Kemahiran Berfikir Kritis didapati bertepatan dengan kehendak semasa dan akan datang sejajar dengan hasrat negara yang sedang menuju ke arah negara maju dengan matlamat Wawasan 2020. Untuk tujuan analisis, pengkaji telah membentuk satu instrumen yang diberi nama „Analisis Kod Kemahiran Berfikir Kritis“. Empat kategori utama ditentukan dan rasional penentuan tersebut dijelaskan dalam bahagian metodologi kajian iaitu Bab III.

BAB 2: TINJAUAN KAJIAN DAN PENYELIDIKAN BERKAITAN

2.1 Teori dan Model Kemahiran Berfikir

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan teori dan beberapa model kemahiran berfikir yang telah dilaksanakan dalam program-program kemahiran berfikir di kebanyakan negara maju dan sesetengah negara membangun termasuk Malaysia sendiri.

2.1.1 Teori Pembelajaran Konstruktivisme dan Pemikiran Kritis

Para penyelidik di seluruh dunia telah memberikan satu pandangan baharu tentang ilmu pengetahuan dan cara manusia memperoleh ilmu pengetahuan. Pandangan baharu ini dikenali sebagai konstruktivisme yang menganggap murid bukan sekadar menerima pengetahuan secara pasif daripada gurunya, tetapi membina pengetahuan melalui interaksi dengan persekitaran (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Konstruktivisme merupakan satu pendekatan pengajaran berdasarkan penyelidikan tentang cara manusia belajar. Kebanyakan penyelidik berpendapat setiap individu membina pengetahuan dan bukannya hanya menerima pengetahuan daripada orang lain. Teori ini merupakan satu prinsip yang menekankan kepentingan ilmu pengetahuan, kepercayaan dan kemahiran yang dibawa oleh seseorang individu itu kepada pengalaman pembelajaran. Teori ini juga mengikrifik pembinaan kefahaman baharu sebagai gabungan pembelajaran terdahulu, maklumat baharu dan kesediaan untuk belajar (Ormrod, 2008). Manakala teori konstruktivisme sosial pula memperaiki peranan budaya dalam membina pengetahuan seseorang (Pountney, Parr & Whittaker, 2002).

Teori ini juga melibatkan pengetahuan atau kecerdasan yang memandu serta menstruktur proses pembelajaran. Sebaliknya situasi dan kemudahan lain perlu disediakan bagi merangsang pelajar menggunakan potensi kognitif secara lebih optimum (Scardamalia & Beiretter, 2006). Salah satu contoh kemudahan yang digunakan bagi membangunkan kognitif pelajar menurut Jamaludin Harun dan Zaidatun Tasir (2013) ialah pembelajaran berasaskan teknologi. Antara panduan yang ditetapkan ialah menyediakan persekitaran pembelajaran yang bersifat semulajadi serta disampaikan dalam konteks yang bermakna.

Konstruktivisme merupakan dimensi pemikiran kritis. Hal ini demikian kerana ciri-ciri pembelajaran konstruktivisme dikenal pasti sangat menggalakkan kepada pemikiran kritis. Kebanyakan pelajar memperoleh ilmu daripada sudut pandangan yang pelbagai, mempelajari perspektif kandungan pembelajaran tertentu, melakukan aktiviti dan refleksi yang akan menggalakkan pembentukan istilah abstrak dalam minda mereka. Proses menggabungkan pelbagai unsur tersebut menunjukkan bahawa beberapa strategi pembelajaran konstruktivisme adalah menjurus kepada pemikiran kritis. Topolovcan dan Matijevic (2016), dan Topolovcan, Rajic dan Matijevic (2017) menyenaraikan kaedah pembelajaran konstruktivisme tersebut cenderung kepada pemikiran kritis iaitu (1) pembelajaran berasaskan inkuiri, (2) pembelajaran berasaskan masalah, (3) pembelajaran berasaskan projek, (4) pembelajaran koperatif, (5) pembelajaran berasaskan permainan dan (6) belajar dan melakukannya (*learning-by-doing*). Kaedah-kaedah pembelajaran yang disebutkan didapati berjaya meningkatkan tahap pemikiran kritis pelajar (Ya & Wan, 2012; Bakry, 2013; dan Han & Gwo, 2013).

2.1.2 Model Kemahiran Berfikir Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan Krathwohl

Kemahiran berfikir peringkat tinggi atau objektif peringkat tinggi secara umumnya merujuk kepada model Taksonomi Bloom (Davis & Rimm, 1985) atau secara formal disebut sebagai “Taxonomy of Educational Objectives: Cognitive Domain” (Bloom, 1974; Bloom et. al, 1956; Furst, 1981; Davis & Rimm, 1985). Terdapat enam aras kemahiran iaitu pengetahuan, kefahaman, dan aplikasi yang dikenali sebagai Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR), manakala tiga tahap paling atas iaitu analisis, sintesis dan penilaian dianggap sebagai kemahiran berfikir yang lebih tinggi serta memerlukan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berbeza berbanding pembelajaran fakta dan konsep (Krathwohl, 2002).

Pada tahun 2001 Anderson dan Krathwohl menyesuaikan dan menyemak semula model taksonomi Bloom. Dengan perubahan dramatik dalam masyarakat dan pendidikan dalam tempoh lima dekad yang lalu, model taksonomi Bloom disemak semula untuk memenuhi keperluan guru hari ini. Struktur taksonomi yang disemak semula lebih jelas, diwakili oleh visual yang ringkas sejajar dengan standard dan matlamat pendidikan, objektif, produk, dan aktiviti (Forehand, 2005). Jadual berikut menunjukkan model kemahiran berfikir taksonomi Bloom semakan oleh Anderson dan Krathwohl:


Mencipta	<ul style="list-style-type: none"> Menyatukan elemen-elemen untuk membentuk satu gagasan umum yang koheren atau berfungsi; menyusun atur elemen ke bentuk atau struktur baru melalui penjanaan, perancangan dan penghasilan.
Menilai	<ul style="list-style-type: none"> Membuat penghakiman berdasarkan kriteria dan piawaian melalui semakan dan kritikan.
Menganalisis	<ul style="list-style-type: none"> Memecahkan bahan kepada bahagian kecil, menentukan bagaimana bahagian-bahagian kecil berkait antara satu sama lain dan terhadap struktur atau kegunaan umum melalui perbandingan, menyusun atur dan perkaitan.
Mengaplikasi	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan prosedur untuk melakukan atau melaksanakan sesuatu.
Memahami	<ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan kembali, mengeluarkan kembali dan mengingat semula pengetahuan yang relevan daripada ingatan jangka panjang.
Mengingat	<ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan kembali, mengeluarkan kembali dan mengingat semula pengetahuan yang relevan daripada ingatan jangka panjang.

Rajah 2.1: Huraian aras Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan Krathwohl
 Sumber: Anderson, L. W., Krathwohl, D. r., & Bloom, B. S. (2001). *A taxonomy for Learning, Teaching, and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. Longman.

2.1.3 Model Kemahiran Berfikir Beyer

Model kemahiran berfikir seterusnya ialah model kemahiran berfikir Beyer (1988) yang telah digunakan dalam kajian Zaharah Hussin (1995). Model ini dikelaskan kepada tiga aras berfikir utama bermula dari aras III yang berbentuk kemahiran-kemahiran pemprosesan maklumat peringkat paling mudah dikenali dengan „Micro-thinking skills“ (kemahiran-kemahiran berfikir mikro). Aras II pula mengandungi operasi-operasi pemikiran kritis yang lebih tinggi arasnya dikenali dengan „Critical Thinking Skills“ (kemahiran-kemahiran berfikir kritis). Akhir sekali, aras tertinggi mengandungi strategi-strategi berfikir utama dikenali dengan penyelesaian masalah dan


membuat keputusan iaitu aras I „Major Thinking Skills“ (Strategi-strategi berfikir utama). Model tersebut dapat dilihat dalam gambar rajah 2.2.



Rajah 2.2 Operasi Berfikir Utama. Sumber: (Beyer, B. K. (1998), Developing a thinking skills program. Boston: Allyn & Bacon Inc. dalam Zaharah Hussin (1995). Analisis Kandungan Kemahiran Berfikir Kritis dalam Buku Teks Pendidikan Islam Bersepadu Sekolah Menengah: m.s 32.

2.1.4 Model Kemahiran Berfikir Kementerian Pendidikan Malaysia

Model kemahiran berfikir seterusnya oleh KPM (2012) mengelaskan kemahiran berfikir kepada dua kategori utama iaitu kemahiran berfikir kreatif dan kemahiran berfikir kritis. Kedua-dua kemahiran berfikir ini diaplikasi setiap kali pelajar menggunakan proses pemikiran yang lebih rumit atau dipanggil strategi berfikir iaitu membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan mengkonsepsi. Dalam model ini terdapat kemahiran berfikir yang lebih asas yang diletakkan di bawah kategori kemahiran kreatif dan kemahiran kritis. Antara contoh kemahiran asas ini adalah membanding dan membeza, meramal, menjana idea, membuat inferens dan sebagainya. Kemahiran menaakul pula merupakan kemahiran yang digunakan bagi membuat pertimbangan secara logik, rasional, adil dan saksama. Penguasaan kemahiran kreatif dan kritis serta strategi berfikir menjadi lebih mudah dengan adanya kemahiran menaakul secara induktif dan deduktif (KPM, 2012). Model yang dibentuk ini dapat dilihat dalam rajah 2.3 di bawah:



Rajah 2.3: Model Kemahiran Berfikir oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Membudayakan Kemahiran Berfikir*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Sebagai rumusan, pengkaji berpendapat bahawa terdapat berbagai-bagai teori dan model kemahiran berfikir yang telah diutarakan oleh para sarjana pendidikan. Pengkaji telah memilih dua model kemahiran berfikir sebagai kerangka teori kajian iaitu model Taksonomi Bloom semakan Anderson dan Krathwohl (2001) dan model kemahiran berfikir Beyer (1988) yang diperkenalkan dalam Zaharah Hussin (1995).

2.2 Kajian-Kajian Berkaitan

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu terhadap kandungan buku-buku teks dan kajian-kajian terhadap kemahiran berfikir kritis. Dalam bahagian ini, pengkaji akan mendedahkan beberapa kajian terhadap kemahiran berfikir kritis dan kajian-kajian khusus terhadap analisis kandungan buku-buku teks yang pernah dijalankan oleh pengkaji luar negara dan tempatan.

2.2.1 Kajian-kajian Berkaitan Kemahiran Berfikir Kritis

Terdapat banyak kajian berkaitan KBK atau disebut juga *Critical Thinking Skills* di luar negara, dan kajian ini semakin berkembang di Malaysia. Ya dan Wan (2012) telah menjalankan satu kajian eksperimen selama satu tahun terhadap 110 orang pelajar kelas bahasa Inggeris tentang penggunaan *digital storytelling* untuk menggalakkan pencapaian akademik, pemikiran kritikal, dan motivasi pelajar. Hasil kajian mendapati penggunaan *digital storytelling* dalam pengajaran secara signifikan dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap isi kandungan, keinginan untuk meneroka, dan kebolehan untuk berfikir secara kritikal. Faktor-faktor tersebut penting dalam menyediakan pelajar ke arah pembelajaran abad ke-21.

Kajian KBK oleh Muhammad Hazrul Ismail (2012) terhadap 1,000 orang majikan dari pelbagai sektor ekonomi bertujuan melihat kebolehpasaran graduan bagi membolehkan pihak institusi pengajian awam dan swasta memahami akan keperluan semasa pihak industri. Pengkaji juga telah melantik khidmat pembanci untuk menemuramah sendiri sumber manusia organisasi bagi membantu mereka menjawab soal selidik kajian. Pihak pengurusan bagi meningkatkan lagi kadar respons kajian. Kaedah *Gap Analysis* digunakan bagi mengukur jurang tanggapan antara majikan terhadap kualiti sebenar graduan yang sedang bekerja dengan mereka berbanding

kebolehan yang perlu ada pada seseorang graduan untuk menjalankan tugasnya dengan berkesan. Dapatan mendapati bahawa terdapat jurang antara prestasi sebenar para graduan dengan jangkaan prestasi yang diharapkan oleh para majikan. Jurang perbezaan yang paling ketara adalah dalam membuat keputusan dan penyelesaian masalah diikuti kemahiran berfikir serta komunikasi dan interpersonal.

Han dan Gwo (2013) membangunkan persekitaran pembelajaran berasaskan permainan untuk menjalankan kajian terhadap murid sekolah rendah aliran sains semulajadi. Kajian bertujuan mengenal pasti sikap murid terhadap pembelajaran, motivasi, keberkesanan sendiri dan pencapaian dalam pembelajaran. Dapatan menunjukkan pembelajaran berasaskan permainan bukan sahaja memberi manfaat kepada murid terhadap pembelajaran dan motivasi, malahan dapat meningkatkan prestasi pembelajaran dan terarah sendiri dalam persekitaran permainan.

Bakry (2013) menjalankan kajian KBAT terhadap guru sekolah menengah di Kota Makassar dalam memahami konsep Matematik. Berdasarkan temubual dan pemerhatian beliau, didapati bahawa tahap pengetahuan 10 orang guru Matematik terhadap KBAT masih rendah. Beliau mencadangkan aktiviti yang dapat meningkatkan pengetahuan KBAT guru adalah dengan (a) Guru melakukan model pembelajaran berasaskan masalah (*problem solving*), (b) Guru mengadakan pembelajaran koperatif, (c) Guru memberikan soalan tidak rutin dan kompleks kepada pelajar, (d) Guru melakukan *brainstorming* dan perbincangan dalam setiap aktiviti PdP. Setelah aktiviti tersebut dijalankan, didapati bahawa kemahiran berfikir aras tinggi pelajar meningkat. Selain itu, daya ingatan pelajar mampu mengingat lebih lama tentang sesuatu yang dipelajari serta dapat menerapkan ilmu dalam kehidupan seharian.

Ab. Rahman, Jamaludin dan Zamri (2015) menggunakan pendekatan SALAK DIDIK untuk menguji keberkesanannya dalam kemahiran menulis karangan terhadap murid tahun empat di daerah Hulu Langat. Dua elemen didik hibur digunakan dalam

penulisan karangan iaitu elemen nyanyian dan elemen pantun. Sampel kajian dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Dapatan kajian yang dianalisis menggunakan ujian *t-sample* berpasangan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi min elemen nyanyian dan min elemen pantun antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan dalam ujian pos. Pendekatan SALAK DIDIK yang digunakan terhadap kumpulan eksperimen berjaya meningkatkan pencapaian penulisan karangan murid-murid.

Norasmahani, Nur Sofiah, Nur Syamira, Mohd Khushairi, Mohd Aderi, dan Khadijah (2015) menjalankan kajian untuk meninjau pelaksanaan penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam. Kajian deskriptif ini menggunakan 20 orang guru Pendidikan Islam sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Putrajaya sebagai sampel. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan KBAT dalam pengurusan dan pentadbiran, kefahaman KBAT dalam proses PdP, dan pelaksanaan pengajaran KBAT berada pada tahap sederhana. Manakala kefahaman perancangan KBAT dalam proses PdP, kefahaman pembinaan item KBAT dan kefahaman Penilaian KBAT berada pada tahap yang tinggi. Para pengkaji berpendapat bahawa guru perlu diberi lebih banyak pendedahan melalui kursus, bengkel dan latihan dalam perkhidmatan supaya penerapan KBAT kepada murid dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Kajian KBKK dijalankan oleh Chung, Leng dan Peng (2017) terhadap 10 orang guru Bahasa Melayu tingkatan 4 di tiga buah sekolah. Kajian ini bertujuan untuk melihat aspek pengajaran penulisan karangan dan pembelajaran kolaboratif pelajar menggunakan teknik persampelan bertujuan. Hasil kajian mendapati pembelajaran kolaboratif jarang diaplikasikan oleh guru-guru dalam proses PdP penulisan karangan kerana kekangan masa. Hal ini bermaksud strategi pengajaran guru memperlihatkan

bentuk konvensional iaitu lebih berpusatkan guru dan pelajar yang lemah pula disogokkan dengan teknik hafalan.

Abdul Rasid Jamian, Martini Misdon dan Azhar Md. Sabil (2017) mengkaji keberkesanan penggunaan peta pemikiran i-Think sebagai alat berfikir dalam memahami teks KOMSAS genre novel. Kajian melibatkan 60 orang pelajar tingkatan empat di Selangor yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Reka bentuk kajian mereka ialah kuasi eksperimen dan instrumen bagi praujian dan pascaujian ialah enam buah novel yang berjudul PAPA (Akhirnya kau tewas jua!). Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pencapaian pemahaman KOMSAS kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen iaitu penggunaan peta pemikiran i-Think dapat meningkatkan pencapaian bukan sahaja dalam kalangan pelajar Melayu malahan pelajar bukan Melayu dalam pemahaman KOMSAS. Selain itu, Penggunaan peta pemikiran i-Think dalam PdP memudahkan pelajar memahami jalan cerita sesebuah novel yang dipelajari dan menggalakkan proses KBAT sekali gus meningkatkan motivasi diri untuk terus mempelajari KOMSAS.

Subadrah Madhawa (2017) menggunakan alat berfikir CoRT untuk menguji keaslian dan kemahiran menyelesaikan masalah murid sekolah rendah di Semenanjung Malaysia. Dapatan kajian tinjauan ini mendapati secara signifikannya murid luar bandar menunjukkan keaslian dan kemahiran menyelesaikan masalah yang lebih tinggi berbanding murid bandar. Selain itu, kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan murid perempuan adalah jauh lebih tinggi berbanding murid lelaki. Kajian ini juga membuktikan bahawa instrumen yang dibangunkan oleh penyelidik berdasarkan alat pemikiran de Bono sesuai digunakan sebagai instrumen alternatif untuk mengkaji tahap kemahiran berfikir murid.

2.2.2 Kajian-kajian Berbentuk Analisis Terhadap Buku-buku Teks

Kajian-kajian berbentuk analisis terhadap buku teks telah banyak dilaksanakan sama ada oleh pengkaji luar negara mahupun tempatan. Maria Ines dan Ana (2012) menjalankan kajian ke atas buku teks Pendidikan Jasmani sekolah menengah di Sepanyol yang diterbitkan antara tahun 2000 hingga 2006. Kajian bertujuan melihat bagaimana perbezaan jantina digambarkan dalam imej yang terdapat dalam buku-buku teks tersebut. Sampel terdiri daripada 2,724 imej yang diterbitkan dalam 36 buku teks oleh 10 syarikat penerbitan Sepanyol. Pengkaji membangunkan skim pengkodan yang sejajar iaitu dengan dua ujian percubaan, dua kali perundingan dengan pakar-pakar, dan triangulasi dengan tiga pemerhati. Dapatan kajian menunjukkan ketidakseimbangan ketara antara perwakilan lelaki dan perempuan iaitu model lelaki mendominasi imej dalam buku teks. Di samping itu, imej-imej ini menggambarkan lelaki dan perempuan dalam peranan stereotaip dan menggambarkan aktiviti atau sukan yang lebih sesuai untuk satu jantina. Dapatan ini melanjutkan bahawa terdapat keperluan dalam meningkatkan kesedaran mengenai kandungan imej dalam buku teks dan keperluan mengatasi stereotaip jantina tradisional yang berkaitan dengan pendidikan jasmani dan sukan.

Gurel dan Elyilmaz (2013) menjalankan kajian ke atas sembilan buah buku teks Fizik yang biasa digunakan di seluruh dunia dan buku teks Fizik yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan Nasional Turki. Kajian bertujuan melihat salah faham pelajar terhadap konsep optik geometri dalam buku teks tersebut. Hasil kajian menunjukkan dalam bab pengenalan kepada optik, pelajar tidak boleh menentukan peranan *observer's eyes* dalam pembentukan dan pemerhatian imej. Penggunaan *observer's eyes* dan kritikan adalah punca utama pelajar tidak saintifik dan kurang asas dalam memahami konsep optik. Selain itu, peranan *observer's eyes* diabaikan atau tidak diberi penekanan secara khusus dalam pembentukan imej atau proses pemerhatian. Oleh yang demikian,

pengkaji mencadangkan agar buku teks Fizik dikaji semula oleh pakar-pakar dan peranan *observer's eyes* perlu dipertimbangkan terutamanya pada bahagian pengenalan kepada optik agar pelajar lebih memahami fenomena optik.

Junko et.al (2013) menjalankan kajian terhadap kandungan buku-buku teks sekolah sebagai alat untuk mencegah penggunaan tembakau dalam kalangan murid gred satu hingga sembilan di negara-negara membangun. Analisis reka bentuk kandungan digunakan untuk menilai jika buku teks diperbadankan. Pengkaji menggunakan lima komponen teras yang disyorkan oleh WHO sebagai alat pengukuran iaitu: (1) akibat penggunaan tembakau; (2) norma sosial; (3) sebab untuk menggunakan tembakau; (4) pengaruh sosial, dan (5) rintangan dan kemahiran hidup. Sebanyak 474 buku teks sekolah-sekolah rendah dan menengah di sembilan buah negara membangun dianalisis dan 41 buah buku dipilih yang mengandungi penerangan tentang pencegahan penggunaan tembakau. Dapatan menunjukkan daripada 41 buku teks, komponen pertama iaitu akibat penggunaan tembakau telah dibincangkan dalam 30 buah buku teks (73.2%), dan komponen norma-norma sosial telah dibincangkan dalam 19 buah buku (46.3%). Tiga komponen lain telah diterangkan iaitu kurang daripada 20%. Kesimpulannya, buku-buku teks di negara membangun yang mengandungi penerangan tentang pencegahan penggunaan tembakau agak terhad terutamanya penerangan tentang komponen teras. Pengkaji melihat bahawa pendidikan pencegahan tembakau perlu ditingkatkan dalam kandungan buku-buku teks sekolah.

Pengkaji Mehmet Eren, Mehmet Bulut dan Neslihan Bulut (2014) menjalankan kajian tentang sejarah matematik telah bersepadu dengan beberapa buah buku teks Matematik di Turki. Sebanyak empat buah buku teks Matematik yang berbeza tahap dipilih. Dapatan kajian mendapati bahawa sebanyak 42 kes menunjukkan penggunaan sejarah matematik dalam enam aspek berbeza, iaitu matematik menggambarkan wajah manusia, bagaimana konsep dibangunkan, membangunkan pendekatan pelbagai budaya,

menjelaskan peranan matematik dalam masyarakat, mengubah persepsi matematik, dan memberi peluang kepada kajian lanjutan. Daripada semua aspek tersebut, pemerhatian menunjukkan aspek matematik menggambarkan wajah manusia paling kerap ditonjolkan, manakala aspek yang kurang diberi perhatian ialah menyediakan peluang untuk menjalankan kajian lanjutan terhadap bidang matematik.

Zulkifley Hamid dan Mohd. Ashraf Zulkifley (2014) menggunakan modul *Six Thinking Hats* untuk mengkaji dua daripada sembilan Hasil Pembelajaran Program Pengajian (HPP) Bahasa Melayu. Dalam HPP tersebut ada menyatakan bahawa pelajar perlu mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran pengurusan maklumat dan kemahiran saintifik, namun tiada satu pun kursus di universiti yang menawarkan kursus yang mengandungi aspek tersebut. Kajian dijalankan terhadap sekumpulan pelajar tahun tiga, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM bertujuan membentuk kemahiran berfikir. Dapatan kajian menunjukkan bahawa empat bengkel yang dijalankan telah berjaya membina kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar untuk menyelesaikan masalah pembelajaran khususnya dalam penulisan latihan ilmiah.

Di Taiwan, Chou dan Ting (2016) mengkaji sejauh manakah buku teks sekolah rendah mengandungi skop dimensi global seperti yang dikehendaki dalam sistem pendidikan nasional negara mereka. Daripada 84 buah buku teks yang dikaji, didapati bahawa 10% daripada buku teks tersebut menepati skop dimensi global, majoriti daripadanya dalam bidang pengajian sosial dan aktiviti integratif. Konsep pendidikan global yang paling jelas ditunjukkan ialah kestabilan ekologi dan keamanan dunia, sedangkan hak-hak asasi manusia dan keadilan sosial kurang ditonjolkan. Cabaran pembinaan buku teks di negara tersebut ialah faktor kesesuaian mengaitkan dimensi global dengan seluruh aspek pendidikan dan kurikulum.

Pada tahun yang sama, Liu dan Khine (2016) menjalankan kajian terhadap ilustrasi yang terkandung dalam buku teks Sains sekolah rendah di Bahrain. Kajian yang

dijalankan bertujuan untuk mengetahui corak dan perbezaan jenis diagram yang terdapat dalam 20 buah buku teks dan buku kerja Sains. Analisis statistik deskriptif digunakan. Ujian ANOVA sehalu dilaksanakan bagi memeriksa jika terdapat perbezaan pengagihan diagram antara buku teks dengan buku kerja. Hasil kajian mereka mendapati bahawa terdapat sejumlah besar ilustrasi diagram dalam buku teks Sains Bahrain. Manakala ilustrasi diagram dalam buku kerja juga menunjukkan jumlah yang besar, namun jumlah tersebut tidak dapat mengatasi jumlah diagram yang terdapat dalam buku teks. Antara contoh diagram yang digunakan dalam kedua-dua buku tersebut ialah diagram jenis ikon, carta dan graf. Menurut Liu dan Khine, penggunaan diagram dalam buku teks dan buku kerja Sains adalah mod penting perwakilan visual yang memudahkan murid memahami konsep pembelajaran.

2.2.3 Kajian-kajian Berkaitan Kemahiran Berfikir Kritis dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Buku Teks

Semakin ramai pengkaji menjalankan kajian berkaitan KBK dan KBAT dalam buku teks. Norul Haida, Sharil Nizam, dan Nor Azian (2016) menjalankan kajian terhadap keberkesanan buku teks Bahasa Malaysia (KSSR) sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Sungai Tua, Daerah Gombak. Kajian bertujuan untuk melihat sama ada terdapat elemen berfikir aras tinggi dalam konteks pembelajaran kata adjektif. Kajian tersebut melibatkan 40 orang pelajar dan dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar dalam kumpulan eksperimen adalah lebih berjaya dalam ujian yang disediakan daripada kumpulan kawalan. Kajian ini telah membuktikan bahawa buku teks bahasa Malaysia (KSSR) sangat sesuai dan tepat digunakan sebagai modul pembelajaran di dalam kelas kerana mengandungi elemen berfikir aras tinggi.

Pada tahun yang sama, Arvianto dan Abdurrahman Faridi (2016) menjalankan kajian terhadap buku teks Bahasa Inggeris tahun 6 yang diterbitkan oleh Jabatan Pendidikan Kebangsaan, Indonesia pada 2014. Kajian bertujuan mengenal pasti proses kognitif dan dimensi pengetahuan daripada Taksonomi Semakan Bloom yang melibatkan latihan membaca, menentukan sama ada KBAR dan KBAT direalisasikan melalui latihan membaca, dan menentukan sama ada latihan membaca buku teks selari dengan kurikulum 2013. Hasil kajian dirumuskan seperti berikut (1) hanya tiga proses kognitif yang ditemui dalam buku teks tersebut iaitu mengingat, memahami dan menilai. (2) Terdapat dua dimensi pengetahuan yang ditemui iaitu fakta pengetahuan (factual knowledge) dan pengetahuan metakognitif (metakognitive knowledge) tidak diubah. (3) Bahan bacaan lebih cenderung kepada Kemahiran Berfikir Aras Rendah. (4) Latihan membaca dalam buku teks kurang selari dengan kurikulum 2013. Pengkaji menambah iaitu setiap bab hanya mengandungi satu teks bacaan dan kekurangan maklumat generik serta ciri-ciri linguistik teks yang berkaitan. Pengkaji seterusnya menegaskan bahawa sesebuah buku teks bukan sahaja perlu selari dengan kurikulum semasa, malahan perlu mempunyai ciri-ciri perkembangan kognitif dan pemikiran kritikal.

Di Turki, Dolunay dan Savas (2016) juga telah menjalankan kajian terhadap buku teks Bahasa Turki untuk menentukan sama ada aktiviti mendengar mengandungi unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Aktiviti mendengar dalam buku pengajaran Bahasa Turki yang digunakan oleh guru telah dianalisis sepenuhnya. Aktiviti-aktiviti tersebut dikategorikan mengikut kemahiran kognitif dalam Taksonomi Bloom semakan semula oleh Anderson dan Krathwohl. Dapatan kajian menunjukkan bahawa taburan aktiviti mendengar dengan tahap kemahiran kognitif tidak seimbang iaitu terdapat perbezaan yang besar antara antara kemahiran berfikir aras rendah (mengingat, faham, mengaplikasi) dan kemahiran berfikir aras tinggi (menganalisis, menilai, mencipta).

Kesimpulannya didapati bahawa tahap kemahiran kognitif lebih menjurus kepada aras kognitif rendah.

Kajian buku teks terkini oleh Margana dan Agus Widyantoro (2017) bertujuan membangunkan buku teks Bahasa Inggeris berorientasi KBAT di sekolah tinggi vokasional Yogyakarta, Indonesia. Hasil kajian mereka sebelum ni membuktikan bahawa buku teks yang sedia ada untuk peringkat sekolah menengah lebih menekankan kepada KBAR iaitu menghafal dan memahami. Hal ini membawa kepada kegagalan menguasai Bahasa Inggeris di peringkat sekolah menengah termasuklah sekolah menengah vokasional. Bagi mencapai matlamat kajian, seramai 14 orang guru Bahasa Inggeris dan 320 orang pelajar di tiga buah sekolah vokasional dipilih sebagai sampel kajian. Terdapat tiga bentuk teknik digunakan iaitu soal selidik, temu bual dan dokumentasi untuk mengumpul data. Data seterusnya dianalisis menggunakan kualitatif deskriptif. Secara kesimpulan, hasil kajian mendapati bahawa pembangunan buku teks berorientasi KBAT memberikan tindak balas positif terhadap responden yang bermaksud buku teks Bahasa Inggeris mampu mencetuskan KBAT dalam kalangan pelajar sekolah menengah vokasional. Hal ini seterusnya mampu menjana kreativiti dan memandu pelajar ke arah amalan pembelajaran sendiri.

2.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam bab ini menunjukkan bahawa buku teks mempunyai banyak manfaat sekiranya dijadikan sebagai medium pengajaran KBK bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah (Norul Haida, Sharil Nizam & Nor Azian, 2016; Margana & Agus Widyantoro, 2017). Namun begitu, pengkaji mendapati terdapat ketidakseimbangan KBK dalam buku-buku teks iaitu Kemahiran Berfikir Aras Rendah lebih banyak berbanding Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Solunay & Savas, 2016; Arvianto & Abdurrahman, 2016). Penggunaan buku teks dalam PdP dianggap tidak

berkesan sekiranya elemen KBK tidak selari dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan yang menerbitkan buku teks tersebut.

University of Malaya

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang telah diberi suntikan baharu melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada 2011 bertujuan untuk memenuhi keperluan semasa pendidikan negara bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Penguasaan 3M sahaja tidak mencukupi, malahan KBK yang terkandung dalam KBAT menjadi aspek penting bagi setiap murid yang bakal meninggalkan alam persekolahan. Banyak kajian membuktikan bahawa KBK mempunyai hubungan yang positif dengan murid (Flores, Matkin, Burbach, Quinn, & Harding, 2012; Yee, Jailani, Md Yunos, Suzanna, Ibrahim @ Sulong, Othman, Widad, & Tee, 2010; Rosnani, 2012; Ya, & Wan, 2012; Faridah, Rohaida, & Abd. Razak, 2013; Han & Guo, 2013; Sangmin, 2014; Norasmahani, Nur Sofiah, Nur Syamira, Mohd Khushairi, Mohd Aderi, & Khadijah, 2015; A. Rahman, Jamaludin, & Zamri, 2015).

Pelaksanaan KBAT dijalankan secara berperingkat bermula sejak tahun 2011 bagi murid tahun 1 sekolah rendah. Garis panduan dan bahan-bahan yang menjurus ke arah KBK tersebut telah dikenal pasti dan pekeliling serta penerangan berkaitan KBAT telah dijalankan oleh KPM di seluruh sekolah di Malaysia. Bahan-bahan yang disediakan di sekolah terutamanya buku-buku teks telah digunakan sepenuhnya di sekolah rendah dan secara berperingkat di sekolah menengah bermula tahun 2017 bagi murid tingkatan 1. Untuk melihat kewujudan kemahiran tersebut dalam kandungan buku teks, satu instrumen berbentuk senarai analisis kod perlu dibina. Banyak kajian analisis kandungan yang telah menggunakan senarai kod sebagai instrumen kajian (Farnall & Lyons, 2012; Obeidollah, Koorosh, Ali Akbari, & Hamid, 2015; Youngkee, Jeongsub, Minsun, & Myoungsoon, 2015; Chin, 2015; Nouf Sahal, Mohammed, & Lusignan, 2016; Gushin, Yusupova, Shved, Shueva, Vinokhodova, & Bubeev, 2016).

3.2 Pembinaan Kategori-kategori

Pembinaan kategori-kategori Kemahiran Berfikir Kritis dibentuk berdasarkan kepada beberapa kajian. Namun, tumpuan utama diberikan kepada dua model Kemahiran Berfikir Kritis yang dibentuk oleh Taksonomi Bloom semakan Anderson dan Krathwohl (2001), model Kemahiran Berfikir Beyer (1988) yang diperkenalkan dalam Zaharah Hussin (1995) dan Kemahiran Berfikir Kritis Wales, Nardi dan Stager (1986). Huraian di bawah hanya menerangkan Kemahiran Berfikir Kritis yang bersesuaian dengan mata pelajaran Bahasa Melayu sahaja diambil dan dimasukkan dalam senarai kategori utama.

3.2.1 Kemahiran Berfikir Kritis Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan Krathwohl (2001)

Tiga kategori utama dalam proses berfikir berdasarkan dimensi kognitif Taksonomi Bloom Semakan Krathwohl dan Anderson (2001) bermula daripada kemahiran asas kepada kemahiran yang lebih tinggi. Anderson dan Krathwohl telah membahagikan kemahiran berfikir kepada peringkat iaitu kategori utama peringkat rendah dinamakan kemahiran literal yang meliputi sub-kategori tersebut:

- 1) Kemahiran mengenal pasti maksud/frasa/ayat
- 2) Kemahiran mengenal pasti idea utama
- 3) Kemahiran mengenal pasti isi penting
- 4) Kemahiran membuat perbandingan
- 5) Kemahiran mengenal pasti sebab-kesan
- 6) Kemahiran mengenal pasti urutan idea/peristiwa

Kategori utama peringkat kedua iaitu kemahiran inferensi meliputi sub-kategori berikut:

- 7) Kemahiran mentafsir idea utama
- 8) Kemahiran mentafsir isi penting
- 9) Kemahiran mentafsir perbandingan
- 10) Kemahiran mentafsir sebab-kesan
- 11) Kemahiran membuat kesimpulan

Kejelasan peringkat lebih tinggi iaitu kemahiran kreatif kritikal mencakupi sub-kategori berikut:

- 12) Kemahiran menilai
- 13) Kemahiran membuat kesimpulan
- 14) Kemahiran dalaman
- 15) Kemahiran mengenal pasti moral pengajaran cerita

3.2.2 Kemahiran Berfikir Kritis Beyer (1988)

Beyer (1988) dalam Zaharah Hussin telah membentuk senarai kemahiran berfikir yang mengandungi tiga peringkat iaitu kemahiran berfikir mikro, kemahiran berfikir kritis dan strategi berfikir major. Dalam bahagian ini, penulis akan menerangkan kemahiran berfikir kritis yang telah dibentuk oleh Beyer. Sebanyak sepuluh kemahiran dilibatkan dalam senarai kemahiran Berfikir Kritis ini. Menurut Beyer, dalam proses berfikir, seseorang itu terlibat dalam semua kategori kemahiran tersebut, tetapi dalam menentukan sesuatu kekuatan tuntutan yang dibuat, kesemua kemahiran tersebut perlu dilibatkan.

Senarai kemahiran-kemahiran berfikir kritis tersebut ialah kemahiran membezakan antara fakta boleh uji dengan tuntutan nilai, kemahiran membezakan kesesuaian maklumat, tuntutan dan alasan yang tidak sesuai, kemahiran menentukan ketepatan fakta sesuatu pernyataan, kemahiran menentukan kredibiliti

(kebolehpercayaan dan kebolehterimaan) sesuatu sumber, kemahiran mengenalpasti tuntutan atau bantahan yang meragukan, kemahiran mengenalpasti anggapan yang tidak dinyatakan, kemahiran mengesan bias (ketidakadilan), kemahiran mengenalpasti kekeliruan yang logik, kemahiran mengenalpasti ketidakseimbangan logik sepanjang proses penaakulan, dan akhir sekali kemahiran menentukan kekuatan sesuatu bantahan atau tuntutan.

3.2.3 Kemahiran Berfikir Kritis Wales, Nardi dan Stager (1986)

Kemahiran Berfikir Kritis wales, Nardi dan Stager (1986) memfokuskan kepada Kemahiran Membuat Keputusan. Model ini mengandungi empat kemahiran yang perlu dilalui semasa proses membuat keputusan dimulai dengan peringkat paling rendah iaitu kemahiran menyatakan matlamat, kemahiran menjana idea, kemahiran menyediakan rancangan dan akhir sekali kemahiran mengambil tindakan. Setiap kemahiran memerlukan individu untuk membuat keputusan dalam peringkat analisis, sintesis dan penilaian. Sebanyak 12 langkah perlu diikuti sebelum mencapai kepada kemahiran membuat keputusan yang paling tinggi iaitu kemahiran mengambil tindakan.

3.3 Reka Bentuk Kajian

Metodologi penyelidikan dalam kajian ini ialah kaedah *Directed Content Analysis*. Kaedah ini sesuai digunakan apabila teori sedia ada atau kajian terdahulu mengenai sesuatu fenomena yang tidak lengkap akan mendapat manfaat daripada penerangan lanjut dengan matlamat untuk mengesahkan atau memanjangkan kerangka teori atau teori secara konseptual (Potter & Levine-Donnerstein, 1999; Hsieh dan Shannon, 2005).

Dalam membentuk instrumen, pengkaji telah mengubah suai „Analisis Kod Kemahiran Berfikir Kritis“ oleh Zaharah Hussin (1995) berasaskan kemahiran Bahasa Melayu dalam bahagian membaca untuk digunakan dalam kajian. Instrumen yang baharu ini dipanggil „Analisis Kod Kemahiran Berfikir Kritis“. Beberapa prosedur telah digunakan oleh pengkaji dalam mengubah suai instrumen bagi kajian ini iaitu:

- 1) Pengumpulan teori dan model kemahiran berfikir yang telah dibentuk oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.
- 2) Rujukan keperustakaan terhadap kajian-kajian kemahiran berfikir dan keberkesanannya terhadap pencapaian murid.
- 3) Rujukan terhadap kajian-kajian berbentuk analisis kandungan terhadap bukubuku teks.
- 4) Pembentukan kod berdasarkan keperluan dan kesesuaian kajian.
- 5) Pengujian instrumen oleh beberapa orang guru pakar Bahasa Melayu.
- 6) Pengesahan kandungan kod oleh beberapa orang pakar berkaitan.
- 7) Penggubalan semula instrumen untuk kegunaan dalam kajian sebenar.

3.4 Rasional Kategori-kategori

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan rasional setiap kategori Kemahiran Berfikir Kritis yang dibina. Sebanyak empat kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis yang telah dipilih oleh pengkaji. Kategori-kategori utama yang ditentukan merangkumi:

- (1) Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat
- (2) Kemahiran Membuat Keputusan
- (3) Kemahiran Membentuk Inferensi
- (4) Kemahiran Membentuk Analogi

(1) Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat

Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dipilih sebagai salah satu Kemahiran Berfikir Kritis atas rasional berikut:

1. Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat merupakan kemahiran paling asas yang perlu dikuasai oleh seseorang murid. Dalam kemahiran membaca, untuk memperoleh sesuatu maklumat daripada bahan bacaan tersebut, murid perlu memahami perkara yang dibaca sebelum menggunakan maklumat tersebut untuk tujuan lain. Sekiranya murid tidak dapat mengumpul maklumat dengan tepat, maka maklumat yang akan digunakan untuk tujuan lain akan tersasar.
2. Anderson dan Krathwohl (2001) mengelaskan Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat ini kepada kategori utama peringkat rendah yang dinamakan kemahiran literal. Manakala Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) mengelaskan Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat sebagai salah satu elemen dalam Kemahiran Berfikir Kritis yang perlu dikuasai oleh murid. Oleh yang demikian, pengkaji memilih kemahiran ini sebagai salah satu kemahiran yang perlu ada dalam kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis.

(2) Kemahiran Membuat Keputusan

Kategori utama kedua Kemahiran Berfikir Kritis iaitu Kemahiran Membuat Keputusan dipilih atas rasional berikut:

1. Setiap hari manusia tidak terlepas daripada menghadapi masalah sama ada kecil atau besar. Masalah-masalah tersebut tidak boleh diabaikan begitu sahaja kerana Allah SWT telah mengurniakan akal kepada manusia untuk berfikir. Proses menyelesaikan masalah yang berhemah memerlukan manusia menggunakan Kemahiran Membuat Keputusan. Oleh yang demikian, generasi hari ini perlu didedahkan sejak kecil lagi

dengan Kemahiran Membuat Keputusan yang baik untuk memimpin negara masa hadapan.

2. Bloom dalam KPM (2014) mengkategorikan Kemahiran Membuat Keputusan pada peringkat yang kelima tinggi iaitu kategori menilai. Dalam proses menilai, seseorang itu perlu membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi. Proses ini amat berkait dengan penggunaan teori konstruktivisme dalam berfikir secara kritis.

(3) Kemahiran Membentuk Inferensi (Rumusan)

Pemilihan Kemahiran Membentuk Inferensi dalam analisis kod atas rasional berikut:

1. Kategori utama ketiga iaitu Kemahiran Membentuk Inferensi bermaksud membuat kesimpulan berdasarkan maklumat, bukti atau pola tertentu. Biasanya kesimpulan dibuat berdasarkan pengalaman yang lalu. Kemahiran Membentuk Inferensi dipilih atas rasional iaitu Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) mengelaskan Kemahiran Membentuk Inferensi dalam kategori Kemahiran Berfikir Kreatif. Inferensi juga berkait rapat dengan teori konstruktivisme iaitu murid membuat kesimpulan berdasarkan pengalaman sedia ada mereka. Oleh yang demikian, kemahiran ini perlu dikuasai oleh murid bagi membolehkan mereka lebih memahami sesuatu mata pelajaran yang sukar.

(4) Kemahiran Membentuk Analogi

Istilah „Analogi“ dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) bermaksud kias atau perbandingan yang memperlihatkan ciri-ciri persamaan (sebahagiannya). Dalam istilah kesusasteraan pula, analogi merupakan satu kaedah penyelesaian masalah berasaskan bentuk ungkapan yang telah diketahui dengan yang belum diketahui.

Pengkaji memilih Kemahiran Membentuk Analogi dalam analisis kod atas rasional-rasional berikut:

1. Istilah analogi banyak digunakan dalam PdP Bahasa Melayu bagi memudahkan pemahaman murid terhadap sesuatu konsep. Analogi biasanya menggunakan kata bandingan seperti, bagai, macam, umpama untuk membandingkan sesuatu perkara dengan perkara atau objek lain bagi menyatakan maksud tertentu. Penggunaan analogi dalam Bahasa Melayu kebanyakannya merujuk kepada peribahasa. Sebagai contohnya bagi menggalakkan murid menggunakan peribahasa dalam kehidupan seharian, guru menggunakan analogi „Bangunan di Kuala Lumpur tumbuh macam cendawan selepas hujan“.
2. Beyer (1988) dalam Zaharah hussin (1995) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) turut memuatkan Kemahiran Membentuk Analogi sebagai salah satu kemahiran dalam model kemahiran berfikir untuk didedahkan kepada murid-murid bagi menggalakkan mereka berfikir dengan lebih kreatif dan kritis.

3.5 Instrumen Kajian

3.5.1 Organisasi Kod dan Kesahan

„Analisis Kod Kemahiran Berfikir Kritis“ yang telah dibentuk dan diubah suai ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama (rujuk lampiran 1):

1. Kategori utama: Dalam kategori utama, terdapat empat kategori Kemahiran Berfikir Kritis iaitu Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat, Kemahiran Membuat Keputusan, Kemahiran Membentuk Inferensi dan Kemahiran Membentuk Analogi. Dalam senarai Analisis Kod, kategori-kategori utama ditulis dengan nilai huruf roman besar. Di bawah setiap kategori utama, terdapat sub-kategorinya yang tersendiri.
2. Sub-kategori: Sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis dimasukkan di

bawah kategori-kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis. Terdapat sebanyak 10 sub-kategori dalam senarai Analisis Kod. Bagi setiap sub-kategori, terdapat sub-subnya sendiri. Dalam senarai Analisis Kod, sub-kategori diberikan nilai huruf abjad besar.

3. Sub kepada sub-kategori: Sub kepada sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis terletak di bawah setiap sub-kategori. Sub kepada sub-kategori merupakan kategori Kemahiran Berfikir Kritis yang paling spesifik dan khusus. Sub kepada sub-kategori ini memudahkan lagi kerja-kerja analisis kerana mudah dikenal pasti dalam buku teks. Dalam Analisis Kod, sub kepada sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis diberikan nilai huruf kecil roman kecil. Sebanyak 47 sub kepada sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis telah dimasukkan ke dalam senarai Analisis Kod.

Kod yang telah dihasilkan ditunjukkan kepada tiga orang pakar iaitu pakar kurikulum Bahasa Melayu, pakar analisis kandungan dan guru pakar Bahasa Melayu. Pengkaji mencipta dua draf senarai Analisis Kod yang mengandungi kesemua kategori utama, sub-kategori dan sub kepada sub-kategori KBK. Draf pertama yang telah dibina dan diubah suai berdasarkan pendapat pakar, diuji terlebih dahulu oleh dua orang pakar Bahasa Melayu untuk melihat kesesuaiannya dalam menganalisis buku teks. Mereka terlebih dahulu diberi latihan cara-cara menganalisis buku teks dengan menggunakan instrumen Analisis Kod. Sebanyak tiga tema (meliputi sembilan unit pembelajaran) telah dipilih dalam ujian analisis tersebut. Setelah selesai proses menguji, pengkaji meneliti dan membuat perubahan tertentu. Pengkaji mengekalkan kesemua kemahiran sedia ada daripada pengkaji asal Zaharah Hussin (2005), namun mengubah suai sedikit beberapa nama dalam kemahiran tersebut.

3.5.2 Menguji Kod dan Kebolehpercayaan

Senarai „Analisis Kod Kemahiran Berfikir Kritis“ yang dibina akan diuji kebolehpercayaannya sebelum dijadikan alatan dalam menganalisis aktiviti-aktiviti dan penilaian-penilaian dalam buku teks. Setelah itu, draf kedua dengan pengubahsuaian dan reka bentuk semula dibina. Pengkaji telah menggunakan tenaga dua orang pakar bagi KBK dalam bidang bahasa Melayu dan seorang pakar dalam analisis kandungan buku teks untuk menilai kod semakan kedua ini. Sebarang pendapat dan komen yang diberikan oleh pakar-pakar tersebut telah diambil kira oleh pengkaji. Setelah itu, barulah AKKBK digunakan sepenuhnya dalam menganalisis buku teks Bahasa Melayu KSSR.

3.6 Sampel Kajian

Oleh sebab kajian yang dijalankan ini menggunakan metod *Directed Content Analysis*, maka kajian ini hanya akan menggunakan sampel buku-buku teks. Buku-buku teks yang terlibat adalah seperti berikut:

- 1) Bahasa Malaysia KSSR Tahun 4, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka
- 2) Bahasa Malaysia KSSR Tahun 5, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka
- 3) Bahasa Melayu KSSR Tahun 6, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka

Perkara yang menjadi tumpuan pengkaji dalam sampel buku teks Bahasa Melayu KSSR tahap II ialah arahan-arahan dalam setiap awalan aktiviti-aktiviti dan penilaian-penilaian yang terdapat pada bahagian akhir setiap tema kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu KSSR tahap II. Unit sampel melibatkan 137 arahan dalam aktiviti dan 43 arahan dalam penilaian bagi ketiga-tiga buku teks.

3.7 Pengumpulan Data

Setiap aktiviti dan penilain dalam buku-buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, Tahun 5, dan Tahun 6 KSSR telah diteliti oleh pengkaji. Tiga jenis borang telah digunakan (rujuk lampiran) untuk tujuan pengumpulan data ini iaitu:

1. Senarai Analisis Kod Kemahiran Berfikir Kritis (**AKKBK**): Merupakan instrumen utama yang menjadi panduan dalam menjalankan analisis kandungan dalam buku teks Bahasa Melayu KSSR.
2. Borang Analisis Kemahiran Berfikir Kritis (**BAKKB**): Iaitu satu borang yang dibentuk untuk tujuan penganalisan terhadap setiap unit dalam buku-buku teks tersebut. Sebanyak 118 borang diperlukan dalam analisis ini.
3. Lembaran Kerja Kemahiran Berfikir Kritis (**LKKBK**): Mengandungi senarai penuh semua kategori Kemahiran Berfikir Kritis dalam buku teks Bahasa Melayu yang telah dianalisis. Sebanyak dua lembaran kerja telah diperuntukkan untuk aktiviti dan penilaian yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu KSSR.

Langkah pertama yang dilaksanakan oleh pengkaji ialah membaca isi kandungan dalam sesuatu unit dalam buku teks tersebut. Segala isi penting dicatat dalam ruangan „Sinopsis“ dalam **BAKKB**. Sementara catatan berupa kelemahan dan kekuatan kandungan dimasukkan dalam ruangan „Anekdote Data“.

Kemudian pengkaji meneliti setiap aktiviti dan penilaian dengan menggunakan senarai **AKKBK**. Pertama, penelitian dibuat terhadap sub kepada sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis. Katakan pengkaji menemui Kemahiran Menghurai Semula Idea-idea dalam Bentuk Baharu, kemahiran ini diberikan nombor III (A/iv) yang dicatat dalam Borang Analisis Kemahiran Berfikir Kritis. Pengkaji akan menandakan setiap aktiviti dan penilaian yang jelas arahnya ke arah Kemahiran Berfikir Kritis. Ayat-ayat arahan dalam aktiviti-aktiviti dan penilaian-penilaian yang tidak ada kaitan dengan

kategori Kemahiran Berfikir Kritis ditinggalkan. Antara contoh latihan yang jelas menunjukkan Kemahiran Berfikir Kritis ialah:

1. Cari maksud ayat yang mengandungi perkataan berimbuan apitan. (Kemahiran Memberi Definisi Lanjutan/ Kemahiran Mendefinisi Istilah / Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat (I (A/iv).
2. Membaca poster dan teks dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul. (Kemahiran Mengenal Maklumat/ Kemahiran Menghurai Maklumat/ Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat (I (B/i).
3. Membuat ramalan tentang masa depan berdasarkan idea utama. (Kemahiran Mengeluarkan Idea Jangkaan/ Kemahiran Membuat Jangkaan/ Kemahiran Membentuk Inferensi (III (C/iii).

Pengkaji telah menandakan aktiviti-aktiviti dan penilaian-penilaian yang ditemui dengan menggunakan pensil pada senarai **BAKBK**. Setelah proses penandaan dibuat terhadap kesemua bab dalam buku-buku teks tersebut, pengkaji memindahkan pula setiap kategori Kemahiran Berfikir Kritis ke dalam **LKKBK**.

Setiap Kemahiran Berfikir Kritis yang ditandakan, dikira satu unit. Proses tersebut akan melibatkan kedua-dua bahagian aktiviti dan penilaian dalam buku-buku teks Bahasa Melayu KSSR Tahun 4, 5 dan 6.

Setelah semua kategori utama, sub-kategori dan sub kepada sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis dimasukkan ke dalam Lembaran Kerja Kemahiran Berfikir Kritis (**LKKBK**), kekerapan dan peratus bagi setiap kategori diambil untuk tujuan analisis data.

3.8 Analisis Data

Pengkaji telah menyemak data-data yang telah terkumpul dalam Lembaran Kerja Kemahiran Berfikir Kritis (**LKKBK**). Data-data tersebut akan dianalisis menggunakan perisian Microsoft Excel bagi mengelakkan berlaku kesalahan semasa proses pengiraan. Penganalisan akan dibuat berdasarkan kepada soalan-soalan kajian yang bertemakan:

1. Analisis kategori-kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam buku teks Bahasa Melayu KSSR bagi aktiviti-aktiviti dan penilaian-penilaian.
2. Analisis sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis dalam buku teks Bahasa Melayu KSSR bagi aktiviti-aktiviti dan penilaian-penilaian.
3. Analisis perbandingan taburan kategori-kategori Kemahiran Berfikir Kritis antara tahun dalam buku teks Bahasa Melayu KSSR.
4. Analisis Data Anekdote terhadap isi kandungan, aktiviti-aktiviti dan penilaian-penilaian dalam buku teks Bahasa Melayu KSSR.

Analisis data akan dibuat berdasarkan kepada peratus Kemahiran Berfikir Kritis yang didapati di dalam buku teks Bahasa Melayu KSSR bagi setiap unit, tema dan tahun.

Pengkaji akan mengambil data-data kekerapan dan peratus kategori-kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis yang telah terkumpul di dalam **LKKBK**. Data-data tersebut akan dimasukkan ke dalam jadual yang memperlihatkan kekerapan dan peratus Kemahiran Berfikir Kritis bagi keseluruhan aktiviti, tema dan tahun. Bagi mencari peratus kekerapan sesuatu kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis, formula di bawah digunakan:

$$\frac{\text{Jumlah kekerapan sesuatu kategori utama (e.g. Kemahiran Membentuk Inferensi) Kemahiran Berfikir Kritis dalam aktiviti/penilaian buku teks Bahasa Melayu KSSR}}{\text{Jumlah keseluruhan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam aktiviti/penilaian buku teks Bahasa Melayu KSSR}} \times 100$$

Jika pengkaji ingin mencari peratus Kemahiran Membentuk Inferensi dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu KSSR misalnya, prosedur berikut akan dijalankan:

$$\begin{array}{l} \text{Jumlah kekerapan Kemahiran Membentuk Inferensi dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu KSSR} = 100 \\ \text{Jumlah keseluruhan Kemahiran Berfikir Kritis dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu KSSR} = 100 \\ \text{Peratus Kemahiran Membentuk Inferensi dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu KSSR} \\ \hline \frac{100 \times 100}{100} = 100\% \end{array}$$

Untuk mendapatkan peratus kekerapan sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis yang ada dalam buku teks Bahasa Melayu bagi setiap tahun, formula berikut digunakan:

$$\frac{\text{Jumlah kekerapan sesuatu sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis dalam aktiviti/penilaian buku teks Bahasa Melayu KSSR}}{\text{Jumlah keseluruhan sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis dalam aktiviti/penilaian buku teks Bahasa Melayu KSSR}} \times 100$$

Jika pengkaji ingin mencari peratus kekerapan sub-kategori Kemahiran Menyelesaikan Masalah di dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu, prosedur berikut digunakan:

Jumlah kekerapan sub-kategori Kemahiran Menyelesaikan Masalah dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu KSSR (Kemahiran II (A)) = 5

Jumlah keseluruhan sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu KSSR = 100

Peratus sub-kategori Kemahiran Menyelesaikan Masalah dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu KSSR

$$\frac{5 \times 100}{100} = 5\%$$

Formula tersebut turut digunakan dalam mencari peratus kekerapan sub kepada sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis. Setelah peratus kategori utama, sub-kategori dan sub kepada sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis bagi latihan dan aktiviti diperolehi, pengkaji membina jadual-jadual berdasarkan tema-tema daripada soalan kajian.

3.8.1 Data Anekdot

Analisis data seterusnya dibuat dalam bentuk satu huraian dinamakan data anekdot yang dikumpulkan sepanjang penelitian dari satu unit ke satu unit. Data anekdot merupakan pengukuhan kepada kajian analisis kandungan yang telah dijalankan. Data anekdot ialah data yang berbentuk huraian secara deskriptif, berbentuk ulasan dan komen pengkaji terhadap aspek-aspek yang tidak terdapat di dalam Analisis

Kod Kemahiran Berfikir Kritis (**AKKBK**). Data anekdot ini dihurai daripada catatan dalam senarai yang diperolehi daripada Borang Analisis Kemahiran Berfikir Kritis (**BAKKB**). Huraian data ini dimuatkan dalam bahagian akhir perbincangan pada Bab IV. Huraian ini meliputi data anekdot terhadap isi kandungan, aktiviti-aktiviti dan penilaian-penilaian yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu KSSR.

3.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini menjelaskan tentang metod kajian yang akan digunakan dalam kajian ini. Dalam bab ini juga diterangkan tentang persampelan kajian dan instrumen kajian secara terperinci. Selanjutnya, kesahan dan kebolehpercayaan turut dihuraikan dalam bahagian ini. Akhir sekali, prosedur pengumpulan data dijelaskan.

BAB 4: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan analisis data dan dapatan kajian berdasarkan soalan-soalan kajian dengan tema berikut:

- 4.1 Analisis Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam aktiviti dan penilaian Buku Teks Bahasa Melayu KSSR.
- 4.2 Analisis Sub-Kategori Kemahiran Berfikir Kritis dalam aktiviti dan penilaian Buku Teks Bahasa Melayu KSSR.
- 4.3 Analisis Perbandingan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis antara tahun dalam aktiviti dan penilaian Buku Teks Bahasa Melayu KSSR.
- 4.4 Analisis data anekdot dalam Buku Teks Bahasa Melayu KSSR Tahap Dua.

4.1 Analisis Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti dan Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu KSSR.

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian pertama iaitu „Sejauh manakah aktiviti-aktiviti dan penilaian-penilaian dalam buku teks Bahasa Melayu Tahap Dua sekolah rendah mengandungi kategori-kategori utama dan sub-sub kategori Kemahiran Berfikir Kritis?“ Bagi menjawab soalan kajian tersebut, tema di atas telah dibentuk. Untuk memudahkan perbincangan, pengkaji membahagikan tema di atas kepada beberapa sub-tema seperti berikut:

- 4.1.1 Analisis Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti.
- 4.1.2 Analisis Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Penilaian.

4.1.1 Analisis Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti

Perbincangan mengenai sub-tema di atas akan memfokuskan kepada kekerapan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis yang terkandung dalam arahan-arahan aktiviti buku teks Bahasa Melayu KSSR. Empat buah jadual dibentuk bagi tujuan perincian analisis tersebut. Jadual 4.1 menunjukkan analisis kekerapan meliputi keseluruhan latihan dalam Tahun 4, 5 dan 6. Sementara jadual 2, 3 dan 4 lebih khusus menekankan kepada analisis bagi tiap-tiap Tahun 4, 5 dan 6.

Jadual 4.1 (sila rujuk) menunjukkan kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6. Jadual memperlihatkan perbezaan yang sedikit antara dua kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam buku teks berkenaan.

Peratusan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis yang paling tinggi ialah kategori utama Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat (49.1%), sementara kategori utama Kemahiran Membentuk Analogi tidak didapati langsung (0%).

Jadual tersebut juga menunjukkan peratusan kategori utama Kemahiran Membentuk Inferensi (46.8%) iaitu kemahiran utama kedua tertinggi, manakala Kemahiran Membuat Keputusan yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu adalah rendah (4.1%).

Jadual 4.1: Kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6

Kemahiran Utama	Kekerapan	Peratus
I. Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat	(84)	49.1
II. Kemahiran Membuat Keputusan	(7)	4.1
III. Kemahiran Membentuk Inferensi	(80)	46.8
IV. Kemahiran Membentuk Analogi	(0)	0
Jumlah	(171)	100.0

Jadual 4.2 dan 4.3 menunjukkan kekerapan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis secara terperinci bagi Tahun 4, 5 dan 6.

Data daripada Jadual 4.2 (lihat Jadual 4.2) memperlihatkan kekerapan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam aktiviti kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4. Perbezaan yang kurang ketara wujud antara dua kategori utama, manakala dua lagi kategori utama yang lain menunjukkan perbezaan yang sangat ketara.

Jadual 4.2: Kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4

Kemahiran Utama	Kekerapan	Peratus
I. Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat	(38)	59.4
II. Kemahiran Membuat Keputusan	(1)	1.6
III. Kemahiran Membentuk Inferensi	(25)	39.1
IV. Kemahiran Membentuk Analogi	(0)	0.0
Jumlah	(64)	100.0

Daripada jadual, kategori utama Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat mempunyai peratus tertinggi (59.4%) berbanding dengan kategori utama Kemahiran

Membuat Keputusan (1.6%), Kemahiran Membentuk Inferensi (39.1%), dan Kemahiran Membentuk Analogi (0%).

Rumusan daripada data mendapati bahawa aktiviti-aktiviti kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu lebih menumpukan soalan-soalan yang mengarah murid kepada Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat berbanding kemahiran-kemahiran lain.

Jadual 4.3: Kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5

Kemahiran Utama	Kekerapan	Peratus
I. Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat	(32)	54.2
II. Kemahiran Membuat Keputusan	(2)	3.4
III. Kemahiran Membentuk Inferensi	(25)	42.4
IV. Kemahiran Membentuk Analogi	(0)	0.0
Jumlah	(59)	100.0

Jadual 4.3 menampilkan kekerapan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu Tahun 5 KSSR.

Jadual memperlihatkan peratusan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis yang kedua tinggi iaitu Kemahiran Membentuk Inferensi (42.4%), sementara Kemahiran Membuat Keputusan pula adalah rendah (3.4%). Manakala kategori utama Kemahiran Membentuk Analogi tidak wujud langsung (0%). Jadual 4.3 juga memperlihatkan peratusan kategori utama Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat yang tinggi dalam aktiviti kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 5 iaitu (54.2%).

Jadual 4.4: Kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6

Kemahiran Utama	Kekerapan	Peratus
I. Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat	(14)	29.2
II. Kemahiran Membuat Keputusan	(4)	8.3
III. Kemahiran Membentuk Inferensi	(30)	62.5
IV. Kemahiran Membentuk Analogi	(0)	0.0
Jumlah	(48)	100.0

Jadual 4.4 pula menunjukkan kekerapan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu Tahun 6 KSSR.

Daripada jadual tersebut didapati peratusan kategori utama Kemahiran Berfikir yang rendah ialah Kemahiran Membuat Keputusan (8.3%) dan Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat (29.2%). Analisis juga mendapati Kemahiran Membentuk Analogi (0%).

Dapatan analisis data daripada Jadual 4.1, 4.2, 4.3 dan 4.4 menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti dalam buku teks Bahasa Melayu tersebut banyak menampilkan soalan-soalan yang mengarah kepada Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dan Kemahiran Membentuk Inferensi. Tidak didapati langsung aktiviti-aktiviti yang menggerak murid kepada Kemahiran Membentuk Analogi dan terlalu sedikit Kemahiran Membuat Keputusan dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 tersebut.

4.1.2 Analisis Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Penilaian

Bahagian ini akan menghurai analisis kekerapan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam penilaian buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6. Terdapat empat jadual yang dibentuk untuk tujuan penganalisisan yang terperinci. Jadual 4.5 (sila rujuk

Jadual 4.5) memperlihatkan kekerapan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6.

Terdapat perbezaan yang tinggi antara kesemua kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam penilaian buku-buku teks tersebut terutama bagi Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat yang menampilkan (64.3%) berbanding Kemahiran Membentuk Analogi hanya (0%). Manakala kategori utama Kemahiran Membentuk Inferensi pula didapati (32.1%) berbeza dengan Kemahiran Membuat Keputusan yang hanya dimuatkan sebanyak (3.6%).

Jadual 4.5: Kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6

Kemahiran Utama	Kekerapan	Peratus
I. Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat	(36)	64.3
II. Kemahiran Membuat Keputusan	(2)	3.6
III. Kemahiran Membentuk Inferensi	(18)	32.1
IV. Kemahiran Membentuk Analogi	(0)	0.0
Jumlah	(56)	100.0

Analisis data terhadap kategori utama Kemahiran Membentuk Inferensi, Kemahiran Membuat Keputusan dan Kemahiran Membentuk Analogi tersebut menunjukkan peratusan yang agak rendah berbanding peratusan bagi kategori utama Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat.

Penganalisan seterusnya dilakukan terhadap penampilan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis yang terdapat dalam penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu bagi Tahun 4, 5 dan 6.

Jadual 4.6 (sila lihat) memperlihatkan analisis kekerapan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis dengan lebih terperinci dalam penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4. Perbezaan yang kurang ketara terdapat antara keempat-empat kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam penilaian buku teks tersebut.

Perbezaan didapati antara kategori-kategori utama Kemahiran Membentuk Analogi (0%), Kemahiran Membentuk Inferensi (17.4%) dan Kemahiran Membuat Keputusan (8.7%) dengan Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat yang mengandungi peratus yang agak tinggi (34.8%). Hal ini jelas menunjukkan bahawa Kemahiran Membuat Keputusan amat sedikit didedahkan dalam penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Tahun 4.

Jadual 4.6: Kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4

Kemahiran Utama	Kekerapan	Peratus
I. Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat	8	34.8
II. Kemahiran Membuat Keputusan	2	8.7
III. Kemahiran Membentuk Inferensi	4	17.4
IV. Kemahiran Membentuk Analogi	0	0.0
Jumlah	14	60.9

Sebagai rumusan, terdapat kekerapan penampilan yang banyak bagi penilaian yang mengarah kepada Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat dalam penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 berbanding kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis yang lain.

Analisis kekerapan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 5 pula dipamerkan dalam Jadual 4.7 (sila rujuk Jadual 4.7). Jadual tersebut turut menampilkan perbezaan yang tinggi antara kategori utama dalam senarai analisis kod Kemahiran Berfikir Kritis.

Jadual 4.7: Kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5

Kemahiran Utama	Kekerapan	Peratus
I. Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat	(17)	73.9
II. Kemahiran Membuat Keputusan	(0)	0.0
III. Kemahiran Membentuk Inferensi	(6)	26.1
IV. Kemahiran Membentuk Analogi	(0)	0.0
Jumlah	(23)	100.0

Perbezaan yang jelas dapat dilihat antara peratusan kategori utama Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat (73.9%) dengan peratusan Kemahiran Membentuk Analogi (0%) dan Kemahiran Membuat Keputusan (0%). Perbezaan tersebut juga jelas jika dibandingkan dengan kategori utama Kemahiran Membentuk Inferensi (26.1%).

Dapatan analisis yang seterusnya dijalankan pada Kemahiran Berfikir Kritis bagi penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 6. Jadual 4.8 (sila lihat) mempamerkan Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat (57.9%) masih lagi berada pada peratusan tertinggi berbanding kemahiran Berfikir Kritis yang lain. Manakala Kemahiran Membentuk Inferensi pula (42.1%). Namun, didapati dua kategori utama iaitu Kemahiran Membuat Keputusan dan Kemahiran Membentuk Analogi masing-masing tidak diuji dengan soalan Kemahiran Berfikir Kritis.

Jadual 4.8: Kekekapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6

Kemahiran Utama	Kekekapan	Peratus
I. Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat	(11)	57.9
II. Kemahiran Membuat Keputusan	(0)	0.0
III. Kemahiran Membentuk Inferensi	(8)	42.1
IV. Kemahiran Membentuk Analogi	(0)	0.0
Jumlah	(19)	100.0

Dapatan daripada analisis Jadual 4.5, 4.6 , 4.7 dan 4.8 tersebut menghasilkan rumusan bahawa penilaian-penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4,5 dan 6 tidak mengarah murid kepada Kemahiran Befikir Kritis yang seimbang, malahan mengeneipkan terus Kemahiran Membentuk Analogi.

4.2 Analisis Sub-Kategori Kemahiran Berfikir Kritis dalam aktiviti dan penilaian Buku Teks Bahasa Melayu KSSR.

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menjawab soalan kajian kedua „Sejauh manakah aktiviti-aktiviti dan penilaian-penilaian dalam buku teks Bahasa Melayu tahap dua mengandungi sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis?“ Beberapa sub-tema dibina dengan tujuan perincian analisis bagi menjawab soalan kajian tersebut dijalankan satu persatu:

- 4.2.1 Analisis Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti.
- 4.2.2 Analisis Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Penilaian.
- 4.2.3 Analisis Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti.

- 4.2.4 Analisis Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Penilaian.
- 4.2.5 Analisis Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam aktiviti.
- 4.2.6 Analisis Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Penilaian.
- 4.2.7 Analisis Keseluruhan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti dan Penilaian.

Berikut ialah analisis terperinci terhadap jadual-jadual daripada data yang telah terkumpul. Analisis dijalankan berdasarkan sub-tema yang telah dibina.

4.2.1 Analisis Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti

Dalam bahagian ini pengkaji akan menumpukan penganalisan terhadap kekerapan sub-kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam aktiviti kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6. Sebanyak empat jadual (Jadual 4.9, 4.10, 4.11 dan 4.12) telah dibentuk untuk tujuan tersebut.

Jadual 4.9: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Mendefinisi Istilah	(13)	15.5
B. Kemahiran Menghurai Maklumat	(53)	63.1
C. Kemahiran Mengguna Maklumat	(18)	21.4
Jumlah	(84)	100.0

Jadual 4.9 menampilkan kekerapan sub-kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6. Analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang tinggi antara sub-

kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah (15.5%) dengan Kemahiran Menghurai Maklumat (63.1%) dan Kemahiran Mengguna Maklumat (21.4%) dalam buku teks berkenaan.

Rumusannya, data daripada Jadual 4.9 menunjukkan bahawa aktiviti bagi Kemahiran Menghurai Maklumat paling tinggi didedahkan kepada murid dalam kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4,5 dan 6. Walau bagaimanapun, penampilan peratus sub-kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah dan Kemahiran Mengguna Maklumat adalah kecil berbanding kedua-dua sub-kategori tersebut.

Analisis terperinci terhadap kekerapan sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis dalam aktiviti kemahiran membaca dalam buku teks Tahun 4,5 dan 6 diperlihatkan dalam Jadual 4.10, 4.11 dan 4.12. Jadual 4.10 menunjukkan kekerapan sub-kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4. Analisis mendapati perbezaan peratusan yang tinggi antara sub-kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah dengan sub-sub kategori yang lain.

Jadual 4.10: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Mendefinisi Istilah	(4)	10.5
B. Kemahiran Menghurai Maklumat	(24)	63.2
C. Kemahiran Mengguna Maklumat	(10)	26.3
Jumlah	(38)	100.0

Perkara ini dapat dilihat pada peratus sub-kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah (10.5%) berbanding sub-kategori Kemahiran Menghurai Maklumat (63.2%) dan sub-kategori Kemahiran Mengguna Maklumat (26.3%). Perbezaan yang serupa turut didapati dalam Jadual 4.11 yang memperlihatkan kekerapan sub-kategori Kemahiran

Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 5. Jadual tersebut menunjukkan bahawa peratus tertinggi (65.6%) ialah sub-kategori Kemahiran Menghurai Maklumat, diikuti Kemahiran Mendefinisi Istilah (21.9%) dan seterusnya Kemahiran Mengguna Maklumat (12.5%) sahaja.

Jadual 4.11: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Mendefinisi Istilah	(7)	21.9
B. Kemahiran Menghurai Maklumat	(21)	65.6
C. Kemahiran Mengguna Maklumat	(4)	12.5
Jumlah	(32)	100.0

Jadual 4.12 pula menunjukkan kekerapan sub-kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 6. Analisis mendapati peratusan yang rendah antara sub-kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah dengan sub-kategori Kemahiran Mengguna Maklumat. Sebaliknya, Kemahiran Menghurai Maklumat menunjukkan peratusan yang tinggi berbanding yang lain.

Jadual 4.12: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Mendefinisi Istilah	(2)	14.3
B. Kemahiran Menghurai Maklumat	(8)	57.1
C. Kemahiran Mengguna Maklumat	(4)	28.6
Jumlah	(14)	100.0

Huraian terperinci dapat dilihat pada peratus sub-kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah (14.3%) berbanding sub-kategori Kemahiran Menghurai Maklumat (57.1%) dan sub-kategori Kemahiran Mengguna Maklumat (28.6%).

Rumusan yang dapat dibuat daripada analisis data yang diperlihatkan oleh Jadual 4.9, 4.10, 4.11 dan 4.12 ialah kebanyakan kategori utama Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat lebih banyak memuatkan sub-sub kategori Kemahiran Menghurai Maklumat dalam aktiviti buku-buku teks tersebut. Hanya sedikit daripada arahan-arahan aktiviti kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu tahap dua KSSR yang menggalakkan murid kepada Kemahiran Mendefinisi Istilah dan Kemahiran Mengguna Maklumat.

4.2.2 Analisis Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Penilaian.

Dalam sub-tema ini, pengkaji akan membincangkan analisis kekerapan sub-kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam penilaian buku Teks Bahasa Melayu KSSR Tahun 4, 5 dan 6. Penganalisan data akan dibuat menerusi empat jadual berasingan.

Kekerapan sub-kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam penilaian buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 ditunjukkan dalam jadual 4.13 (sila rujuk jadual). Analisis memperlihatkan perbezaan peratusan antara Kemahiran Menghurai Maklumat (58.3%), Kemahiran Mengguna Maklumat (33.3%) dengan Kemahiran Mendefinisi Istilah (8.3%) dalam buku teks berkenaan.

Jadual 4.13: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Mendefinisi Istilah	(3)	8.3
B. Kemahiran Menghurai Maklumat	(21)	58.3
C. Kemahiran Mengguna Maklumat	(12)	33.3
Jumlah	(36)	100.0

Dapatan daripada jadual tersebut menunjukkan bahawa penampilan sub-kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah adalah terlalu sedikit dalam penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6. Kebanyakan penilaian dalam buku-buku teks tersebut lebih berfokus kepada sub-kategori Kemahiran Menghurai Maklumat dan Kemahiran Mengguna Maklumat. Seterusnya ialah analisis sub-kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat khusus dalam penilaian Tahun 4 yang dapat dilihat dalam Jadual 4.14 (sila rujuk jadual).

Jadual 4.14: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Mendefinisi Istilah	(0)	0.0
B. Kemahiran Menghurai Maklumat	(7)	87.5
C. Kemahiran Mengguna Maklumat	(1)	12.5
Jumlah	(8)	100.0

Merujuk kepada Jadual 4.14, peratusan tertinggi yang didapati ialah sub-kategori Menghurai Maklumat (87.5%) dan selebihnya (12.5%) ialah sub-kategori Kemahiran Mengguna Maklumat. Sementara sub-kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah tidak didapati langsung (0%) dalam penilaian buku teks tersebut.

Selanjutnya, analisis sub-kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat ini dapat dilihat lagi dalam Jadual 4.15 (sila lihat jadual). Jadual tersebut menunjukkan kekerapan sub-kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 5. Analisis menunjukkan perbezaan yang ketara antara Kemahiran Menghurai Maklumat dan Kemahiran Mengguna Maklumat dengan Kemahiran Mendefinisi Istilah dalam buku teks tersebut.

Jadual 4.15: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Mendefinisi Istilah	(3)	17.6
B. Kemahiran Menghurai Maklumat	(8)	47.1
C. Kemahiran Mengguna Maklumat	(6)	35.3
Jumlah	(17)	100.0

Jadual di atas menunjukkan peratusan tertinggi yang didapati ialah sub-kategori Kemahiran Menghurai Maklumat (47.1%) berbanding sub-kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah (17.6%) sahaja. Jadual juga memperlihatkan bahawa sub-kategori Kemahiran Mengguna Maklumat turut dimuatkan sebanyak (35.3%).

Berikutnya diperlihatkan lagi analisis sub-kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Jadual 4.16 (sila lihat jadual). Jadual tersebut menunjukkan kekerapan sub-kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 6. Analisis mempamerkan perbezaan yang ketara antara Kemahiran Menghurai Maklumat dan Kemahiran Mengguna Maklumat dengan Kemahiran Mendefinisi Istilah dalam buku teks tersebut.

Jadual 4.16: Keperapan Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Mendefinisi Istilah	(0)	0.0
B. Kemahiran Menghurai Maklumat	(6)	54.5
C. Kemahiran Mengguna Maklumat	(5)	45.5
Jumlah	(11)	100.0

Jadual 16 memperlihatkan peratusan tertinggi yang didapati ialah sub-kategori Kemahiran Menghurai Maklumat (54.5%) berbanding Kemahiran Mengguna Maklumat (45.5%). Sebaliknya sub-kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah tidak didapati langsung (0%) dalam buku tersebut.

Rumusan daripada Jadual 4.13, 4.14, 4.15 dan 4.16 menunjukkan bahawa sub-kategori Kemahiran Menghurai Maklumat dan Kemahiran Mengguna Maklumat dimuatkan dengan kadar yang banyak dalam semua penilaian kemahiran membaca yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6. Namun, terlalu sedikit penilaian-penilaian dalam buku tersebut yang mengarah kepada Kemahiran Mendefinisi Istilah.

4.2.3 Analisis Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti

Bahagian ini akan membincangkan analisis kekerapan sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan yang terkandung dalam aktiviti-aktiviti dalam buku teks Bahasa Melayu bagi Tahun 4, 5 dan 6. Sebanyak empat jadual dibina untuk tujuan tersebut. Jadual 4.17 memperlihatkan analisis kekerapan aktiviti secara menyeluruh dan diikuti perinciannya untuk Tahun 4, 5 dan 6 dalam jadual 4.18, 4.19 dan 4.20.

Jadual 4.17: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Menyelesaikan Masalah	(1)	14.3
B. Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian	(6)	85.7
Jumlah	(7)	100.0

Jadual 4.17 menampilkan kekerapan sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam aktiviti kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6. Terdapat perbezaan yang tinggi antara sub-kategori Kemahiran Mengadili Penyelesaian dengan sub-kategori Kemahiran Menyelesaikan Masalah dalam buku teks tersebut.

Peratusan yang sangat tinggi didapati ialah sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian (85.7%) berbanding sub-kategori Kemahiran Menyelesaikan Masalah hanya (14.3%) sahaja.

Rumusan data dari jadual 4.17 menunjukkan bahawa sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian lebih banyak didedahkan dalam aktiviti-aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 berbanding Kemahiran Menyelesaikan Masalah. Jadual seterusnya memperlihatkan analisis kekerapan sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam aktiviti kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4.

Jadual 4.18: Keckerapan Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Menyelesaikan Masalah	(1)	100.0
B. Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian	(0)	0.0
Jumlah	(1)	100.0

Jadual 4.18 (sila rujuk jadual) menampilkan jurang peratus yang sangat besar antara sub-kategori Kemahiran Menyelesaikan Masalah dengan sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian dalam buku teks berkenaan.

Jumlah peratusan (100.0%) didapati pada sub-kategori Kemahiran Menyelesaikan Masalah manakala sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti tidak didapati langsung (0%).

Data daripada jadual tersebut menunjukkan bahawa sub-kategori Kemahiran Menyelesaikan Masalah dan sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian dimuatkan dengan tidak seimbang dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4.

Jadual 4.19: Keckerapan Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Menyelesaikan Masalah	(0)	0.0
B. Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian	(2)	100.0
Jumlah	(2)	100.0

Kekerapan sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam aktiviti kemahiran membaca Tahun 5 dapat dilihat dalam jadual 4.19 (sila rujuk). Jurang perbezaan yang sangat tinggi didapati antara sub-kategori sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian (100.0%) dengan Kemahiran Menyelesaikan Masalah (0%) dalam buku teks berkenaan. Rumusan daripada data dalam jadual tersebut menunjukkan bahawa hanya sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian dalam arahan aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 5. Hal ini membuktikan bahawa kategori utama Kemahiran Membuat Keputusan dalam buku tersebut hanya menampilkan sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian.

Jadual 4.20: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Menyelesaikan Masalah	(0)	0.0
B. Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian	(4)	100.0
Jumlah	(4)	100.0

Jadual 4.20 (sila lihat) memaparkan sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 6. Analisis menunjukkan arahan dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks berkenaan juga berlaku ketidakseimbangan peratus antara Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian (100%) dengan Kemahiran Menyelesaikan Masalah (0%).

Kesimpulan daripada data dalam jadual tersebut menunjukkan bahawa sub-kategori Kemahiran Menyelesaikan Masalah tidak ditonjolkan langsung dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu tersebut. Hal ini jelas membuktikan

bahawa kategori utama Kemahiran Membuat Keputusan dalam buku teks Tahun 6 hanya menampilkan Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian dalam arahan-arahan aktivitinya, namun tidak mendedahkan sub-kategori Kemahiran Menyelesaikan Masalah.

4.2.4 Analisis Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Penilaian

Bahagian ini akan membincangkan analisis kekerapan sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan yang terkandung dalam penilaian-penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu bagi Tahun 4, 5 dan 6. Sebanyak empat jadual dibina untuk tujuan tersebut. Jadual 4.21 memperlihatkan analisis kekerapan latihan secara menyeluruh dan diikuti perinciannya untuk Tahun 4, 5 dan 6 dalam jadual 4.22, 4.23 dan 4.24.

Kekerapan sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 ditunjukkan dalam Jadual 4.21 (sila lihat jadual). Daripada jadual, terdapat perbezaan peratus yang sangat ketara antara sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian (100.0%) dengan sub-kategori Kemahiran Menyelesaikan Masalah (0%) dalam buku teks berkenaan.

Jadual tersebut merumuskan bahawa tidak wujud keseimbangan antara sub-kategori Kemahiran Menyelesaikan Masalah dengan sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian dalam penilaian buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan Tahun 6.

Jadual 4.21: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Menyelesaikan Masalah	(0)	0.0
B. Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian	(2)	100.0
Jumlah	(2)	5.6

Jadual 4.22 (sila rujuk) menunjukkan kekerapan sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4. Rumusan daripada data menunjukkan jurang yang dalam antara sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian dengan sub-kategori Kemahiran Menyelesaikan Masalah dalam buku teks tersebut.

Peratusan sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian didapati (100%), sementara sub-kategori Kemahiran Menyelesaikan Masalah tidak ditonjolkan langsung (0%).

Jadual 4.22: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Menyelesaikan Masalah	(0)	0.0
B. Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian	(2)	100.0
Jumlah	(2)	100.0

Jadual 4.23 (sila lihat jadual) pula memperlihatkan kekerapan sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam penilaian kemahiran membaca buku teks Tahun 5. Peratusan antara kedua-dua sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan tidak wujud langsung (0%).

Jadual 4.23: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Menyelesaikan Masalah	(0)	0.0
B. Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian	(0)	0.0
Jumlah	(0)	0.0

Jadual 4.24 (lihat jadual) pula memaparkan kekerapan sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam penilaian kemahiran Membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 6. Berdasarkan jadual tersebut, sub-kategori Kemahiran Menyelesaikan Masalah dan sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian tidak dimuatkan langsung dalam buku teks tersebut.

Rumusan daripada data dalam jadual tersebut menunjukkan bahawa kategori Kemahiran Membuat Keputusan tidak dititikberatkan langsung dalam penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 6.

Jadual 4.24: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Menyelesaikan Masalah	(0)	0.0
B. Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian	(0)	0.0
Jumlah	(0)	0.0

Rumusan dapatan daripada Jadual 4.21, 4.22, 4.23 dan 4.24 menunjukkan bahawa terdapat jurang perbezaan yang tinggi antara sub-kategori Kemahiran Menyelesaikan Masalah dengan sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6. Sub-kategori

Kemahiran Membuat Keputusan yang dimuatkan dalam ketiga-tiga buku teks tersebut hanya menampilkan sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian dalam buku teks Tahun 4, sebaliknya dua buah buku teks lagi tidak memuatkan langsung kategori utama Kemahiran Membuat Keputusan.

4.2.5 Analisis Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti

Dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan analisis kekerapan sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi yang terkandung dalam aktiviti-aktiviti dalam buku teks Bahasa Melayu bagi Tahun 4, 5 dan 6. Sebanyak empat jadual dibina untuk tujuan tersebut. Jadual 4.25 memperlihatkan analisis kekerapan aktiviti kemahiran membaca secara menyeluruh dan diikuti perinciannya untuk Tahun 4, 5 dan 6 dalam jadual 4.26, 4.27 dan 4.28.

Jadual 4.25 di bawah memperlihatkan kekerapan sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4,5 dan 6.

Jadual 4.25: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5, dan 6

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Merumus Secara Tersurat	(45)	56.3
B. Kemahiran Merumus Secara Tersirat	(21)	26.3
C. Kemahiran Membuat Ramalan	(14)	17.5
Jumlah	(80)	100.0

Terdapat perbezaan peratusan antara ketiga-tiga sub-kategori kemahiran Membentuk Inferensi dalam aktiviti kemahiran membaca buku-buku teks berkenaan.

Jadual menunjukkan peratusan tertinggi bagi sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat (56.3%), manakala sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan memperlihatkan peratusan terendah (26.3%). Sub-kategori Kemahiran Secara Tersirat pula dipaparkan sebanyak (26.3%) dalam aktiviti buku-buku teks berkenaan.

Dapatan tersebut membuktikan bahawa kurang keseimbangan antara kesemua sub-kategori yang berada di bawah kategori utama Kemahiran Membentuk Inferensi yang didedahkan dalam aktiviti kemahiran membaca buku-buku teks Tahun 4, 5 dan 6. Sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan didapati paling sedikit bilangannya antara semua sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi.

Seterusnya, Jadual 4.26 (sila rujuk) turut memaparkan analisis kekerapan sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi, namun memfokuskan kepada aktiviti kemahiran membaca Tahun 4 sahaja.

Jadual 4.26: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Merumus Secara Tersurat	(6)	24.0
B. Kemahiran Merumus Secara Tersirat	(11)	44.0
C. Kemahiran Membuat Ramalan	(8)	32.0
Jumlah	(25)	100.0

Terdapat perbezaan ketara antara ketiga-tiga sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam aktiviti buku teks tersebut. Peratusan yang tertinggi ialah sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersirat (44.0%) berbanding sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat hanya (24.0%) sahaja. Jadual juga memaparkan Kemahiran Membuat Ramalan dalam buku teks berkenaan sebanyak (32.0%).

Data daripada jadual tersebut menunjukkan bahawa sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersirat paling banyak ditemui dalam aktiviti-aktiviti kemahiran membaca buku teks Tahun 4 berbanding dua lagi sub-kategori dalam senarai kategori utama Kemahiran Membentuk Inferensi.

Jadual 4.27: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Merumus Secara Tersurat	(13)	52.0
B. Kemahiran Merumus Secara Tersirat	(7)	28.0
C. Kemahiran Membuat Ramalan	(5)	20.0
Jumlah	(25)	100.0

Jadual 4.27 (sila lihat jadual) pula menampilkan kekerapan sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 5. Tiada perbezaan yang ketara antara sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersirat (28.0%) dengan sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan (20.0%) dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks tersebut. Walau bagaimanapun, wujud perbezaan yang sangat tinggi antara kedua-dua sub-kategori tersebut dengan sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat (52.0%).

Jadual terakhir yang dibentuk bagi kategori utama Kemahiran Membentuk Inferensi dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 6 ialah Jadual 4.28 (sila rujuk jadual). Analisis menunjukkan wujud jurang yang besar antara sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersirat dan Kemahiran Membuat Ramalan dengan Kemahiran Merumus Secara Tersurat.

Jadual 4.28: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Merumus Secara Tersurat	(26)	86.7
B. Kemahiran Merumus Secara Tersirat	(3)	10.0
C. Kemahiran Membuat Ramalan	(1)	3.3
Jumlah	(30)	100.0

Jadual 4.28 memaparkan sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat paling tinggi (86.7%) berbanding dua lagi sub-kategori. Seterusnya sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan memaparkan peratusan paling rendah (3.3%). Manakala sub-kategori Kemahiran Secara Tersirat pula hanya (10.0%).

Rumusan daripada Jadual 4.25, 4.26, 4.27 dan 4.28 tersebut menunjukkan bahawa sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat dan sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersirat paling banyak didedahkan dalam arahan aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6. Dapatan ini merumuskan bahawa kekerapan kategori utama Kemahiran Membentuk Inferensi dalam aktiviti kemahiran membaca buku tersebut adalah tidak sekata.

4.2.6 Analisis Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Penilaian

Bahagian ini akan membincangkan analisis kekerapan sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi yang terkandung dalam penilaian-penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu bagi Tahun 4, 5 dan 6. Analisis akan dilakukan satu persatu terhadap empat jadual dibina oleh pengkaji. Jadual 4.29 memperlihatkan analisis kekerapan penilaian secara menyeluruh dan diikuti perinciannya untuk Tahun 4, 5 dan 6 dalam jadual 4.30, 4.31 dan 4.32.

Jadual 4.29 (sila rujuk) menunjukkan kekerapan sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Penilaian kemahiran Membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5, dan 6. Pengkaji melihat bahawa tidak terdapat keseimbangan peratusan antara semua sub-kategori yang ada dalam kategori utama Kemahiran Membentuk Inferensi. Peratusan yang paling tinggi ialah sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat (66.7%), diikuti sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersirat (27.8%), dan sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan (5.6%).

Jadual 4.29: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Merumus Secara Tersurat	(12)	66.7
B. Kemahiran Merumus Secara Tersirat	(5)	27.8
C. Kemahiran Membuat Ramalan	(1)	5.6
Jumlah	(18)	100.0

Data daripada jadual tersebut menunjukkan bahawa sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat paling banyak didedahkan dalam arahan penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6, sementara terlalu sedikit pendedahan sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan. Kesimpulannya, tidak wujud keseimbangan antara semua sub-kategori Kemahiran Membuat Inferensi dalam penilaian buku-buku tersebut.

Jadual 4.30: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Merumus Secara Tersurat	(2)	50.0
B. Kemahiran Merumus Secara Tersirat	(2)	50.0
C. Kemahiran Membuat Ramalan	(0)	0
Jumlah	(4)	100.0

Kekerapan sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 ditunjukkan dalam Jadual 4.30 di atas. Terdapat keseimbangan antara dua sub-kategori iaitu sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat dan sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersirat manalaka sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan tidak diketengahkan langsung.

Jadual menunjukkan peratus sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat dan sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersirat masing-masing adalah sama iaitu (50.0%). Sebaliknya sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan pula tidak didapati langsung (0%).

Perkara ini menunjukkan bahawa sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat dan sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersirat paling banyak didedahkan secara seimbang. Namun, sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan tidak diketengahkan langsung. Jelasnya, keseimbangan hanya wujud pada dua sub-kategori iaitu Kemahiran Merumus Secara Tersurat dan Kemahiran Merumus Secara Tersirat, tetapi tidak wujud pada sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan dalam penilaian kemahiran membaca buku tersebut.

Analisis terperinci kekerapan sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam penilaian buku teks Bahasa Melayu Tahun 5 ditunjukkan dalam Jadual 4.31.

Jadual 4.31: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Merumus Secara Tersurat	(4)	66.7
B. Kemahiran Merumus Secara Tersirat	(2)	33.3
C. Kemahiran Membuat Ramalan	(0)	0.0
Jumlah	(6)	100.0

Jadual 4.31 memaparkan kekerapan sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 5. Terdapat perbezaan yang ketara antara semua sub-kategori bagi kategori utama Kemahiran Membentuk Inferensi.

Peratusan paling tinggi yang dipertontonkan dalam jadual ialah sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat (66.7%), diikuti sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersirat (33.3%), dan seterusnya sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan tidak didapati langsung (0%).

Rumusannya, data memperlihatkan sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan tidak didedahkan dalam arahan penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 5. Sebaliknya, sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat paling banyak dijumpai dalam penilaian buku teks berkenaan. Hal ini membuktikan bahawa penilaian-penilaian buku teks tersebut mengandungi Kemahiran Membentuk Inferensi yang tidak seimbang antara satu sama lain.

Analisis seterusnya memaparkan sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 6 yang ditunjukkan dalam Jadual 4.32 (sila rujuk).

Jadual 4.32: Kekerapan Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6

Sub-Kategori	Kekerapan	Peratus
A. Kemahiran Merumus Secara Tersurat	(6)	75.0
B. Kemahiran Merumus Secara Tersirat	(1)	12.5
C. Kemahiran Membuat Ramalan	(1)	12.5
Jumlah	(8)	100.0

Jadual 4.32 menampilkan kekerapan sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 6. Terdapat perbezaan yang ketara antara sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat dengan dua sub-kategori yang lain.

Peratusan paling tinggi yang dipamerkan dalam jadual ialah sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat (75.0%), manakala dua lagi sub-kategori iaitu sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersirat dan sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan masing-masing (1.0%).

Rumusannya, data memperlihatkan sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersirat dan sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan paling sedikit didedahkan dan seimbang dalam penilaian buku teks Bahasa Melayu Tahun 6. Sebaliknya, sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat paling banyak dijumpai dalam arahan penilaian kemahiran membaca buku teks berkenaan. Hal ini membuktikan bahawa penilaian-penilaian buku teks tersebut mengandungi Kemahiran Membentuk Inferensi yang hanya seimbang pada dua sub-kategori iaitu sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersirat dan sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan tetapi tidak seimbang dengan sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat.

4.2.7 Analisis Keseluruhan Sub Kepada Sub-Kategori Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti dan Penilaian

Analisis bahagian ini akan menyentuh berkaitan sub kepada sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis secara keseluruhan. Sebanyak 18 buah jadual yang disatukan telah dibentuk oleh pengkaji. Tujuan penganalisan sub kepada sub-kategori dibentuk adalah untuk memperlihatkan taburan kategori Kemahiran Berfikir Kritis dengan lebih jelas dan terperinci.

4.2.7.1 Analisis Sub Kepada Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti dan Penilaian Tahun 4

Sebuah jadual (yang disatukan) dibentuk untuk analisis sub kepada sub-kategori Kemahiran mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, begitu juga dalam penilaian buku tersebut. Jadual 4.33 (sila lihat jadual) menunjukkan sub kepada sub-kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah, Kemahiran Menghurai Maklumat dan Kemahiran Mengguna Maklumat dalam aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4.

Jadual 4.33: Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4

Kategori Utama/ Sub kategori	Sub kepada sub-kategori	Kek.	%
I. Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat			
A. Kemahiran Mendefinisi Istilah	i. Memberi Definisi Sama Erti	4	100.0
	ii. Memberi Definisi Berlawanan Maksud	0	0.0
	iii. Memberi Definisi Stipulatif	0	0.0
	iv. Memberi Definisi Lanjutan	0	0.0
Jumlah		4	100.0
B. Kemahiran Menghurai Maklumat	i. Mengenal Pasti Maklumat	13	54.2
	ii. Menyatakan Persamaan Maklumat	1	4.2
	iii. Menyatakan Perbezaan Maklumat	1	4.2
	iv. Menghurai Perbandingan Maklumat	1	4.2
	v. Mengenal Pasti Contoh dalam Maklumat	2	8.3
	vi. Menentukan Bukti-bukti Sahih	1	4.2
	vii. Menyenaraikan Konsep/ Fakta Maklumat	5	20.8
Jumlah		24	100.0
C. Kemahiran Mengguna Maklumat	i. Menyenaraikan Hujah/ Pendapat	2	20.0
	ii. Membuktikan Hujah/ Pendapat	4	40.0
	iii. Menghurai Rantaian Sebab	0	0.0
	iv. Menghurai Rantaian Akibat	0	0.0
	v. Mereka Bentuk Hasil Maklumat	4	40.0
Jumlah		10	100.0

Nota:

Kek. : Kekerapan
% : Peratus

Bagi sub kepada sub-kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah, jadual tersebut menunjukkan kekerapan yang amat sedikit jumlahnya dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks Tahun 4. Taburan peratus hanya tertumpu kepada Kemahiran Memberi Definisi Sama Erti (100%). Tidak didapati sebarang peratusan bagi Kemahiran Memberi Definisi Berlawanan Maksud (0%), Kemahiran Memberi Definisi Stipulatif (0%), dan Kemahiran Memberi Definisi Lanjutan (0%).

Dalam sub-kategori Kemahiran Menghurai Maklumat, didapati peratus yang rendah bagi Kemahiran Menyenaraikan Konsep (20.8%), diikuti Kemahiran Mengenal Pasti Contoh dalam Maklumat (8.3%), seterusnya Kemahiran Menyatakan Persamaan Maklumat (4.2%), Kemahiran Menyatakan Perbezaan Maklumat (4.2%), Kemahiran Menghurai Perbandingan Maklumat (4.2%), dan Kemahiran Menentukan Bukti-bukti Sahih (4.2%). Peratus tertinggi didapati ialah Kemahiran Mengenal Pasti Maklumat (54.2%).

Jadual 4.33 juga mengandungi sub kepada sub-kategori Kemahiran Mengguna Maklumat yang terkandung dalam aktiviti kemahiran membaca Tahun 4. Terdapat persamaan peratusan yang tinggi antara Kemahiran Membuktikan Hujah (40%) dengan Kemahiran Mereka Bentuk Hasilan Maklumat (40%), manakala peratusan paling rendah ditonjolkan ialah Kemahiran Menyenaraikan Hujah (20%). Sebaliknya dua lagi kemahiran tidak didedahkan langsung iaitu Kemahiran Menghurai Rantaian Sebab (0%) dan Kemahiran Menghurai Rantaian Akibat (0%).

Sebagai kesimpulan, data daripada jadual tersebut memperlihatkan bahawa aktiviti-aktiviti kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 terlalu sedikit mengarah kepada Kemahiran Mendefinisi Istilah. Bagi Kemahiran Menghurai Maklumat, terdapat ketidakseimbangan antara sub kepada sub-kategorinya. Penumpuan aktiviti kebanyakannya berfokus kepada Kemahiran Mengenal Pasti Maklumat. Begitu

juga Kemahiran Mengguna Maklumat yang didedahkan secara tidak sekata antara satu sama lain dalam arahan aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4.

Analisis sub kepada sub-kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam penilaian kemahiran membaca dalam buku teks berkenaan terdapat dalam Jadual 4.34 (sila rujuk). Analisis mendapati tiada sebarang peratusan bagi sub kepada sub-kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah (0%). Bagi sub kepada sub-kategori Kemahiran Menghurai Maklumat, terdapat perbezaan yang kurang ketara antara peratusan Kemahiran Mengenal Pasti Maklumat (57.1%) dengan Kemahiran Mengenal Pasti Contoh dalam Maklumat (42.9%). Tiada peratusan bagi kemahiran-kemahiran Menyatakan Persamaan Maklumat (0%), Menyatakan Perbezaan Maklumat (0%), Menghurai Perbandingan Maklumat (0%), Menentukan Bukti-bukti Sahih (0%), dan Menyenaraikan Konsep (0%).

Jadual juga turut memaparkan sub kepada sub-kategori Kemahiran Mengguna Maklumat. Terdapat perbezaan yang ketara antara Kemahiran Mereka Bentuk Hasilan Maklumat (100%) dengan empat sub kepada sub-kategori yang lain iaitu tidak didapati langsung peratusan pada Kemahiran Menyenaraikan Hujah (0%), Kemahiran Membuktikan Hujah (0%), Kemahiran Menghurai Rantaian Sebab (0%), dan Kemahiran Menghurai Rantaian Akibat (0%).

Jadual 4.34: Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4

Kategori Utama/ Sub kategori	Sub kepada sub-kategori	Kek.	%
I. Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat			
A. Kemahiran Mendefinisi Istilah	i. Memberi Definisi Sama Erti	0	0.0
	ii. Memberi Definisi Berlawanan Maksud	0	0.0
	iii. Memberi Definisi Stipulatif	0	0.0
	iv. Memberi Definisi Lanjutan	0	0.0
Jumlah		0	0.0
B. Kemahiran Menghurai Maklumat	i. Mengenal Pasti Maklumat	4	57.1
	ii. Menyatakan Persamaan Maklumat	0	0.0
	iii. Menyatakan Perbezaan Maklumat	0	0.0
	iv. Menghurai Perbandingan Maklumat	0	0.0
	v. Mengenal Pasti Contoh dalam Maklumat	3	42.9
	vi. Menentukan Bukti-bukti Sahih	0	0.0
	vii. Menyenaraikan Konsep/ Fakta Maklumat	0	0.0
Jumlah		7	100.0
C. Kemahiran Mengguna Maklumat	i. Menyenaraikan Hujah/ Pendapat	0	0.0
	ii. Membuktikan Hujah/ Pendapat	0	0.0
	iii. Menghurai Rantaian Sebab	0	0.0
	iv. Menghurai Rantaian Akibat	0	0.0
	v. Mereka Bentuk Hasil Maklumat	1	100.0
Jumlah		1	100.0

Nota:

Kek. : Kekerapan
% : Peratus

Sebagai rumusannya, data daripada Jadual 4.34 tersebut menampilkan taburan kekerapan sub kepada sub-kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat yang tidak seimbang antara satu sama lain. Tiada sebarang penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu tahun 4 yang mengarah kepada Kemahiran Mendefinisi Istilah. Begitu juga Kemahiran Menghurai Maklumat, kebanyakan penilaian adalah bertumpu kepada Kemahiran Mengenal Pasti Maklumat dan Kemahiran Mengenal Pasti Contoh dalam Maklumat. Sementara dalam Kemahiran Mengguna Maklumat, fokus arahan hanya kepada Kemahiran Mereka Bentuk Hasil Maklumat.

4.2.7.2 Analisis Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti dan Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4

Analisis seterusnya dapat dilihat dalam Jadual 4.35. Jadual 4.35 (sila lihat) menunjukkan taburan kekerapan sub kepada sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan yang sangat sedikit dalam aktiviti kemahiran membaca buku tersebut. Terdapat hanya 1 arahan dalam aktiviti yang bertumpu sepenuhnya kepada sub kepada sub-kategori Kemahiran Menyelesaikan Masalah iaitu Kemahiran Menyelesaikan Alternatif Penyelesaian Punca Masalah (100%). Bagi empat lagi kemahiran tidak didapati langsung iaitu Kemahiran Mengenal Pasti Masalah (0%), Kemahiran Menghurai Masalah yang di Kenal Pasti (0%), dan akhir sekali Kemahiran Mengenal Pasti Punca Masalah (0%).

Sub kepada sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian turut diperlihatkan dalam Jadual 4.35. Tiada langsung arahan dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks tersebut yang mengarah kepada Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian (0%).

Jadual 4.35: Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4

Kategori Utama/ Sub kategori	Sub kepada sub-kategori	Kek.	%
II. Kemahiran Membuat Keputusan			
A. Kemahiran Menyelesaikan Masalah	i. Mengenal Pasti Masalah	0	0.0
	ii. Menghurai Masalah yang di Kenal Pasti	0	0.0
	iii. Mengenal pasti Punca Masalah / Faktor Penyebab	0	0.0
	iv. Menyenaraikan Alternatif Penyelesaian Punca Masalah	1	100.0
	Jumlah	1	100.0
B. Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian	i. Menghurai Kekuatan Alternatif Penyelesaian	0	0.0
	ii. Menghurai Kelemahan Alternatif Penyelesaian	0	0.0
	iii. Menentukan Pilihan / Tindakan Terbaik	0	0.0
	iv. Menentukan Kesahihan Pilihan	0	0.0
	Jumlah	0	0.0

Nota:

Kek. : Kekerapan
% : Peratus

Dapatan daripada jadual menunjukkan bahawa terlalu minimum soalan (N=1) dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 yang memuatkan sub kepada sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan.

Jadual 4.36 (sila rujuk) pula menampilkan sub kepada sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu KSSR. Tiada langsung (0%) penilaian dalam keseluruhan buku tersebut yang memuatkan Kemahiran Membuat Keputusan.

Jadual 4.36: Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4

Kategori Utama/ Sub kategori	Sub kepada sub-kategori	Kek.	%
II. Kemahiran Membuat Keputusan			
A. Kemahiran Menyelesaikan Masalah	i. Mengenal Pasti Masalah	0	0.0
	ii. Menghurai Masalah yang di Kenal Pasti	0	0.0
	iii. Mengenal pasti Punca Masalah / Faktor Penyebab	0	0.0
	iv. Menyenaraikan Alternatif Penyelesaian Punca Masalah	0	0.0
	Jumlah	0	0.0
B. Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian	i. Menghurai Kekuatan Alternatif Penyelesaian	0	50.0
	ii. Menghurai Kelemahan Alternatif Penyelesaian	0	0.0
	iii. Menentukan Pilihan / Tindakan Terbaik	0	50.0
	iv. Menentukan Kesahihan Pilihan	0	0.0
	Jumlah	0	100.0

Nota:

Kek. : Kekerapan
% : Peratus

Dapatan daripada Jadual 4.36 memperlihatkan bahawa berlaku ketidakseimbangan dalam arahan penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 kerana tiada langsung soalan yang mengarah kepada Kemahiran Membuat Keputusan.

4.2.7.3 Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti dan Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4

Bahagian ini mengandungi dua buah jadual iaitu jadual 4.37 dan Jadual 4.38. Bagi sub kepada sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 dapat dilihat dalam Jadual 4.37. Daripada jadual tersebut, sub kepada sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat yang dimuatkan dalam aktiviti kemahiran membaca buku tersebut ialah Kemahiran Menentukan Kesimpulan Umum (16.7%), Menentukan Idea Utama (33.3%), Menghurai Semula Idea-idea dalam Bentuk Baharu (33.3%), dan Meringkas dengan Padat (16.7%). Manakala Kemahiran Menentukan Idea-idea Sampingan tidak diselitkan langsung (0%).

Jadual 4.37 juga memperlihatkan sub kepada sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersirat. Peratusan tertinggi ialah Kemahiran Mengeluarkan Idea Berlawanan Utama (63.6%), seterusnya Menghurai Idea-idea Baharu (Berlawanan) dengan Padat (27.3.%) dan akhir sekali Menentukan Kesimpulan Berlawanan Idea (9.1%). Manalaka Kemahiran Mengeluarkan Idea Berlawanan Sampingan dan Menghurai Idea-idea Berlawanan tidak didapati langsung (0%).

Jadual 4.37: Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4

Kategori Utama/ Sub kategori	Sub kepada sub-kategori	Kek.	%
III. Kemahiran Membentuk Inferensi			
A. Kemahiran Merumus Secara Tersurat	i. Menentukan Kesimpulan Umum	1	16.7
	ii. Menentukan Idea Utama	2	33.3
	iii. Menentukan Idea-idea Sampingan	0	0.0
	iv. Menghurai Semula Idea-idea dalam Bentuk Baharu	2	33.3
	v. Meringkas dengan Padat	1	16.7
	Jumlah	6	100.0
B. Kemahiran Merumus Secara Tersirat	i. Menentukan Kesimpulan Berlawanan Idea	1	9.1
	ii. Mengeluarkan Idea Berlawanan Utama	7	63.6
	iii. Mengeluarkan Idea Berlawanan Sampingan	0	0.0
	iv. Menghurai Idea-idea Berlawanan	0	0.0
	v. Menghurai Idea-idea Baharu (berlawanan) dengan Padat	3	27.3
	Jumlah	11	100.0
C. Kemahiran Membuat Ramalan	i. Membentuk Generalisasi Idea Ramalan	2	25.0
	ii. Membentuk Pengkhususan Idea Ramalan	0	0.0
	iii. Mengeluarkan Idea Ramalan	3	37.5
	iv. Menghurai Idea Baharu	3	37.5
	v. Mengaplikasi Bukti dalam Perkara Baharu	0	0.0
	vi. Mempertahankan Idea Baharu	0	0.0
	Jumlah	8	100.0

Nota:

Kek. : Kekerapan
% : Peratus

Sub kepada sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan turut dimuatkan dalam Jadual 4.37. Terdapat persamaan peratusan yang agak tinggi antara Kemahiran Mengeluarkan Idea Ramalan (37.5%) dengan Menghurai Idea Baharu (37.5%).

Seterusnya Kemahiran Membentuk Generalisasi Idea Ramalan sebanyak (25%), manakala Kemahiran Membentuk Pengkhususan Idea Ramalan, Mengaplikasi Bukti dalam Perkara Baharu dan Mempertahankan Idea Baharu masing-masing tidak didapati langsung (0%).

Rumusan daripada dapatan kajian menunjukkan soalan-soalan dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 terlalu sedikit mengarah kepada Kemahiran Membentuk Inferensi. Hanya 6 soalan dalam aktiviti buku teks tersebut mengarah kepada sub kepada sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat, 11 soalan mengarah kepada sub kepada sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersirat, dan 8 soalan mengarah kepada sub kepada sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan.

Sub kepada sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam penilaian buku tersebut turut diperlihatkan dalam Jadual 4.38.

Jadual 4.38: Analisis Kekekapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4

Kategori Utama/ Sub kategori	Sub kepada sub-kategori	Kek.	%
III. Kemahiran Membentuk Inferensi			
A. Kemahiran Merumus Secara Tersurat	i. Menentukan Kesimpulan Umum	0	0.0
	ii. Menentukan Idea Utama	1	50.0
	iii. Menentukan Idea-idea Sampingan	0	0.0
	iv. Menghurai Semula Idea-idea dalam Bentuk Baharu	0	0.0
	v. Meringkas dengan Padat	1	50.0
	Jumlah	2	100.0
B. Kemahiran Merumus Secara Tersirat	i. Menentukan Kesimpulan Berlawanan Idea	0	0.0
	ii. Mengeluarkan Idea Berlawanan Utama	2	100.0
	iii. Mengeluarkan Idea Berlawanan Sampingan	0	0.0
	iv. Menghurai Idea-idea Berlawanan	0	0.0
	v. Menghurai Idea-idea Baharu (berlawanan) dengan Padat	0	0.0
	Jumlah	2	100.0
C. Kemahiran Membuat Ramalan	i. Membentuk Generalisasi Idea Ramalan	0	0.0
	ii. Membentuk Pengkhususan Idea Ramalan	0	0.0
	iii. Mengeluarkan Idea Ramalan	0	0.0
	iv. Menghurai Idea Baharu	0	0.0
	v. Mengaplikasi Bukti dalam Perkara Baharu	0	0.0
	vi. Mempertahankan Idea Baharu	0	0.0
	Jumlah	0	0.0

Nota:

Kek. : Kekekapan
% : Peratus

Jadual 4.38 tersebut memperlihatkan taburan peratusan sub kepada sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat. Terdapat persamaan peratusan antara Kemahiran Menentukan Idea Utama (50%) dengan Kemahiran Meringkas dengan Padat (50%). Tiada peratusan bagi Kemahiran Menentukan Kesimpulan Umum (0%), Kemahiran Menentukan Idea-idea Sampingan (0%), dan Kemahiran Menghurai Semula Idea-idea dalam Bentuk Baharu (0%).

Jadual 4.38 juga menunjukkan peratusan dalam sub kepada sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersirat. Hanya Kemahiran Mengeluarkan Idea Berlawanan Utama (100%) ditonjolkan dalam kategori ini. Kemahiran yang selebihnya

tidak ditonjolkan langsung (0%). Hal yang sama berlaku ke atas Kemahiran Membuat Ramalan iaitu peratus sifar (0%) bagi semua sub kepada sub-kategori ini.

Data daripada dapatan tersebut menunjukkan bahawa penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 tidak mengandungi keseimbangan taburan Kemahiran Membentuk Inferensi kerana arahan dalam penilaian sangat sedikit, malahan meninggalkan langsung sub kepada sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan.

4.2.7.4 Sub Kepada Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti dan Penilaian Tahun 5

Sebuah jadual (yang disatukan) dibentuk untuk analisis sub kepada sub-kategori Kemahiran mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu Tahun 5, begitu juga dalam penilaian buku tersebut. Jadual 4.39 (sila lihat jadual) menunjukkan sub kepada sub-kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah, Kemahiran Menghurai Maklumat dan Kemahiran Mengguna Maklumat dalam aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5.

Jadual 4.39: Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5

Kategori Utama/ Sub kategori	Sub kepada sub-kategori	Kek.	%
I. Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat			
A. Kemahiran Mendefinisi Istilah	i. Memberi Definisi Sama Erti	7	100.0
	ii. Memberi Definisi Berlawanan Maksud	0	0.0
	iii. Memberi Definisi Stipulatif	0	0.0
	iv. Memberi Definisi Lanjutan	0	0.0
Jumlah		7	100.0
B. Kemahiran Menghurai Maklumat	i. Mengenal Pasti Maklumat	13	61.9
	ii. Menyatakan Persamaan Maklumat	1	4.8
	iii. Menyatakan Perbezaan Maklumat	1	4.8
	iv. Menghurai Perbandingan Maklumat	0	0.0
	v. Mengenal Pasti Contoh dalam Maklumat	2	9.5
	vi. Menentukan Bukti-bukti Sahih	0	0.0
	vii. Menyenaraikan Konsep/ Fakta Maklumat	4	19.0
Jumlah		21	100.0
C. Kemahiran Mengguna Maklumat	i. Menyenaraikan Hujah/ Pendapat	2	50.0
	ii. Membuktikan Hujah/ Pendapat	2	50.0
	iii. Menghurai Rantaian Sebab	0	0.0
	iv. Menghurai Rantaian Akibat	0	0.0
	v. Mereka Bentuk Hasil Maklumat	0	0.0
Jumlah		4	100.0

Nota:

Kek. : Kekerapan
% : Peratus

Jadual 4.39 (telah disatukan) memperlihatkan kekerapan sub kepada sub-kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat bagi aktiviti kemahiran membaca Tahun 5. Daripada jadual tersebut, terdapat taburan sub kepada sub-kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah yang tidak seimbang antara satu sama lain. Peratusan Kemahiran Memberi Definisi Sama Erti ialah (100%), sebaliknya Kemahiran Memberi Definisi Berlawanan Maksud (0%), Memberi Definisi Stipulatif (0%) dan Memberi Definisi Lanjutan juga (0%). Ketidakseimbangan juga turut terdapat dalam sub kepada sub-kategori Kemahiran Menghurai Maklumat. Peratus Kemahiran Mengenal Pasti Maklumat ialah (61.9%), Menyatakan Persamaan Maklumat (4.8%), Menyatakan Perbezaan Maklumat juga sama (4.8%), Menghurai Perbandingan Maklumat tidak

didapati (0%), Mengenal Pasti Contoh dalam Maklumat (9.5%), Menentukan Bukti-bukti Sahih (0%), dan akhir sekali Menyenaraikan Konsep (19%).

Jadual 4.39 juga mempamerkan sub kepada sub-kategori Kemahiran Menggunakan Maklumat dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks Tahun 5. Terdapat persamaan antara peratus Kemahiran Menyenaraikan Hujah (50%) dengan Kemahiran Membuktikan Hujah (50%). Sebaliknya Kemahiran Menghurai Rantaian Sebab ialah (0%), Menghurai Rantaian Akibat (0%), dan Mereka Bentuk Hasil Maklumat juga (0%).

Sebagai rumusan, data daripada jadual tersebut membuktikan bahawa tiada keseimbangan antara sub kepada sub-kategori Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat dalam soalan buku teks berkenaan. Penumpuan aktiviti kebanyakannya berfokus kepada Kemahiran Menghurai Maklumat.

Sub kepada sub-kategori Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat dalam penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 5 terdapat dalam jadual 4.40. Dalam jadual 4.40, terdapat hanya 3 soalan dalam penilaian buku berkenaan yang mengarah kepada sub kepada sub-kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah. Dalam sub kepada sub-kategori Menghurai Maklumat, terdapat taburan perbezaan yang tinggi antara Kemahiran Mengenal Pasti Contoh dalam Maklumat (50%) dengan Kemahiran Menghurai Perbandingan Maklumat (25%), Mengenal Pasti Maklumat (12.5%), dan Menyenaraikan Konsep (12.5%). Sebaliknya Kemahiran Menyatakan Persamaan Maklumat (0%), Menyatakan Perbezaan Maklumat (0%), dan Menentukan Bukti-bukti Sahih juga (0%).

Taburan yang tidak sekata juga turut ditemui dalam sub kepada sub-kategori Kemahiran Menggunakan Maklumat. Peratusan yang tidak seimbang terdapat pada Kemahiran Menyenaraikan Hujah (33.3%), Membuktikan Hujah (0%), Menghurai

Rantainya Sebab (16.7%), Menghurai Rantainya Akibat (0%) dan Mereka Bentuk Hasilannya Maklumat (50%).

Jadual 4.40: Analisis Kekekapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5

Kategori Utama/ Sub kategori	Sub kepada sub-kategori	Kek.	%
II. Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat			
A. Kemahiran Mendefinisi Istilah	i. Memberi Definisi Sama Erti	2	66.7
	ii. Memberi Definisi Berlawanan Maksud	0	0.0
	iii. Memberi Definisi Stipulatif	0	0.0
	iv. Memberi Definisi Lanjutan	1	33.3
	Jumlah	3	100.0
B. Kemahiran Menghurai Maklumat	i. Mengenal Pasti Maklumat	1	12.5
	ii. Menyatakan Persamaan Maklumat	0	0.0
	iii. Menyatakan Perbezaan Maklumat	0	0.0
	iv. Menghurai Perbandingan Maklumat	2	25.0
	v. Mengenal pasti Contoh dalam Maklumat	4	50.0
	vi. Menentukan Bukti-bukti Sahih	0	0.0
	vii. Menyeneraikan Konsep/ Fakta Maklumat	1	12.5
Jumlah	8	100.0	
C. Kemahiran Mengguna Maklumat	i. Menyeneraikan Hujah/ Pendapat	2	33.3
	ii. Membuktikan Hujah/ Pendapat	0	0.0
	iii. Menghurai Rantainya Sebab	1	16.7
	iv. Menghurai Rantainya Akibat	0	0.0
	v. Mereka Bentuk Hasilannya Maklumat	3	50.0
Jumlah	6	100.0	

Nota:

Kek. : Kekekapan
% : Peratus

Data daripada jadual tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 5 lebih mengarah kepada sub kepada sub-kategori Kemahiran Menghurai Maklumat dan Mengguna Maklumat. Terlalu sedikit daripada penilaiannya yang mengarah kepada Kemahiran Mendefinisi Istilah.

4.2.7.5 Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti dan Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5

Perbincangan dalam bahagian ini akan disertakan dua buah jadual iaitu untuk aktiviti dan penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 5. Jadual 4.41 (sila rujuk) menunjukkan kekerapan sub kepada sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam aktiviti kemahiran membaca dalam latihan buku teks Bahasa Melayu Tahun 5.

Jadual 4.41: Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5

Kategori Utama/ Sub kategori	Sub kepada sub-kategori	Kek.	%
II. Kemahiran Membuat Keputusan			
A. Kemahiran Menyelesaikan Masalah	i. Mengenal Pasti Masalah	0	0.0
	ii. Menghurai Masalah yang di Kenal Pasti	0	0.0
	iii. Mengenal pasti Punca Masalah / Faktor Penyebab	0	0.0
	iv. Menyenaraikan Alternatif Penyelesaian Punca Masalah	0	0.0
	Jumlah	0	0.0
B. Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian	i. Menghurai Kekuatan Alternatif Penyelesaian	0	0.0
	ii. Menghurai Kelemahan Alternatif Penyelesaian	0	0.0
	iii. Menentukan Pilihan / Tindakan Terbaik	2	100.0
	iv. Menentukan Kesahihan Pilihan	0	0.0
	Jumlah	2	100.0

Nota:

Kek. : Kekerapan
% : Peratus

Daripada jadual, Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian yang dimuatkan dalam latihan buku teks tersebut hanya 2 soalan sahaja dan tidak didapati sebarang soalan yang mengarah kepada Kemahiran Menyelesaikan Masalah. Perkara ini menunjukkan bahawa soalan-soalan dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 5 terlalu sedikit mengarah kepada Kemahiran Membuat Keputusan.

Jadual 4.42 pula mempamerkan sub kepada sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu KSSR.

Jadual 4.42: Analisis Kekekapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5

Kategori Utama/ Sub kategori	Sub kepada sub-kategori	Kek.	%
II. Kemahiran Membuat Keputusan			
A. Kemahiran Menyelesaikan Masalah	i. Mengenal Pasti Masalah	0	0.0
	ii. Menghurai Masalah yang di Kenal Pasti	0	0.0
	iii. Mengenal pasti Punca Masalah / Faktor Penyebab	0	0.0
	iv. Menyenaraikan Alternatif Penyelesaian Punca Masalah	0	0.0
	Jumlah	0	0.0
B. Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian	i. Menghurai Kekuatan Alternatif Penyelesaian	0	0.0
	ii. Menghurai Kelemahan Alternatif Penyelesaian	0	0.0
	iii. Menentukan Pilihan / Tindakan Terbaik	0	0.0
	iv. Menentukan Kesahihan Pilihan	0	0.0
	Jumlah	0	0.0

Nota:

Kek. : Kekekapan
% : Peratus

Dalam jadual tersebut, Kemahiran Menyelesaikan Masalah dan Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian didapati tidak mengandungi peratusan. Hal ini membuktikan bahawa soalan-soalan dalam penilaian kemahiran membaca dalam buku teks tersebut tidak mengarah langsung kepada Kemahiran Membuat Keputusan.

4.2.7.6 Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti dan Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5

Selanjutnya akan dibincangkan sub kepada sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi yang terdapat dalam aktiviti dan penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 5. Sebanyak dua buah jadual (yang telah disatukan) dibina.

Jadual 4.43 (sila lihat jadual) memaparkan kekerapan sub kepada sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 5. Peratus tertinggi dalam sub kepada sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat ialah Meringkas dengan Padat (46.2%), seterusnya Mengeluarkan Idea Utama (30.8%), diikuti Menentukan Idea-idea Sampingan (15.4%), dan akhir sekali Menghurai Semula Idea-idea dalam Bentuk Baharu (7.7%). Tidak didapati langsung peratusan bagi Kemahiran Menentukan Kesimpulan Umum (0%).

Bagi Kemahiran Merumus Secara Tersirat, peratusan hanya tertumpu kepada dua kemahiran sahaja iaitu Menghurai Idea-idea Baharu (Berlawanan) dengan Padat (71.4%) dan Mengeluarkan Idea Berlawanan Utama (28.6%). Tiada sebarang soalan bagi kemahiran-kemahiran yang lain. Akhir sekali, sub kepada sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan pula hanya tiga kemahiran sahaja yang memuatkan soalan. Kemahiran Membentuk Generalisasi Idea Ramalan dan Membentuk Pengkhususan Idea Ramalan masing-masing berkongsi peratus yang sama iaitu (20%). Manakal peratus tertinggi pula ialah Mengeluarkan Idea Ramalan (60%).

Jadual 4.43: Analisis Kekekapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5

Kategori Utama/ Sub kategori	Sub kepada sub-kategori	Kek.	%
III. Kemahiran Membentuk Inferensi			
A. Kemahiran Merumus Secara Tersurat	i. Menentukan Kesimpulan Umum	0	0.0
	ii. Mengeluarkan Idea Utama	4	30.8
	iii. Menentukan Idea-idea Sampingan	2	15.4
	iv. Menghurai Semula Idea-idea dalam Bentuk Baharu	1	7.7
	v. Meringkas dengan Padat	6	46.2
	Jumlah		13
B. Kemahiran Merumus Secara Tersirat	i. Menentukan Kesimpulan Berlawanan Idea	0	0.0
	ii. Mengeluarkan Idea Berlawanan Utama	2	28.6
	iii. Mengeluarkan Idea Berlawanan Sampingan	0	0.0
	iv. Menghurai Idea-idea Berlawanan	0	0.0
	v. Menghurai Idea-idea Baharu (berlawanan) dengan Padat	5	71.4
	Jumlah		7
C. Kemahiran Membuat Ramalan	i. Membentuk Generalisasi Idea Ramalan	1	20.0
	ii. Membentuk Pengkhususan Idea Ramalan	1	20.0
	iii. Mengeluarkan Idea Ramalan	3	60.0
	iv. Menghurai Idea Baharu	0	0.0
	v. Mengaplikasi Bukti dalam Perkara Baharu	0	0.0
	vi. Mempertahankan Idea Baharu	0	0.0
	Jumlah		5

Nota:

Kek. : Kekekapan
% : Peratus

Jadual 4.44 (sila rujuk) pula menampilkan kekekapan sub kepada sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 5. Jadual tersebut menunjukkan bahawa sub kepada sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat hanya memuatkan empat soalan yang mengarah kepada Kemahiran Membentuk Inferensi.

Jadual 4.44: Analisis Kekekapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5

Kategori Utama/ Sub kategori	Sub kepada sub-kategori	Kek.	%
III. Kemahiran Membentuk Inferensi			
A. Kemahiran Merumus Secara Tersurat	i. Menentukan Kesimpulan Umum	0	0.0
	ii. Mengeluarkan Idea Utama	1	25.0
	iii. Menentukan Idea-idea Sampingan	1	25.0
	iv. Menghurai Semula Idea-idea dalam Bentuk Baharu	0	0.0
	v. Meringkas dengan Padat	2	50.0
	Jumlah	4	100.0
B. Kemahiran Merumus Secara Tersirat	i. Menentukan Kesimpulan Berlawanan Idea	0	0.0
	ii. Mengeluarkan Idea Berlawanan Utama	0	0.0
	iii. Mengeluarkan Idea Berlawanan Sampingan	0	0.0
	iv. Menghurai Idea-idea Berlawanan	0	0.0
	v. Menghurai Idea-idea Baharu (berlawanan) dengan Padat	2	100.0
	Jumlah	2	100.0
C. Kemahiran Membuat Ramalan	i. Membentuk Generalisasi Idea Ramalan	0	0.0
	ii. Membentuk Pengkhususan Idea Ramalan	0	0.0
	iii. Mengeluarkan Idea Ramalan	0	0.0
	iv. Menghurai Idea Baharu	0	0.0
	v. Mengaplikasi Bukti dalam Perkara Baharu	0	0.0
	vi. Mempertahankan Idea Baharu	0	0.0
	Jumlah	0	0.0

Nota:

Kek. : Kekekapan
% : Peratus

Sub kepada sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat pula hanya memuatkan dua soalan yang mengandungi unsur Kemahiran Membentuk Inferensi iaitu pada Kemahiran Menghurai Idea-idea Baharu (berlawanan) dengan Padat (100%). Bagi kategori Kemahiran Membuat Ramalan, tiada sebarang penilaian yang mengarah kepadanya.

Kesimpulannya, data daripada jadual tersebut menunjukkan terlalu sedikit penilaian-penilaian yang mengarah kepada sub kepada sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat dan Kemahiran Merumus Secara Tersirat dan seterusnya mengabaikan langsung Kemahiran Membuat Ramalan.

4.2.7.7 Sub Kepada Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti dan Penilaian Tahun 6

Sebuah jadual (yang disatukan) dibentuk untuk analisis sub kepada sub-kategori Kemahiran mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu Tahun 6, begitu juga dalam penilaian buku tersebut. Jadual 4.45 (sila lihat jadual) menunjukkan sub kepada sub-kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah, Kemahiran Menghurai Maklumat dan Kemahiran Mengguna Maklumat dalam aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6.

Jadual 4.45: Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6

Kategori Utama/ Sub kategori	Sub kepada sub-kategori	Kek.	%
I. Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat			
A. Kemahiran Mendefinisi Istilah	i. Memberi Definisi Sama Erti	2	100.0
	ii. Memberi Definisi Berlawanan Maksud	0	0.0
	iii. Memberi Definisi Stipulatif	0	0.0
	iv. Memberi Definisi Lanjutan	0	0.0
Jumlah		2	100.0
B. Kemahiran Menghurai Maklumat	i. Mengenal Pasti Maklumat	6	75.0
	ii. Menyatakan Persamaan Maklumat	0	0.0
	iii. Menyatakan Perbezaan Maklumat	0	0.0
	iv. Menghurai Perbandingan Maklumat	0	0.0
	v. Mengenalpasti contoh Dalam Maklumat	0	0.0
	vi. Menentukan Bukti-bukti Sahih	0	0.0
	vii. Menyeneraikan Konsep/ Fakta Maklumat	2	25.0
Jumlah		8	100.0
C. Kemahiran Mengguna Maklumat	i. Menyeneraikan Hujah/ Pendapat	0	0.0
	ii. Membuktikan Hujah/ Pendapat	0	0.0
	iii. Menghurai Rantaian Sebab	4	100.0
	iv. Menghurai Rantaian Akibat	0	0.0
	v. Mereka Bentuk Hasil Maklumat	0	0.0
Jumlah		4	100.0

Nota:

Kek. : Kekerapan
% : Peratus

Bagi sub kepada sub-kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah, jadual tersebut menunjukkan kekerapan yang amat sedikit jumlahnya dalam buku teks tersebut. Kekerapan soalan hanya cenderung kepada Kemahiran Memberi Definisi Sama Erti iaitu sebanyak dua soalan sahaja. Tidak didapati langsung soalan daripada kemahiran-kemahiran lain.

Dalam sub kepada sub-kategori Kemahiran Menghurai Maklumat, didapati hanya dua kemahiran yang mengandungi arahan dalam aktiviti buku teks tersebut iaitu Kemahiran Mengenal Pasti Maklumat (75%) dan Kemahiran Menyenaraikan Konsep/Fakta Maklumat (25%), manakala kemahiran-kemahiran lain tidak disoal.

Jadual 4.45 juga mengandungi sub kepada sub-kategori Kemahiran Mengguna Maklumat yang sangat sedikit. Hanya empat soalan yang mengandungi soalan Kemahiran Rantaian Sebab, dan selebihnya menolak terus kemahiran-kemahiran lain.

Rumusannya, data daripada jadual tersebut memperlihatkan bahawa aktiviti-aktiviti kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 6 terlalu sedikit mengarah kepada Kemahiran Menghurai Maklumat dan Kemahiran Mendefinisi Istilah. Aktiviti-aktiviti dalam buku tersebut juga tidak menyelitkan langsung soalan-soalan yang mengarah kepada Kemahiran Mengguna Maklumat.

Analisis sub kepada sub-kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam penilaian kemahiran membaca buku teks berkenaan terdapat dalam Jadual 4.46 (sila rujuk). Analisis mendapati tiada sebarang peratusan bagi sub kepada sub-kategori Kemahiran Mendefinisi Istilah (0%). Bagi sub kepada sub-kategori Kemahiran Menghurai Maklumat, terdapat persamaan peratusan antara Kemahiran Mengenal Pasti Maklumat (50%) dan Kemahiran Menyenaraikan Konsep/Fakta Maklumat (50%). Tidak didapati langsung peratusan bagi kemahiran-kemahiran lain dalam Kemahiran Menghurai Maklumat ini.

Jadual juga memperlihatkan sub kepada sub-kategori Kemahiran Menggunakan Maklumat. Soalan yang paling banyak ditemui dalam bahagian ini ialah soalan yang mengarah kepada Kemahiran Menyenaraikan Hujah (60%), seterusnya Kemahiran Membuktikan hujah (40%), manakala kemahiran-kemahiran lain tidak disoal.

Jadual 4.46: Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6

Kategori Utama/ Sub kategori	Sub kepada sub-kategori	Kek.	%
I. Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat			
A. Kemahiran Mendefinisi Istilah	i. Memberi Definisi Sama Erti	0	0.0
	ii. Memberi Definisi Berlawanan Maksud	0	0.0
	iii. Memberi Definisi Stipulatif	0	0.0
	iv. Memberi Definisi Lanjutan	0	0.0
Jumlah		0	0.0
B. Kemahiran Menghurai Maklumat	i. Mengenal Pasti Maklumat	3	50.0
	ii. Menyatakan Persamaan Maklumat	0	0.0
	iii. Menyatakan Perbezaan Maklumat	0	0.0
	iv. Menghurai Perbandingan Maklumat	0	0.0
	v. Mengenalpasti contoh Dalam Maklumat	0	0.0
	vi. Menentukan Bukti-bukti Sahih	0	0.0
	vii. Menyenaraikan Konsep/ Fakta Maklumat	3	50.0
Jumlah		6	100.0
C. Kemahiran Menggunakan Maklumat	i. Menyenaraikan Hujah/ Pendapat	3	60.0
	ii. Membuktikan Hujah/ Pendapat	2	40.0
	iii. Menghurai Rantaian Sebab	0	0.0
	iv. Menghurai Rantaian Akibat	0	0.0
	v. Mereka Bentuk Hasil Maklumat	0	0.0
Jumlah		5	100.0

Nota:

Kek. : Kekerapan
% : Peratus

Sebagai kesimpulannya, data daripada Jadual 46 tersebut menampilkan taburan kekerapan sub kepada sub-kategori Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat yang tidak seimbang antara satu sama lain. Tiada sebarang aktiviti kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 6 yang mengarah kepada kemahiran

Mendefinisi Istilah. Taburan soalan hanya tertumpu kepada Kemahiran Menghurai Maklumat dan Kemahiran Mengguna Maklumat.

4.2.7.8 Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti dan Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6

Analisis seterusnya dapat dilihat dalam Jadual 4.47. Jadual 4.47 (sila lihat) menunjukkan taburan kekerapan sub kepada sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan yang terlalu minimum dalam aktiviti membaca dalam latihan buku teks tersebut. Bagi Kemahiran Menyelesaikan Masalah, tiada sebarang aktiviti yang mengarah kepada Kemahiran Menyelesaikan Masalah (0%).

Sub kepada sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian turut diperlihatkan dalam jadual 4.47. Terdapat hanya empat soalan yang mengarah kepada Kemahiran Menentukan Pilihan yang dimuatkan dalam bahagian ini. Selebihnya tiada arahan soalan yang mengarah kepada sub kepada sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian.

Jadual 4.47: Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6

Kategori Utama/ Sub kategori	Sub kepada sub-kategori	Kek.	%
II. Kemahiran Membuat Keputusan			
A. Kemahiran Menyelesaikan Masalah	i. Menenal Pasti Masalah	0	0.0
	ii. Menghurai Masalah yang di Kenal Pasti	0	0.0
	iii. Menenal pasti Punca Masalah / Faktor Penyebab	0	0.0
	iv. Menyenaikan Alternatif Penyelesaian Punca Masalah	0	0.0
Jumlah		0	0.0
B. Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian	i. Menghurai Kekuatan Alternatif Penyelesaian	0	0.0
	ii. Menghurai Kelemahan Alternatif Penyelesaian	0	0.0
	iii. Menentukan Pilihan / Tindakan Terbaik	4	100.0
	iv. Menentukan Kesahihan Pilihan	0	0.0
Jumlah		4	100.0

Nota:

Kek. : Kekerapan
% : Peratus

Sebagai rumusan, data daripada jadual tersebut memperlihatkan bahawa aktiviti-aktiviti kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 6 terlalu sedikit mengarah kepada Kemahiran Membuat Keputusan. Hal ini demikian kerana keempat-empat arahan soalan hanya berkumpul pada Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian seterusnya mengabaikan kemahiran-kemahiran lain.

Jadual 4.48 (sila rujuk) pula menampilkan sub kepada sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 6. Berdasarkan jadual, tidak didapati langsung Kemahiran Membuat Keputusan dalam arahan soalan-soalan dalam buku teks tersebut.

Jadual 4.48: Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6

Kategori Utama/ Sub kategori	Sub kepada sub-kategori	Kek.	%
II. Kemahiran Membuat Keputusan			
A. Kemahiran Menyelesaikan Masalah	i. Mengetahui Pasti Masalah	0	0.0
	ii. Menghurai Masalah yang di Kenal Pasti	0	0.0
	iii. Mengetahui pasti Punca Masalah / Faktor Penyebab	0	0.0
	iv. Menyenaraikan Alternatif Penyelesaian Punca Masalah	0	0.0
Jumlah		0	0.0
B. Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian	i. Menghurai Kekuatan Alternatif Penyelesaian	0	0.0
	ii. Menghurai Kelemahan Alternatif Penyelesaian	0	0.0
	iii. Menentukan Pilihan / Tindakan Terbaik	0	0.0
	iv. Menentukan Kesahihan Pilihan	0	0.0
Jumlah		0	0.0

Nota:

Kek. : Kekerapan
% : Peratus

Secara kesimpulannya, Jadual 4.48 menunjukkan bahawa berlaku ketidakseimbangan agihan soalan-soalan dalam penilaian kemahiran membaca kerana tidak mengandungi sebarang arahan yang mengarah kepada Kemahiran Menyelesaikan Masalah mahupun Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian.

4.2.7.9 Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti dan Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6

Bagi membincangkan sub kepada sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam aktiviti dan penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 6, dua buah jadual (yang disatukan) dibentuk.

Jadual 4.49 (sila lihat jadual) menampilkan kekerapan sub kepada sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 6. Jadual memperlihatkan peratus Kemahiran Merumus Secara Tersurat.

Peratus tertinggi didapati pada Kemahiran Menghurai Semua Idea-idea dalam Bentuk Baharu (46.2%), diikuti Kemahiran Meringkas dengan Padat (34.6%), dan akhir sekali Kemahiran Mengeluarkan Idea Utama (19.2%). Dua lagi kemahiran iaitu Menentukan Kesimpulan Umum dan Menentukan Idea-idea Sampingan menunjukkan peratusan (0%).

Bagi kemahiran Merumus Secara Tersirat, terdapat hanya tiga soalan yang bertumpu kepada Kemahiran Menghurai Idea-idea Baharu (berlawanan) dengan Padat. Tiada sebarang soalan bagi kemahiran-kemahiran yang lain. Sub kepada sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan pula hanya terdapat satu soalan yang mengarah kepadanya.

Jadual 4.49: Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6

Kategori Utama/ Sub kategori	Sub kepada sub-kategori	Kek.	%
III. Kemahiran Membentuk Inferensi			
A. Kemahiran Merumus Secara Tersirat	i. Menentukan Kesimpulan Umum	0	0.0
	ii. Mengeluarkan Idea Utama	5	19.2
	iii. Menentukan Idea-idea Sampingan	0	0.0
	iv. Menghurai Semula Idea-idea dalam Bentuk Baharu	12	46.2
	v. Meringkas dengan Padat	9	34.6
Jumlah		26	100.0
B. Kemahiran Merumus Secara Tersirat	i. Menentukan Kesimpulan Berlawanan Idea	0	0.0
	ii. Mengeluarkan Idea Berlawanan Utama	0	0.0
	iii. Mengeluarkan Idea Berlawanan Sampingan	0	0.0
	iv. Menghurai Idea-idea Berlawanan	0	0.0
	v. Menghurai Idea-idea Baharu (berlawanan) dengan Padat	3	100.0
Jumlah		3	100.0
C. Kemahiran Membuat Ramalan	i. Membentuk Generalisasi Idea Ramalan	0	0.0
	ii. Membentuk Pengkhususan Idea Ramalan	0	0.0
	iii. Mengeluarkan Idea Ramalan	0	0.0
	iv. Menghurai Idea Baharu	1	100.0
	v. Mengaplikasi Bukti dalam Perkara Baharu	0	0.0
	vi. Mempertahankan Idea Baharu	0	0.0
Jumlah		1	100.0

Nota:

Kek. : Kekerapan
% : Peratus

Rumusannya, data daripada jadual tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan aktiviti dalam bahagian ini hanya mengarah kepada sub kepada sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat. Terlalu sedikit aktiviti yang menjurus kepada Kemahiran Merumus Secara Tersirat dan Kemahiran Membuat Ramalan.

Jadual 4.50: Analisis Kekerapan Sub kepada Sub-Kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 6

Kategori Utama/ Sub kategori	Sub kepada sub-kategori	Kek.	%
III. Kemahiran Membentuk Inferensi			
A. Kemahiran Merumus Secara Tersurat	i. Menentukan Kesimpulan Umum	0	0.0
	ii. Mengeluarkan Idea Utama	1	16.7
	iii. Menentukan Idea-idea Sampingan	0	0.0
	iv. Menghurai Semula Idea-idea dalam Bentuk Baharu	2	33.3
	v. Meringkas dengan Padat	3	50.0
	Jumlah		6
B. Kemahiran Merumus Secara Tersirat	i. Menentukan Kesimpulan Berlawanan Idea	0	0.0
	ii. Mengeluarkan Idea Berlawanan Utama	0	0.0
	iii. Mengeluarkan Idea Berlawanan Sampingan	0	0.0
	iv. Menghurai Idea-idea Berlawanan	0	0.0
	v. Menghurai Idea-idea Baharu (berlawanan) dengan Padat	1	100.0
	Jumlah		1
C. Kemahiran Membuat Ramalan	i. Membentuk Generalisasi Idea Ramalan	0	0.0
	ii. Membentuk Pengkhususan Idea Ramalan	0	0.0
	iii. Mengeluarkan Idea Ramalan	0	0.0
	iv. Menghurai Idea Baharu	1	100.0
	v. Mengaplikasi Bukti dalam Perkara Baharu	0	0.0
	vi. Mempertahankan Idea Baharu	0	0.0
	Jumlah		1

Nota:

Kek. : Kekerapan
% : Peratus

Jadual 4.50 (sila rujuk) pula memperlihatkan kekerapan sub kepada sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi dalam penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 6. Jadual berkenaan juga memperlihatkan peratusan yang terdapat dalam sub kepada sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersurat. Kemahiran-kemahiran yang terlibat ialah Mengeluarkan Idea Utama (16.7%), Menghurai Semula Idea-idea dalam Bentuk Baharu (33.3%), Meringkas dengan Padat (50%), dan dua lagi kemahiran dalam bahagian ini tidak didapati langsung.

Daripada jadual tersebut, terdapat hanya satu soalan dalam penilaian kemahiran membaca buku teks yang mengarah murid kepada Kemahiran Merumus Secara Tersirat yang bertumpu kepada Kemahiran Menghurai Idea-idea (berlawanan) dengan Padat. Bagi sub kepada sub-kategori Kemahiran Membuat Ramalan pula, terdapat hanya satu soalan yang bertumpu pada Kemahiran Menghurai Idea-idea Baharu.

Kesimpulannya, data daripada jadual tersebut menunjukkan bahawa terlalu sedikit penilaian-penilaian yang mengarah kepada Kemahiran Merumus Secara Tersurat. Penampilan sub kepada sub-kategori Kemahiran Merumus Secara Tersirat dan Kemahiran Membuat Ramalan pula hampir tiada langsung kerana hanya satu soalan yang mengarah kepada kemahiran masing-masing.

4.3 Analisis Perbandingan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis antara Tahun dalam Aktiviti dan Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu KSSR.

Dalam bahagian ini, pengkaji menumpukan perbincangan kepada soalan kajian ketiga „Apakah terdapat perbezaan kategori-kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam bahagian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu KSSR antara Tahun 4, 5

dan 6 sekolah rendah?" Jawapan akan dilihat melalui perincian analisis ini yang terbahagi kepada dua sub-tema berikut:

- 4.3.1 Analisis Perbandingan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis antara Tahun dalam Aktiviti.
- 4.3.2 Analisis Perbandingan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis antara Tahun dalam Penilaian.

4.3.1 Analisis Perbandingan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis antara Tahun dalam Aktiviti

Perbandingan kekerapan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis antara tahun dalam bahagian ini tertumpu hanya kepada aktiviti-aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu KSSR tahap dua.

Perbandingan kekerapan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis antara tahun dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 diperlihatkan dalam jadual 4.51. Terdapat perbezaan yang sedikit antara aktiviti kemahiran membaca Tahun 4 dan 5 bagi Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat, namun perbezaan besar wujud pada aktiviti Tahun 6. Seterusnya, perbezaan yang ketara juga dilihat pada Kemahiran Membuat Keputusan bagi Tahun 4 dengan 6, tetapi sedikit perbezaan antara Tahun 5 dengan 6. Seterusnya, Kemahiran Membentuk Inferensi didapati tidak begitu ketara perbezaan antara ketiga-tiga tahun tersebut. Akhir sekali, tiada perbezaan langsung bagi kategori utama Kemahiran Membentuk Analogi iaitu (0%).

Daripada jadual juga, peratus kategori utama Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat ditemui sebanyak (45.2%) dalam aktiviti Tahun 4, sebanyak (38%) dalam aktiviti Tahun 5, sementara aktiviti Tahun 6 pula (16.7%). Bagi kategori utama Kemahiran Membuat Keputusan, didapati (14.3%) dalam Tahun 4, manakala (28.6%) aktiviti ditemui dalam Tahun 5, dan selebihnya (57.1%) ditemui dalam aktiviti Tahun 6.

Dalam kategori utama Kemahiran Membentuk Inferensi, terdapat (31.2%) masing-masing pada Tahun 4 dan 5, dan akhir sekali (37.5%) dalam aktiviti Tahun 6.

Jadual 4.51: Perbandingan Kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis antara Tahun dalam Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu

Kategori utama	Tahun 4		Tahun 5		Tahun 6		Jumlah	
	Kek.	%	Kek.	%	Kek.	%		
I. Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat	(38)	45.2	(32)	38.0	(14)	16.7	(84)	100.0
II. Kemahiran Membuat Keputusan	(1)	14.3	(2)	28.6	(4)	57.1	(7)	100.0
III. Kemahiran Membentuk Inferensi	(25)	31.2	(25)	31.2	(30)	37.5	(80)	100.0
IV. Kemahiran Membentuk Analogi	(0)	0.0	(0)	0.0	(0)	0.0	(0)	0.0

Nota:

Kek. : Kekerapan

% : Peratus

Hal ini menunjukkan bahawa tidak ada perseimbangan kekerapan kategori-kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam aktiviti-aktiviti antara Tahun 4, 5 dan 6. Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat dalam aktiviti lebih banyak didedahkan kepada murid Tahun 4, manakala Kemahiran Membentuk Inferensi lebih banyak didedahkan kepada murid Tahun 6.

4.3.2 Analisis Perbandingan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis antara Tahun dalam Penilaian.

Analisis dalam bahagian ini akan memberikan tumpuan terhadap perbandingan kekerapan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis antara tahun dalam penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu KSSR tahap dua. Sebuah jadual dibina untuk tujuan tersebut.

Jadual 4.52 memperlihatkan perbandingan kekerapan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis antara tahun dalam penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu.

Jadual 4.52: Perbandingan Kekerapan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis antara Tahun dalam Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu

Kategori utama	Tahun 4		Tahun 5		Tahun 6		Jumlah	
	Kek.	%	Kek.	%	Kek.	%		
I. Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat	(8)	22.2	(17)	47.2	(11)	30.6	(36)	100.0
II. Kemahiran Membuat Keputusan	(2)	100	(0)	0.0	(0)	0.0	(2)	100.0
III. Kemahiran Membentuk Inferensi	(4)	22.2	(6)	33.3	(8)	44.4	(18)	100.0
IV. Kemahiran Membentuk Analogi	(0)	0.0	(0)	0.0	(0)	0.0	(0)	0.0

Nota:

Kek. : Kekerapan

% : Peratus

Perbezaan yang tidak ketara didapati antara penilaian Tahun 5 dengan Tahun 6, sebaliknya didapati perbezaan yang ketara antara penilaian Tahun 5 dengan Tahun 4 bagi kategori utama Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat. Selanjutnya, tidak didapati perbezaan pada kategori utama Kemahiran Membuat Keputusan bagi Tahun 5 dan Tahun 6 kerana soalan-soalan penilaian hanya bertumpu kepada buku teks Tahun 4. Selain itu, perbezaan ketara juga dilihat pada kategori utama Kemahiran Membentuk Inferensi bagi Tahun 4 dengan 6, namun wujud perbezaan tidak ketara pada Tahun 4 dengan Tahun 5. Kategori utama Kemahiran Membentuk Analogi tidak ditemui langsung (0%) dalam penilaian-penilaian berkenaan.

Jadual juga memperlihatkan kategori utama Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat didapati sebanyak (22.2%) dalam Tahun 4, sebanyak (47.2%) dalam Tahun 5, dan akhir sekali (30.6%) dalam Tahun 6. Bagi kategori utama Kemahiran Membuat Keputusan, penilaian hanya ditemui dalam Tahun 4 iaitu (100%) selebihnya tidak ditemui peratusan dalam Tahun 5 dan 6. Kategori utama Kemahiran Membentuk Inferensi pula menunjukkan sebanyak (22.2%) dalam Tahun 4, seterusnya (33.3%) dalam Tahun 5, dan (44.4%) dalam penilaian kemahiran membaca Tahun 6.

Data daripada jadual tersebut menunjukkan bahawa penilaian-penilaian dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 tidak memuatkan kategori utama Kemahiran Membentuk Analogi. Kategori-kategori utama yang lain didapati ada keseimbangan antara Tahun 4, 5 dan 6 kecuali kategori utama Kemahiran Membuat Keputusan yang menumpukan sepenuhnya perhatian pada penilaian-penilaian Tahun 4.

4.4 Analisis data anekdot dalam Buku Teks Bahasa Melayu KSSR Tahap Dua

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan beberapa aspek yang tidak termasuk dalam instrumen „Analisis Kod Kemahiran Berfikir Kritis“. Perbincangan

berbentuk data anekdot ini adalah lebih berupa huraian secara naratif melibatkan aspek-aspek yang tidak diterangkan secara terperinci dan meluas dengan menggunakan instrumen kajian.

Pengkaji akan menghurai data anekdot ini berdasarkan tiga sub-tema yang telah dibina:

- 4.4.1 Analisis Data Anekdote terhadap Isi Kandungan Kemahiran Membaca Buku Teks Bahasa Melayu KSSR Tahap Dua.
- 4.4.2 Analisis Data Anekdote terhadap Aktiviti Kemahiran Membaca Buku Teks Bahasa Melayu KSSR Tahap Dua.
- 4.4.3 Analisis Data Anekdote Terhadap Penilaian Kemahiran Membaca Buku Teks Bahasa Melayu KSSR Tahap Dua.

4.4.1 Analisis Data Anekdote terhadap Isi Kandungan Kemahiran Membaca Buku Teks Bahasa Melayu KSSR Tahap Dua

Kandungan buku teks Bahasa Melayu KSSR adalah bersifat ilmiah selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Namun, beberapa kelemahan telah dikenal pasti oleh pengkaji sepanjang proses analisis kandungan dijalankan pada setiap helaian kemahiran membaca dalam buku teks tersebut bagi Tahun 4, 5 dan 6. Pengkaji telah merumuskan beberapa kebaikan dan kelemahan yang didapati dalam buku-buku berkenaan seperti berikut:

(1) Skop Isi Kandungan Luas

Pengkaji berpendapat skop isi kandungan buku teks Bahasa Melayu adalah luas, namun tidak membebankan. Hal ini bermaksud murid didedahkan dengan kepelbagaian tema melibatkan tema keluarga, diri, masyarakat, warisan, pertanian, patriotisme, ekonomi negara, kelestarian alam, dan sains dan teknologi. Ketiga-tiga buku teks berkenaan menggunakan pendekatan modular yang melibatkan lima modul yang terkandung dalam setiap unit iaitu Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur,

Modul Kemahiran Membaca, Modul Kemahiran Menulis, Modul Seni Bahasa dan Modul Tatabahasa.

Pengkaji berpendapat isi kandungan buku teks tersebut tidak membebankan kerana pengetahuan yang dimuatkan dalam setiap tema telah ditetapkan dan dikembangkan selaras dengan umur murid-murid. Perbincangan setiap unit mengambil ruang penulisan antara 4 hingga 7 muka surat. Reka bentuk isi kandungan yang sedemikian menyebabkan murid dapat belajar secara santai dan tidak mudah bosan.

Antara contoh isi kandungan yang terdapat dalam modul kemahiran membaca dalam buku teks Tahun 4, 5 dan 6 ialah:

- a) Tajuk „Petai Belalang“ (Buku Teks Tahun 4, Tema 6, Unit 16, m.s. 103)
- b) Tajuk „Penanaman Koko di Malaysia“ (Buku Teks Tahun 5, Tema 6, Unit 16, m.s. 113)
- c) Tajuk „Pengesaran Penyakit Denggi“ (Buku Teks Tahun 6, Tema 9, Unit 27, m.s. 156)

Sub-tajuk yang disenaraikan di atas memuatkan satu halaman sahaja dengan isi kandungan yang disampaikan melalui kepelbagaian grafik untuk memudahkan pemahaman murid-murid.

Terdapat banyak tema lain yang menarik, namun pengetahuan tentang ilmu tersebut sekadar asas sahaja seperti tema „Warisan Bangsa“ (Buku teks Tahun 5, m.s. 89), tema „Terokai Sains Terajui Teknologi dan Inovasi“ (Buku Teks Tahun 6, m.s. 145) dan tema „Penternakan Moden (Buku Teks Tahun 6, m.s. 167).

(2) Urutan Sub-Topik Selari dan Kemas

Kelancaran huraian isi-isi buku teks Bahasa Melayu adalah selari dan kemas. Hal ini demikian kerana urutan tema bermula daripada peringkat paling asas iaitu Tema Kekeluargaan kepada peringkat yang paling besar iaitu Tema Sains dan Teknologi.

Sebagai contohnya, dalam kemahiran membaca bagi Tema 1 „Aktiviti Keluarga“, (Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4, Unit 1, m.s. 3) memuatkan tajuk „Ekspedisi Berakit“, murid didedahkan dengan ekspedisi berakit bersama-sama keluarga yang dapat dilakukan di Laman Idaman, Kuala Kubu Bharu. Sub-topik ini selari dengan sub-topik sebelumnya iaitu dalam Kemahiran Mendengar dan Bertutur bertajuk „Mencari Maklumat“ tentang Laman Idaman yang dilakukan oleh seorang anak dengan bimbingan bapanya. Kemudian, sub-topik ketiga menunjukkan keselarian kerana dalam kemahiran menulis murid diberi pendedahan tentang cara menulis diari melalui contoh tajuk „Diariku“ iaitu murid dikehendaki menulis diari berkisar topik ekspedisi berakit di Laman Idaman.

Contoh lain keselarian yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu adalah pada Tema „Ekonomi Malaysia“ (Buku teks Tahun 5, Unit 24, m.s. 169) bertajuk „Simpanan Masa Hadapan“ dalam sub-topik kemahiran membaca murid didedahkan dengan ilmu menabung. Sub-topik sebelumnya iaitu bagi kemahiran mendengar dan bertutur bertajuk „Bijak Mengurus Wang“, murid diberi tip-tip mengurus kewangan. Manakala sub-topik ketiga dalam unit ini iaitu dalam kemahiran menulis, murid didedahkan cara mengagihkan wang dengan cara yang betul. Hal ini menunjukkan buku teks Bahasa Melayu selari dan kemas sesuai dengan peringkat umur murid.

(3) Tiada Rumusan/Kesimpulan

Penulisan buku teks Bahasa Melayu Tahap Dua juga didapati tiada rumusan atau kesimpulan menyeluruh pada akhir setiap unit atau tema. Namun, pada bahagian pendahuluan buku teks, para penulis ada menekankan bahawa penyediaan latihan dalam setiap penilaian bertujuan untuk mengukuhkan dan memperkaya pemahaman murid terhadap sesuatu topik yang dipelajari. Pengkaji berpendapat bahawa „Bacaan

Luas” yang dimuatkan pada akhir setiap unit atau tema bertujuan menggantikan rumusan atau kesimpulan.

Sebagai contoh, terdapat „Bacaan Luas” pada pengakhiran beberapa unit dalam buku teks-buku teks yang diwujudkan bertujuan memperkukuhkan dan memperkaya penguasaan murid, iaitu:

- a) Buku teks Tahun 4: Terdapat „Bacaan Luas” pada akhir Unit 9, m.s 58 dan Unit 24, m.s 158.
- b) Buku teks Tahun 5: Topik „Bacaan Luas” yang didapati adalah dalam Unit 6, m.s 42, Unit 12, m.s 86, Unit 18, m.s 130 dan Unit 24, m.s 174.
- c) Buku teks Tahun 6: Sebanyak 11 topik „Bacaan Luas” iaitu Unit 3, m.s 15, Unit 6, m.s 31, Unit 9, m.s 51, Unit 12, m.s 87, Unit 18, m.s 103, Unit 21, m.s 123, Unit 24, m.s 139, Unit 27, m.s 159, Unit 30, m.s 175, dan Unit 33, m.s 191.

Walaupun penulis memuatkan „Bacaan Luas” pada akhir topik, namun pengkaji berpendapat adalah lebih baik sekiranya penulis memasukkan rumusan atau kesimpulan pada akhir setiap tema untuk membantu murid lebih jelas dalam memahami setiap topik yang telah dipelajari.

(4) Tiada Perulangan Topik dan Sub-Topik

Buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 tidak memperlihatkan perulangan topik mahupun sub-topik. Setiap tema yang kemukakan disesuaikan dengan sub-topik. Pengkaji melihat setiap topik yang dipelajari mempunyai kesinambungan antara satu topik ke topik yang lain, contohnya dalam buku teks Tahun 4, tema 1 bertajuk „Aktiviti Keluarga”, tema 2 pula bertajuk „Amalan Kesihatan dan Kebersihan”. Tema seterusnya semakin berkembang kepada tema yang lebih besar iaitu kemasyarakatan, ekonomi dan kenegaraan.

Buku teks Tahun 5 pula pada tema 1 bertajuk „Keluarga Berwawasan“ dan tema 1 bagi Tahun 6 ialah „Istimewanya Keluargaku“. Tema-tema daripada Tahun 5 dan 6 adalah kesinambungan daripada tema-tema yang telah dipelajari pada Tahun 4. Hal ini membolehkan pengetahuan semasa murid semakin berkembang dan meningkat mengikut umur mereka.

(5) Gambar/Lakaran

Setiap unit dalam buku teks Bahasa Melayu mempunyai grafik yang banyak dan berwarna-warni. Namun, tidak semua muka surat memuatkan grafik. Unit dalam buku teks Tahun 4 dalam kemahiran membaca yang tidak memuatkan grafik ialah Unit 3, m.s. 14; Unit 11, m.s. 68 dan 69; Unit 18, m.s. 113; dan Unit 22, m.s. 143. Sebanyak empat unit dalam bahagian kemahiran membaca buku teks Tahun 4 tersebut tidak mengandungi grafik. Unit dalam buku Teks Tahun 5 yang tidak memuatkan gambar dalam kemahiran membaca ialah Unit 2, m.s. 9; Unit 3, m.s. 15 dan 17; Unit 11, m.s. 75; Unit 20, m.s. 141; Unit 23, m.s. 163; dan Unit 24, m.s. 191. Terdapat sebanyak enam unit yang tidak memuatkan grafik yang bersesuaian dengan topik. Manakala unit dalam Tahun 6 yang tidak memuat grafik adalah sebanyak empat unit iaitu Unit 4, m.s. 19; Unit 6, m.s. 28; Unit 12, m.s. 64; dan Unit 28, m.s. 16).

Dalam Unit 3, m.s. 14 buku teks Tahun 4 di bawah sub-tajuk „Kereta Api Bukit Bendera“ tidak dimuatkan lakaran kereta api di Bukit Bendera. Hal ini yang boleh menyebabkan para murid tidak tahu bentuk kereta api yang terdapat di Bukit Bendera. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa gambar yang dimuatkan dalam buku teks tersebut adalah terlalu kecil. Sebagai contoh, buku teks Tahun 4 iaitu pada Unit 18, m.s. 113 di bawah sub-tajuk „Ikan Haruan Penawar Luka“ menunjukkan bahawa gambar yang dimuatkan adalah tidak sesuai. Hal ini demikian kerana gambar ikan haruan yang

dimuatkan terlalu kecil menyebabkan para murid zaman ini tidak mengenali bentuk ikan haruan dengan jelas.

4.4.2 Analisis Data Anekdote terhadap Aktiviti Kemahiran Membaca Buku Teks Bahasa Melayu KSSR Tahap Dua

Dalam bahagian ini, pengkaji membentuk analisis data anekdot terhadap aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu. Terdapat beberapa perkara yang akan dibincangkan di sini.

(1) Bentuk penyoalan Stereotaip

Terdapat beberapa soalan dalam aktiviti kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 bercorak stereotaip. Antara contohnya:

“Nyatakan maksud ayat yang mengandungi perkataan imbuhan apitan.”

(Bahasa Malaysia Tahun 4, Aktiviti 12, m.s. 76)

Soalan yang mengarah kepada memberikan maksud di atas ditemui pada aktiviti lain Tahun 4 iaitu dalam Unit 1, m.s. 3; Unit 10, m.s. 62; dan Unit 12, m.s. 76. Aktiviti pada buku teks Tahun 5 turut ditemui soalan yang serupa iaitu dalam Unit 1, m.s. 3; Unit 8, m.s. 53; dan Unit 17, m.s. 119. Soalan sedemikian turut ditemui dalam aktiviti kemahiran membaca Tahun 6 iaitu dalam Unit 13, m.s. 75.

Antara bentuk penyoalan lain yang didapati stereotaip dalam aktiviti-aktiviti kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu ialah:

„Jelaskan ...“

„Mengapakah ...“ dan

„Menyatakan ...“

Bentuk penyoalan stereotaip ini ditemui banyak dalam buku teks antaranya Unit 10, m.s. 62; Unit 17, m.s. 109; Unit 23, m.s. 148; Unit 26, m.s. 169 (Bahasa Melayu Tahun 4); Unit 7, m.s. 47; Unit 9, m.s. 59; Unit 14, m.s. 97; Unit 16, m.s. 113, Unit 18, m.s. 125; Unit 22, m.s. 157 (Bahasa Melayu Tahun 5) dan Unit 1, m.s. 3 (Bahasa Melayu Tahun 6). Berdasarkan penelitian pengkaji, buku teks Tahun 6 sangat sedikit bentuk penyoalan yang berbentuk stereotaip.

(2) Soalan Tidak Spesifik

Terdapat banyak soalan dalam buku teks Bahasa Melayu tidak begitu spesifik atau bersifat luas. Soalan-soalan demikian boleh dikatakan terdapat dalam setiap tema, contohnya:

„Nyatakan cara kamu berbakti kepada negara“

(Bahasa Melayu Tahun 4, Unit 10, m.s. 62)

Soalan tersebut tidak menyatakan berapa cara yang perlu dinyatakan oleh murid. Pengkaji berpendapat bahawa murid Tahap Dua masih perlu dipandu untuk menyelesaikan tugas dengan menggunakan arahan soalan yang lebih spesifik dengan memasukkan 2, 3, 4 atau 5 cara berbakti supaya soalan nampak lebih jelas dan spesifik. Antara contoh lain:

„Memindahkan maklumat dalam bentuk prosa dan puisi“

(Bahasa Melayu Tahun 6, Unit 31, m.s. 179)

Soalan tersebut didapati agak kabur dan tidak spesifik kerana tidak dinyatakan secara terang memindahkan maklumat dalam bentuk karangan ringkas dan syair. Hal ini

kerana puisi mempunyai beberapa jenis seperti sajak, pantun, syair, gurindam atau seloka. Murid sudah tentu akan menyoal kembali guru tentang jenis puisi yang mereka perlu hasilkan. Oleh itu, pengkaji berpendapat agar penyoalan yang spesifik dan jelas adalah perlu bagi menghasilkan jawapan yang dikehendaki. Terdapat beberapa contoh lagi soalan yang tidak spesifik dan kabur arahnya iaitu Unit 11, m.s. 69; Unit 17, m.s. 109; Unit 19, m.s. 123 (Bahasa Melayu Tahun 4) dan Unit 4, m.s. 25; Unit 7, m.s. 47 (Bahasa Melayu Tahun 5).

(3) Banyak arahan dalam satu soalan

Terdapat juga soalan dalam buku teks Bahasa Melayu yang mengarah murid menjawab lebih daripada satu jawapan. Berikut diberikan beberapa contoh:

„Menyatakan maklumat dan menjanakan idea tentang kebaikan mengekalkan kebersihan dan keceriaan tandas.“

(Bahasa Melayu Tahun 4, Unit 5, m.s. 28)

Soalan di atas adalah satu soalan sahaja, tetapi mengandungi dua arahan yang memerlukan jawapan sekali gus. Pengkaji berpendapat setiap satu soalan sepatutnya hanya mengandungi satu jawapan sahaja, jika tidak, murid akan keliru dengan menjawab salah satu jawapan sahaja. antara contoh lain ialah:

„Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat untuk membuat ulasan tentang tahap kecergasan Daniel dan rakan-rakannya.“

(Bahasa Melayu Tahun 5, Unit 5, m.s. 31)

Soalan di atas mengandungi tiga arahan dalam satu soalan. Murid perlu membaca dan memahami petikan, kemudian dikehendaki mencari isi tersirat dan seterusnya membuat ulasan. Jenis soalan sebegini boleh mengelirukan murid yang berumur 11 tahun. Pengkaji berpendapat agar lebih baik soalan diasingkan menjadi tiga soalan, contohnya seperti berikut:

- a) „Murid perlu membaca dan memahami maklumat tersurat.“
- b) „Senaraikan maklumat tersirat yang terdapat dalam petikan.“
- c) „Murid dikehendaki membuat ulasan berdasarkan isi tersurat dan isi tersirat.“

(4) Perulangan Aktiviti dalam Satu Tema

Terdapat soalan yang berulang dalam buku teks Bahasa Melayu yang melibatkan perulangan dalam tema yang sama tetapi unit yang berbeza. Perulangan yang sangat banyak ini dapat dilihat seperti contoh berikut:

„Membaca teks yang mempunyai pelbagai jenis ayat“

(Bahasa Melayu Tahun 4, Unit 13, m.s. 84)

Arahan di atas berulang dalam tema yang sama iaitu:

„Murid membaca teks dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul“

(Bahasa Melayu Tahun 4, Unit 14, m.s. 89)

Kebanyakan soalan yang berulang tersebut bermula dengan kata kunci „Membaca“.

Antara contoh lain perulangan yang berlaku adalah pada:

„Membaca teks dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul“

(Bahasa Melayu Tahun 5, Unit 2, m.s. 9)

Arahan soalan tersebut sama seperti yang terdapat pada arahan aktiviti unit berikutnya:

„Membaca ucapan dan catatan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul“

(Bahasa Melayu Tahun 5, Unit 3, m.s. 15)

Perulangan ini turut ditemui pada unit-unit tersebut iaitu Unit 10, m.s. 70; Unit 11, m.s. 75; Unit 12, m.s. 81; Unit 23, m.s. 163; Unit 24, m.s. 169 (Bahasa Melayu Tahun 5).

Perulangan paling banyak ditemui adalah daripada buku teks Tahun 6 yang melibatkan Unit 2, m.s. 8; Unit 3, m.s. 12; Unit 7, m.s. 39; Unit 8, m.s. 44; Unit 17, m.s. 96; Unit 18, m.s. 100; Unit 23, m.s. 132; Unit 24, m.s. 136, Unit 32, m.s. 184, Unit 33, m.s. 184 (Bahasa Melayu Tahun 6).

(5) Tahap Kesukaran Rendah

Terdapat soalan tahap kesukarannya rendah pada kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahap Dua. Selain itu, soalan yang menunjukkan kesukaran rendah ini berulang di beberapa tempat. Kata kunci soalan tersebut dimulai dengan „Membaca teks dengan lancar, sebutan yang jelas, dan intonasi yang betul.“ Meskipun kajian yang dijalankan oleh pengkaji memfokuskan kepada kemahiran membaca, namun pengkaji berpendapat bahawa kata kunci soalan perlu dipelbagaikan agar murid tidak cepat bosan. Antara contoh lain yang bermula dengan perkataan „Membaca“ adalah seperti berikut:

„Membaca poster dan teks dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul.“

(Buku teks Tahun 4, Unit 2, m.s. 7)

„Membaca teks dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul.“

(Buku teks Tahun 4, Unit 3, m.s. 14)

„Membaca ucapan dan catatan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul.“

(Buku teks Tahun 5, Unit 3, m.s. 15)

„Membaca dan menyatakan maksud teks yang dibaca.“

(Buku teks Tahun 5, Unit 21, m.s. 149)

„Membaca teks yang mengandungi pelbagai jenis ayat dan ragam ayat.“

(Buku teks Tahun 6, Unit 2, m.s. 8)

„Membaca teks yang mengandungi ayat tunggal dan ayat majmuk secara mekanis.“

(Buku teks Tahun 6, Unit 3, m.s. 12)

Pengkaji mendapati kata kunci soalan yang bermula dengan kata kerja „Membaca“ berulang sebanyak 9 kali dalam aktiviti Tahun 4, 13 kali dalam aktiviti Tahun 5, dan 5 kali dalam aktiviti Tahun 6. Hal ini menunjukkan bahawa tahap kesukaran soalan murid Tahun 6 adalah pada tahap sederhana.

Selain itu, teknik penyoalan yang bermula dengan kata kerja didapati dalam semua aktiviti kemahiran membaca Tahun 6, pengkaji tidak menemui arahan soalan yang bermula dengan kata tanya. Namun, dalam arahan soalan kemahiran membaca Tahun 4 ditemui arahan soalan dalam bentuk kata tanya sebanyak tiga kali iaitu pada unit 1, m.s. 3; Unit 10, m.s. 62; dan Unit 12, m.s. 76. Bagi Tahun 5 pula, arahan yang

bermula dengan kata tanya berada pada Unit 1, m.s. 3; Unit 8, m.s. 53; dan unit 17, m.s. 119.

4.4.3 Analisis Data Anekdote Terhadap Penilaian Kemahiran Membaca Buku Teks Bahasa Melayu KSSR Tahap Dua

Data anekdot berikut akan menumpukan kepada penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu KSSR Tahun 4, 5 dan 6. Terdapat beberapa perkara terhasil daripada penelitian yang dijalankan oleh pengkaji terhadap buku-buku tersebut.

(1) Penilaian Stereotaip

Sebagaimana aktiviti yang stereotaip dalam buku teks Bahasa Melayu, terdapat segelintir corak penilaiannya yang menunjukkan stereotaip. Antara contoh soalan penilaian yang mengarah kepada stereotaip adalah seperti berikut:

„Baca dan faham...“

(Bahasa Melayu Tahun 4, Penilaian 1, m.s. 19)

„Baca dan susun...“

„Baca maklumat dan...“

(Bahasa Melayu Tahun 4, Penilaian 8, m.s. 159)

„Nyatakan idea utama...“

(Bahasa Melayu Tahun 5, Penilaian 1, m.s. 22)

„Nyatakan maksud...“

(Bahasa Melayu Tahun 5, Penilaian 3, m.s. 66)

„Membincangkan maksud...”

(Bahasa Melayu Tahun 5, Penilaian 7, m.s. 154)

„Bincangkan cara...”

(Bahasa Melayu Tahun 5, Penilaian 9, m.s. 197)

Arahan-arahan soalan penilaian seperti di atas turut ditemui dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 6 iaitu pada Penilaian 1, m.s. 34 dan Penilaian 3, m.s. 106.

(2) Arahan berbentuk Penyataan

Terdapat sesetengah arahan penilaian buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 dan 5 mengandungi arahan-arahan penilaian yang lebih berbentuk penyataan. Antara contoh arahan penilaian yang berbentuk penyataan ialah:

„Menyatakan nilai murni....”

(Bahasa Malaysia Tahun 4, Penilaian 4, m.s. 80)

„Berbual tentang aktiviti fizikal....”

(Bahasa Malaysia Tahun 5, Penilaian 2, m.s. 44)

„Membuat ulasan tentang....”

(Bahasa Malaysia Tahun 5, Penilaian 2, m.s. 44)

Arahan-arahan penilaian sedemikian kurang memberi rangsangan kepada murid-murid untuk menjawabnya. Namun, arahan penilaian yang bercorak penyataan tersebut ditemui sangat sedikit dalam buku teks Tahun 4 kerana lima daripada 10 penilaian tidak mengandungi soalan dalam modul kemahiran membaca. Antara contoh lain ialah Penilaian 1, m.s. 19 (Bahasa Melayu Tahun 4) dan Penilaian 7, m.s. 154;

Penilaian 8, m.s. 176 (Bahasa Melayu Tahun 5). Penilaian kemahiran membaca buku teks Tahun 6 didapati tidak mengandungi arahan soalan yang berbentuk pernyataan.

Kebanyakan soalan yang ditemui juga bermula dengan kata kerja. Antara contoh kata kerja yang digunakan ialah „Membaca ucapan..., Membaca teks...Membuat ulasan..., Membuat rumusan ... dan Membuat keputusan“ Pengkaji berpendapat adalah lebih sesuai jika arahan penilaian tersebut mengarah murid untuk melakukan sesuatu tugas. Arahan berbentuk pernyataan tersebut tidak menggambarkan konsep „Bahasa Elemen Merentas Kurikulum“ dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

(3) Satu Penilaian – Banyak Kehendak

Penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahap Dua juga mengandungi lebih daripada satu kehendak walaupun dalam satu penilaian, contohnya:

„Nyatakan maksud setiap rangkap puisi di atas dan pindahkan maklumat tersebut dalam bentuk prosa.“

(Bahasa Malaysia Tahun 5, Penilaian 3, m.s. 66)

„Bina ayat tunggal dan ayat majmuk berdasarkan frasa yang berikut.“

(Bahasa Malaysia Tahun 5, Penilaian 9, m.s. 197)

Contoh penilaian-penilaian tersebut memerlukan murid menjawab lebih daripada satu jawapan dalam satu arahan penilaian. Antara penilaian yang memperlihatkan perulangan seumpama ini adalah dalam iaitu Penilaian 8, m.s. 159 (Bahasa Melayu Tahun 4); Penilaian 3, m.s. 66; Penilaian 4, m.s. 88; Penilaian 9, m.s. 197 (Bahasa Melayu Tahun 5) dan Penilaian 1, m.s. 34 (Bahasa Melayu Tahun 6)

(4) Soalan Aktiviti Berulang dengan Penilaian

Terdapat arahan soalan dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu yang berulang dalam arahan penilaian di bawah tema yang sama, contohnya:

„Membaca poster dan teks dengan lancar...“

(Bahasa Melayu Tahun 4, Aktiviti Unit 2, m.s. 7)

„Membaca teks dengan lancar...“

(Bahasa Melayu Tahun 4, Aktiviti Unit 3, m.s. 14)

Arahan aktiviti tersebut didapati mengandungi perulangan dalam soalan penilaian iaitu:

„Baca dan fahami.“

(Bahasa Melayu Tahun 4, Penilaian 1, m.s. 19)

Dalam aktiviti membaca yang lain iaitu di bawah tema yang sama didapati arahan penilaian berulang:

„Membaca teks dengan lancar, ...“

(Bahasa Melayu Tahun 5, Aktiviti Unit 23, m.s. 163)

„Membaca teks dengan lancar, ...“

(Bahasa Melayu Tahun 5, Aktiviti Unit 24, m.s. 169)

„Membaca teks yang mengandungi pelbagai ragam ayat dengan lancar, ...“

(Bahasa Melayu Tahun 5, Penilaian 8, m.s. 176)

Antara contoh lain perulangan yang ditemui dalam buku teks tersebut ialah:

„Nyatakan nilai murni ...“

(Bahasa Melayu Tahun 4, Aktiviti Unit 11, m.s. 69)

Arahan aktiviti tersebut didapati berulang dalam penilaian bagi tema yang sama iaitu:

„Menyatakan nilai murni ...“

(Bahasa Melayu Tahun 4, Penilaian 4, m.s. 80)

Bentuk perulangan seumpama ini terdapat juga dalam Unit 8, m.s. 53 dengan Penilaian 3, m.s. 66; Unit 21, m.s. 149 dengan Penilaian 7, m.s. 154 (Bahasa Melayu Tahun 5), Unit 5, m.s. 24 dengan Penilaian 1, m.s. 34; Unit 7, m.s. 39, Unit 8, m.s. 44, Unit 9, m.s. 48 dengan Penilaian 2, m.s. 70; Unit 17, m.s. 96, Unit 18, m.s. 100 dengan Penilaian 3, m.s. 106; Unit 20, m.s. 116 dengan Penilaian 4, m.s. 142; dan akhir sekali Unit 29, m.s. 168 dan Unit 31, m.s. 179 dengan Penilaian 5, m.s. 193.

(5) Penilaian Tiada pada Sesetengah Tema

Berikut merupakan jumlah penilaian yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tahap Dua mengikut tahun.

- a) Tahun 4 : Mengandungi 10 penilaian
- b) Tahun 5 : Mengandungi 10 penilaian
- c) Tahun 6 : Mengandungi 5 penilaian

Pengkaji melihat bahawa penilaian bagi kemahiran membaca tidak sepenuhnya diuji pada setiap penamat bagi sesebuah tema. Selain itu, penilaian setiap tahun tidak sama jumlahnya bagi Tahun 4, 5 dan 6. Terdapat sebanyak 10 penilaian dalam Tahun 4 dan 5, manakala Tahun 6 hanya didapati lima penilaian sahaja. Bagi Tahun 4 dan 5, penilaian hanya diuji apabila murid menamatkan setiap tiga unit pembelajaran. Penilaian Tahun 6 pula diuji setelah murid menamatkan setiap enam unit pembelajaran

iaitu pada Penilaian 1, 2, 3, dan 4. Penilaian 5 pula diuji setelah murid menamatkan Sembilan unit pembelajaran.

Selain itu, pengkaji mendapati bahawa walaupun terdapat 10 penilaian dalam Tahun 4, hanya Penilaian 1, 2, 4, 7, dan 8 sahaja yang menguji murid terhadap kemahiran membaca. Sebaliknya Penilaian 3, 5, 6, 9, dan 10 tidak menguji murid terhadap kemahiran tersebut. Bagi Tahun 5 pula, penilaian yang tidak menguji kemahiran membaca melibatkan Penilaian 6 dan 10. Penilaian selebihnya mengandungi soalan yang menguji kemahiran membaca para murid. Manakala setiap penilaian Tahun 6 didapati mengandungi soalan berkaitan kemahiran membaca.

Bahagian pendahuluan buku teks ada mengatakan bahawa penilaian yang disediakan bertujuan membolehkan murid meneroka pembelajaran dan pengalaman di luar bilik darjah yang lebih santai dan menyeronokkan sama ada secara individu, berpasangan atau berkumpulan. Namun, sebaliknya berlaku pada penilaian kemahiran membaca kerana tidak semua penilaian tersebut menguji pelajar.

BAB 5: RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN

Bahagian ini akan menghurai rumusan dapatan kajian yang telah diperoleh daripada Bab IV. Rumusan akan dijalankan berdasarkan tema-tema yang telah dibentuk berasaskan soalan kajian sebelum ini. Pengkaji juga akan membincangkan implikasi dan cadangan daripada dapatan kajian serta turut memasukkan beberapa cadangan kajian lanjutan yang berkaitan.

5.1 Rumusan dan Perbincangan Kajian

Kajian ini menghasilkan beberapa rumusan penting berkaitan Kemahiran Berfikir Kritis dalam buku teks Bahasa Melayu. Buku-buku teks Bahasa Melayu yang terlibat dalam kajian ini ialah bagi melibatkan Tahap Dua sahaja iaitu Tahun 4, 5 dan 6. Berikut ialah rumusan kajian secara berurutan.

5.1.1 Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti dan Penilaian Buku Teks Bahasa Melayu KSSR

Kajian ini telah menentukan empat kategori utama Kemahiran berfikir Kritis yang disenaraikan dalam Analisis Kod yang telah dibina oleh pengkaji (lihat lampiran). Daripada analisis yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa:

5.1.1.1 Aktiviti Kemahiran Membaca dalam Buku Teks Bahasa Melayu KSSR

Peratus tertinggi kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis dalam kemahiran membaca yang dimuatkan dalam aktiviti buku-buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 ialah Kemahiran Mengumpul dan Menggunakan Maklumat (49.1%). Peratus kedua tertinggi ialah Kemahiran Membentuk Inferensi (46.8%) dan Kemahiran Membuat

Keputusan (4.1%). Manakala Kemahiran Membentuk Analogi didapati tiada sebarang peratus. Hal ini bertepatan dengan kajian Zamri Mahamod dan Nor Razah Lim (2011) yang mendapati pelajar kurang diberi peluang untuk berfikir kerana guru-guru lebih suka menggunakan aras penyoalan rendah.

5.1.1.2 Penilaian Kemahiran Membaca dalam Buku Teks Bahasa Melayu KSSR

Penilaian dalam buku teks Bahasa Melayu KSSR Tahun 4, 5 dan 6, didapati jumlahnya adalah jauh lebih sedikit (N=56) berbanding jumlah aktiviti (N=171). Peratus tertinggi penilaian ialah (64.3%) bagi Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat, Kemahiran Membuat Keputusan adalah sangat kecil (3.6%) dan (32.1%) bagi Kemahiran Membentuk Inferensi. Sementara Kemahiran Membentuk Analogi tidak ditemui langsung dalam semua penilaian buku teks Bahasa Melayu KSSR.

Berdasarkan rumusan 5.1.1.1 dan 5.1.1.2, dapatlah disimpulkan bahawa kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara soalan dalam aktiviti mahupun penilaian kerana Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat berada pada tahap paling tinggi. Dapatan ini menyamai kajian Arvianto dan Abdurrahman Faridi (2006) dan Margana dan Agus Widyantoro (2017). Selain itu, KBAR juga didapati dalam dapatan kajian Dolunay dan Savas (2016) namun dalam kategori yang berbeza iaitu aktiviti kemahiran mendengar. Dapatan ini adalah tidak selari dengan matlamat KPM (2014) yang mahukan KBAT diimplimentasikan di dalam kelas.

5.1.2 Sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis dalam Aktiviti dan Penilaian Kemahiran Membaca dalam Buku Teks Bahasa Melayu KSSR

Setiap kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis mengandungi sub-kategori bertujuan memudahkan analisis kandungan dilaksanakan. Pengkaji akan merumuskan dapatan analisis sub-kategori yang telah diperlihatkan dalam jadual-jadual Bab IV.

5.1.2.1 Sub-Kategori Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat

Kebanyakan aktiviti dan penilaian dalam buku teks Bahasa Melayu KSSR lebih mengarah pelajar kepada Kemahiran Menghurai Maklumat dan Kemahiran Mengguna Maklumat. Hanya sedikit sahaja daripada aktiviti dan penilaian yang mengarah kepada Kemahiran Mendefinisi Istilah.

5.1.2.2 Sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan

Sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis seterusnya berfokus kepada sub-kategori Kemahiran Membuat Keputusan. Analisis aktiviti dan penilaian buku teks Bahasa Melayu KSSR Tahun 4, 5 dan 6 secara keseluruhannya mendapati peratus Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian adalah lebih tinggi berbanding peratus Kemahiran Menyelesaikan Masalah. Walau bagaimanapun, bilangan soalan yang didedahkan bagi kedua-dua kemahiran tersebut adalah sangat sedikit jika dibandingkan dengan kemahiran-kemahiran lain.

5.1.2.3 Sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi

Bagi sub-kategori Kemahiran Membentuk Inferensi, terdapat tiga kemahiran di dalamnya iaitu Kemahiran Merumus Secara Tersurat, Kemahiran Merumus Secara

Tersirat dan Kemahiran Membuat Ramalan. Analisis dapatan kajian ini mendapati bahawa soalan-soalan dalam aktiviti dan penilaian bagi sub-kategori ini lebih berfokus kepada Kemahiran Merumus Secara Tersurat dan Kemahiran Merumus Secara Tersirat. Sementara peratus Kemahiran Membuat Ramalan adalah rendah.

Bagi sub-kategori Kemahiran Membentuk Analogi, analisis tidak dijalankan memandangkan tiada sebarang aktiviti dan penilaian dalam ketiga-tiga buku teks berkenaan yang mengarah kepada Kemahiran Membentuk Analogi. Kajian Chew dan Shashipriya (2014) mendapati bahawa pelajar mengambil masa yang agak panjang untuk mengaplikasikan kemahiran berfikir dalam proses pembelajaran KOMSAS. Pelajar seharusnya diberi pendedahan lebih awal bermula dari sekolah rendah teknik berfikir secara kritis kerana mereka akan menggunakannya pada peringkat yang lebih tinggi.

5.1.2.4 Analisis Keseluruhan Sub kepada Sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis

Sebagai pengukuhan data, analisis keseluruhan sub kepada sub-kategori Kemahiran Berfikir Kritis turut dijalankan oleh pengkaji. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan taburan sub kepada sub-kategori dalam buku teks Bahasa Melayu adalah tidak sekata antara satu sama lain. Penampilan sub kepada sub-kategori yang sangat sedikit dalam aktiviti dan penilaian buku teks ialah sub kepada sub-kategori Kemahiran Menyelesaikan Masalah, sub kepada sub-kategori Kemahiran Mengadili Kredibiliti Penyelesaian dan Kemahiran Membuat Ramalan. Manakala sub kepada sub-kategori Kemahiran Menghurai Maklumat dan Kemahiran Merumus Secara Tersurat didapati bahawa jumlah yang dimuatkan dalam aktiviti dan penilaian buku teks Bahasa Melayu KSSR adalah sangat banyak.

Berdasarkan analisis keseluruhan tersebut dapatlah disimpulkan bahawa Kemahiran Menyelesaikan Masalah di bawah kategori Kemahiran Membuat Keputusan dalam aktiviti dan penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu sekolah rendah perlu dititikberatkan bermula dari peringkat rendah lagi. Dapatan kajian Subadrah Madhawa (2017) mendapati murid sekolah rendah ada diterapkan kemahiran menyelesaikan masalah namun, murid di kawasan pedalaman memiliki kemahiran tersebut lebih tinggi berbanding murid bandar. Sebaliknya Zulkifley Hamid dan Mohd. Ashraf Zulkifley (2014) pula menyatakan bahawa pelajar universiti perlu mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah kerana kajian Muhammad Hazrul Ismail (2012) mendapati para graduan universiti tidak diterapkan dengan kemahiran tersebut memandangkan para majikan mendapati pekerja mereka sukar membuat sesuatu keputusan yang tepat apabila diminta. Dalam konteks guru, mereka perlu didedahkan dengan Kemahiran Menyelesaikan Masalah (Bakri, 2013) sebelum aspek ini diajar kepada murid-murid. Hal ini demikian kerana pemupukan KBK perlu diterapkan secara menyeluruh iaitu pada semua peringkat umur kerana KBK merupakan matlamat utama pendidikan dan elemen penting dalam kejayaan hidup (Gough, 1991; Marzano, 1998; Zohar et al, 2001; Ikhsan & Norila, 2005; Sousa, 2008; Lord & Baviskar, 2007).

5.1.3 Perbandingan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis Antara Tahun dalam Buku Teks Bahasa Melayu KSSR

Rumusan seterusnya akan dilakukan terhadap dapatan daripada analisis perbandingan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis antara tahun dalam aktiviti dan penilaian buku teks Bahasa Melayu KSSR Tahun 4, 5 dan 6.

5.1.3.1 Perbandingan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis Antara Tahun dalam Aktiviti

Dapatan perbandingan dalam aktiviti buku-buku teks berkenaan menunjukkan bahawa aktiviti dalam buku teks Tahun 4 lebih banyak memuatkan Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat berbanding buku teks Tahun 5 dan 6. Bagi Kemahiran Membentuk Inferensi lebih banyak dimuatkan dalam buku teks Tahun 6 (37.5%). Kemahiran Membuat Keputusan dimuatkan sangat sedikit dalam buku teks Tahun 4 (14.3%), Tahun 5 (28.6%) dan Tahun 6 (57.1%). Tiada perbandingan antara tahun untuk Kemahiran Membentuk Analogi (0%).

Dapatan ini bersesuaian dengan kajian Dorothy, Norlidah Alias dan Saedah Siraj (2016) iaitu guru lebih gemar menyogokkan fakta kepada pelajar berbanding menggunakan kaedah penyelesaian masalah semasa pengajaran. Oleh yang demikian, fakta dan aktiviti yang menjurus ke arah kemahiran berfikir kritis yang lebih banyak perlu diwujudkan memandangkan buku teks tersebut digunakan oleh guru ketika pengajaran.

5.1.3.2 Perbandingan Kategori Utama Kemahiran Berfikir Kritis Antara Tahun dalam Penilaian

Rumusan seterusnya melibatkan perbandingan kategori utama Kemahiran Berfikir Kritis antara tahun dalam penilaian buku teks Bahasa Melayu KSSR Tahun 4, 5 dan 6. Dapatan analisis kajian menunjukkan peratus tertinggi dimuatkan adalah bagi Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat, namun analisis mendapati bahawa berlaku ketidakseimbangan peratusan antara penilaian tahun 4, 5 dan 6 iaitu Tahun 5 (47.2%), Tahun 6 (30.6%) dan Tahun 4 (22.2%). Manakala peratus yang seimbang didapati dalam Kemahiran Membentuk Inferensi. Perbezaan ketara hanya ditemui bagi Kemahiran Membuat Keputusan iaitu 100% (N=2) kemahiran tersebut dimuatkan dalam

penilaian Tahun 4, sebaliknya tiada peratusan dimuatkan dalam penilaian Tahun 5 dan 6.

Dapatan tersebut menunjukkan bahawa Kemahiran Berfikir Kritis yang dimuatkan dalam aktiviti dan penilaian buku teks Bahasa Melayu KSSR adalah tidak sekata antara Tahun 4, 5 dan 6. Beberapa pengkaji lain seperti Maria Ines dan Ana (2012), Gurel dan Elyilmaz (2013), Junko et. al (2013) dan Mehmet Bulut dan Neslihan Bulut (2014) turut menemui ketidakseimbangan dalam beberapa aspek berbeza dalam buku teks kajian mereka. Arvianto dan Abdurrahman Faridi (2016) menegaskan bahawa sesebuah buku teks bukan sahaja perlu selari dengan kurikulum semasa, malahan perlu mempunyai ciri-ciri perkembangan kognitif dan pemikiran kritikal.

5.1.4 Data Anekdotal dalam Buku Teks Bahasa Melayu KSSR Tahap II Sekolah Rendah

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menyimpulkan hasil data anekdot yang telah dijalankan dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6. Terdapat beberapa kebaikan dan kelemahan yang ditemui dalam buku-buku teks berkenaan.

5.1.4.1 Isi Kandungan

Dalam huraian isi kandungan, buku-buku teks Bahasa Melayu telah memasukkan skop isi kandungan yang luas, namun pengetahuan yang diselitkan tidak membebankan murid-murid. Perbincangan setiap unit dihadkan agar tidak terkeluar daripada tema yang telah ditetapkan. Skop kandungan yang luas memberikan murid-murid pendedahan asas terhadap dunia sekeliling mereka agar pengetahuan mereka bertambah. Selain itu, murid-murid akan dapat mempelajari kosa kata baharu bagi setiap topik yang dibincangkan.

Buku-buku teks Bahasa Melayu juga menampilkan urutan sub-topik yang selari dan kemas dengan tema asalnya. Keseluruhan perbincangan sesuatu topik dalam buku-buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 gagal memuatkan rumusan atau kesimpulan pada akhir perbincangan yang dibentangkan.

Di samping itu, pengkaji mendapati tiada perulangan pada keseluruhan topik. Buku-buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 juga memuatkan grafik yang berwarna-warni pada kebanyakan halaman, namun terdapat gambar atau lakaran yang agak kecil dan kurang jelas. Selain itu, terdapat juga beberapa halaman yang tidak memuatkan gambar atau lakaran.

5.1.4.2 Aktiviti-aktiviti

Dalam aktiviti buku-buku teks Bahasa Melayu pula, data anekdot telah memperlihatkan bahawa terdapat beberapa soalan dalam buku-buku berkenaan berbentuk stereotaip antara satu sama lain. Persoalan yang berbentuk stereotaip adalah seperti „Nyatakan ..., Jelaskan ... dan Mengapakah ...“ diulang beberapa kali dalam bab-bab tertentu.

Soalan-soalan dalam aktivitinya juga didapati mengandungi arahan yang tidak spesifik dan bersifat umum. Selain itu, data anekdot turut mempamerkan soalan dalam buku teks Bahasa Melayu mempunyai banyak arahan dalam sesuatu soalan. Sebagai contohnya, soalan-soalan tersebut dapat dilihat dalam Bahasa Melayu Tahun 4, Unit 5, m.s. 28 dan Bahasa Melayu Tahun 5, Unit 5, m.s. 31. Soalan aktiviti dalam buku-buku teks Bahasa Melayu juga didapati berulang dalam tema yang sama tetapi unit yang berbeza.

Soalan-soalan dalam kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu kebanyakannya mempunyai tahap kesukaran yang rendah bagi Tahun 4 dan 5, manakala

buku teks Tahun 6 kebanyakan soalan menunjukkan tahap kesukaran yang sederhana. Selain itu, terdapat sangat sedikit soalan yang mengarah murid menggunakan peta i-Think dalam membuat sesuatu rumusan bagi menggalakkan murid berfikir secara kritis iaitu pada buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 iaitu unit 21, m.s 135, Bahasa Melayu Tahun 5 iaitu unit 17, m.s. 119, dan Bahasa Melayu Tahun 6 iaitu unit 7, m.s. 39, unit 9, m.s. 48, unit 22, m.s. 127, dan unit 29, m.s. 168.

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan Awad Suleiman Keshta dan Ayat Seif (2013) dalam aktiviti membaca buku teks murid Gred 8 iaitu kekurangan latihan yang mengandungi elemen kemahiran berfikir aras tinggi. Mereka juga mendapati hasil temuramah yang dijalankan terhadap guru item KBAT sangat sedikit disediakan dalam buku teks English Gred 8.

5.1.4.3 Penilaian

Rumusan selanjutnya beralih kepada data anekdot yang dijalankan terhadap penilaian buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6. Segelintir penilaian dalam buku-buku teks Bahasa Melayu berbentuk stereotaip dalam bab-bab tertentu. Antara soalan yang berulang beberapa kali ialah „Baca dan faham..., Baca dan susun..., Membincangkan maksud... dan Membincangkan cara...“ Arahan-arahan tersebut ditemui dalam beberapa bab tertentu dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 dan 5, namun terlalu sedikit arahan sedemikian ditemui dalam buku teks Tahun 6.

Di samping itu, terdapat segelintir arahan penilaian dalam buku teks Bahasa Melayu juga berbentuk pernyataan, bukan berbentuk arahan. Antara contoh arahan penilaian tersebut ialah „Menyatakan nilai murni..., Berbual tentang aktiviti..., Membaca ucapan... dan Membuat ulasan tentang...“. Arahan-arahan tersebut ditemui

dalam segelintir arahan dalam penilaian kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 dan 5.

Sebagaimana soalan dalam aktiviti buku teks Bahasa Melayu, satu-satu soalan penilaian juga turut mempunyai banyak kehendak dan terdapat juga arahan soalan yang berulang dengan soalan aktiviti dalam tema yang sama. Antara contoh perulangan dalam Tema 1, Unit 2, m.s. 14 iaitu „Membaca teks dengan lancar“. Aktiviti tersebut didapati mempunyai persamaan dengan soalnya pada Penilaian 1, m.s. 19 iaitu „Baca dan fahami“.

Terdapat penilaian yang mengarah murid membuat rumusan pembelajaran menggunakan peta pemikiran i-Think iaitu Bahasa Melayu Tahun 4 penilaian 1, m.s 19, Bahasa Melayu Tahun 5 penilaian 2, m.s. 43 dan penilaian 3, m.s. 66. Manakala pada penilaian Bahasa Melayu Tahun 6 tiada arahan yang menggalakkan murid menggunakan peta i-Think. Selain itu, sesetengah penilaian dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4, 5 dan 6 didapati tidak mengandungi soalan untuk kemahiran membaca. Antaranya ialah Penilaian 3, 5, 6, 9, 10 (Bahasa Melayu Tahun 4), Penilaian 6, dan 10 (Bahasa Melayu Tahun 5).

Kesimpulannya, data anekdot yang dijalankan terhadap isi kandungan, aktiviti dan penilaian kemahiran membaca buku-buku teks Bahasa Melayu memperlihatkan beberapa kelemahan dan perulangan yang boleh mencacatkan mutu buku teks berkenaan. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan beberapa pengkaji seperti Maria Ines dan Ana (2012), Gurel dan Elyilmaz (2013) dan Liu dan Khine (2016) walaupun dalam buku teks yang berbeza mata pelajaran. Kekurangan grafik dan ilustrasi yang bersesuaian antara faktor yang menyebabkan pelajar lemah atau tidak dapat menguasai sesuatu konsep pembelajaran (Junko et. al, 2013; Liu & Khine, 2016). Selain itu, penggunaan alat berfikir seperti peta *i-Think* juga penting bagi membantu

pelajar dalam memahami pembelajaran (Zulkifley Hamid & Mohd. Ashraf Zulkifley, 2014; Abdul Rasid Jamian, Martini Misdon & Azhar Md. Sabil, 2017).

5.2 Implikasi

Dalam bahagian ini, pengkaji akan merumuskan beberapa implikasi yang didapati hasil daripada kajian analisis kandungan Kemahiran Berfikir Kritis dalam buku teks Bahasa Melayu KSSR ini. Huraian implikasi seterusnya akan disusuli dengan cadangan-cadangan tertentu untuk perhatian mana-mana pihak yang akan terlibat.

Kajian ini mendapati kebanyakan bentuk huraian isi kandungan, aktiviti dan penilaian buku teks Bahasa Melayu membawa kepada beberapa implikasi tertentu:

5.2.1 Tahap Ilmiah yang Sederhana

Soalan-soalan aktiviti dan penilaian buku teks Bahasa Melayu Tahap Dua mempunyai arahan-arahan ke arah KBK yang banyak. Hanya sedikit sahaja daripada penyoalan yang bercorak mengingat dan memaham kembali apa-apa yang dibaca. Walau bagaimanapun, corak pendedahan Kemahiran Berfikir Kritis yang terdapat dalam aktiviti-aktiviti dan penilaian-penilaian buku teks berkenaan kebanyakannya menjurus kepada Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat. Kemahiran Membentuk Inferensi pula berada pada tahap sederhana banyak, manakala sedikit sekali Kemahiran Membuat Keputusan serta tiada langsung soalan-soalan ke arah Kemahiran Membentuk Analogi. Implikasinya, aktiviti-aktiviti dan penilaian-penilaiannya bersifat ilmiah yang agak sederhana. Hennessey dan Amabile (2010) menyebut bahawa sekiranya guru-guru menginginkan murid-murid yang berpotensi untuk berfikir dan menyelesaikan masalah, guru-guru perlu menyediakan tugas-tugas yang kompleks yang berkognitif tinggi.

5.2.2 Tidak Membantu Menyelesaikan Masalah

Buku teks KSSR berperanan sebagai salah satu medium untuk mencapai matlamat PPPM ke arah pembelajaran abad ke-21. Namun, didapati elemen Kemahiran Berfikir Kritis iaitu Kemahiran Membuat Keputusan dalam kemahiran membaca Bahasa Melayu sangat sedikit didedahkan kepada murid-murid. Hal ini menyebabkan murid-murid gagal melatih diri mereka menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian. Jika kemahiran ini tidak dipupuk sejak dari bangku sekolah rendah lagi, maka mereka akan mengalami masalah ketika berada di sekolah menengah kerana kehidupan remaja lebih mencabar sekiranya mereka ditawarkan di sekolah berasrama. Hal ini akan berlarutan apabila mereka memohon pekerjaan kerana bakal majikan sangat mementingkan graduan yang memiliki kebolehan dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah (Muhammad Hazrul Ismail, 2012).

5.2.3 Kurang Berjaya Membuat Perkaitan dengan Kehidupan

Aktiviti-aktiviti dan penilaian-penilaian kemahiran membaca dalam buku teks Bahasa Melayu Tahap Dua mempamerkan Kemahiran Membentuk Inferensi berada pada tahap sederhana selepas Kemahiran Mengumpul dan Mengguna Maklumat. Hal ini membuktikan bahawa buku teks tersebut ada mendedahkan murid-murid dengan ilmu kehidupan sebenar di luar bilik darjah. Sebaliknya, Kemahiran Membentuk Analogi yang tidak didedahkan langsung menandakan murid-murid kurang mampu menggunakan pengetahuan dan berfikir secara kritikal dalam konteks luar bilik darjah (Peng & Nadaraja, 2014).

5.2.4 Bahasa Melayu Menyeronokkan

Corak huraian isi kandungan buku teks Bahasa Melayu yang tidak berulang-ulang, grafik yang berwarna-warni menjadikan pembelajaran Bahasa Melayu Menyeronokkan. Selain itu, corak aktiviti dan penilaian yang mempunyai arahan yang mudah dan sederhana menjadi punca Bahasa Melayu tidak menjemukan. Namun, terdapat sesetengah aktiviti dan penilaian buku teks yang bersifat stereotaip dan beberapa kelemahan kecil yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa buku teks Bahasa Melayu sesuai digunakan sebagai modul pembelajaran di dalam kelas (Norul Haida Reduzan, Sharil Nizam Sha'ari & Nor Azian Yoep Idris, 2016).

5.2.5 Guru Kurang Efektif

Guru yang efektif merujuk kepada guru yang membuat persediaan sebelum memasuki kelas. Antara perkara yang perlu dititikberatkan termasuklah penyediaan buku teks, huraian sukatan dan buku-buku rujukan. Meskipun pengkaji mendapati buku teks Bahasa Melayu Tahap Dua sangat menarik dan sesuai digunakan di bilik darjah, namun Zamri Mahamod, Mahidin Awang Hitam dan Afendi Hamat (2011) menyatakan bahawa guru menggunakan buku teks pada tahap yang sederhana semasa sesi Pdp. Hal ini demikian kerana guru-guru kurang didedahkan tatacara penggunaan buku teks Bahasa Melayu secara berkesan.

5.3 Cadangan

5.3.1 Bahagian Buku Teks (BBT)

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mutu buku teks Bahasa Melayu di Malaysia berada pada tahap sederhana. Dapatan yang sama didapati oleh Zamri Mahamod, Mahidin Awang Itam, dan Afendi Hamat (2011) dari sudut isi kandungan, persembahan dan, aktiviti dan latihan. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar pihak BBT mengeluarkan satu garis panduan penulisan buku teks yang mengandungi ringkasan atau kesimpulan dalam setiap tema.

5.3.2 Kementerian Pendidikan Malaysia

Terdapat segelintir aktiviti dalam kemahiran membaca buku teks Bahasa Melayu berulang-ulang dan bercorak stereotaip. Untuk mengatasi masalah tersebut daripada terus berlaku pada masa hadapan, pengkaji mencadangkan agar pihak Kementerian Pendidikan Malaysia mengeluarkan satu panduan penulisan aktiviti dan penilaian dalam buku teks yang mengandungi arahan-arahan ke arah Kemahiran Berfikir Kritis yang seimbang, tahap kesukaran yang sesuai dan menepati kehendak mata pelajaran Bahasa Melayu merentas kurikulum.

Pengkaji juga mencadangkan agar soalan-soalan ke arah Kemahiran Membentuk Analogi dimuatkan dalam bahagian kemahiran membaca. Antara contoh soalan yang mengarah kepada Kemahiran Membentuk Analogi ialah:

1. „Ahmad berlari seperti lipas kudung dan berjaya menewaskan lawannya dalam acara larian 100 meter.“ Berdasarkan ayat tersebut, bina dua ayat lain dengan memasukkan perumpamaan yang sesuai.

2. „Penggunaan media sosial dalam kalangan murid sekolah **bagai cendawan tumbuh selepas hujan.**“ Berikan maksud bagi peribahasa yang ditebalkan, kemudian bina satu ayat lain menggunakan perumpamaan yang sama.

Dengan demikian, penampilan aktiviti dan penilaian dalam buku teks dapat membantu murid-murid menambah dan mempercepat kefahaman tentang sesuatu perkara serta memungkinkan mereka mencipta analogi sendiri.

5.3.3 Penerbit dan Penulis

Persembahan grafik memainkan peranan yang sangat penting dalam memberi kefahaman kepada murid-murid tentang sesuatu perkara. Selain itu, persembahan grafik yang menarik menjadikan sesebuah buku teks seronok digunakan oleh para guru dan murid-murid (Kesuma A. Bakar, Zarina Othman, Bahiyah Abdul Hamid & Fuzirah Hashim, 2015). Pengkaji mencadangkan agar penerbit dan penulis buku teks memasukkan persembahan grafik yang jelas dan sesuai bagi setiap topik. Hal ini akan memudahkan pengajaran guru di dalam kelas kerana murid-murid akan mudah memahami sesuatu melalui grafik yang jelas dan menarik.

5.3.4 Guru-guru

Pengkaji mencadangkan supaya guru-guru diberi bimbingan secara khusus tentang cara-cara menggunakan buku teks dengan berkesan agar murid-murid berasa seronok belajar menggunakan buku teks. Para guru juga perlu diberi latihan kaedah pengajaran berasaskan kemahiran berfikir kritis. Dalam latihan ini, guru-guru perlu diberi pendedahan yang mendalam tentang elemen KBKK dan KBAT supaya mereka mahir mengendalikan kelas. Hal ini demikian kerana guru kurang kemahiran aras tinggi dan pengetahuan mereka tentang KBKK berada pada tahap umum sahaja (Tajul Arifin,

2010; Sharifah Nor, Nor Adibah, Mohd Mahzan & Aliza, 2012 & Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Antara lain cadangan ialah guru perlu mempelbagaikan aktiviti dan penilaian dengan memilih bahan dan alatan pengajaran yang berbeza setiap kali sesi PdPc dan tidak bergantung kepada buku teks semata-mata.

Selain itu, guru-guru dicadangkan menerapkan kemahiran analogi dalam pengajaran bagi memudahkan pemahaman murid-murid dan mendedahkan mereka kepada kemahiran berfikir kritis. Hal ini telah dipersetujui oleh Shaharom dan Nurlaili (2011) kerana pendedahan yang kurang terhadap kemahiran tersebut menyebabkan murid-murid tidak mampu untuk mencipta analogi seterusnya kurang menguasai kemahiran berfikir aras tinggi. Cadangan-cadangan tersebut diharapkan dapat membantu guru menarik minat murid-murid menggunakan bahasa dengan betul serta mahir mengaplikasikan bahasa dalam pelbagai mata pelajaran.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini merupakan permulaan bagi mengkaji kemahiran berfikir kritis yang terdapat dalam salah satu kemahiran Bahasa Melayu dalam buku teks KSSR. Pengkaji berpendapat, bahawa tanpa kajian-kajian selanjutnya dalam bidang kemahiran berfikir kritis ini, dapatan-dapatan yang telah didapati dalam kajian ini tidak akan memberi makna yang besar dalam bidang pengajaran bahasa khususnya pengajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah. Oleh itu, pengkaji ingin mencadangkan beberapa tajuk kajian seperti berikut:

1. Analisis kandungan Kemahiran Berfikir Kritis dalam buku-buku teks Bahasa Melayu KSSR. Cadangan kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmanakah kemahiran-

kemahiran lain iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran menulis, seni bahasa dan tatabahasa mengandungi elemen-elemen kemahiran berfikir kritis.

2. Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi terhadap pengajaran guru dalam bilik darjah. Kajian tersebut adalah untuk melihat sejauhmanakah guru-guru mengaplikasikan soalan-soalan aras tinggi terhadap murid-murid.

3. Penggunaan buku teks Bahasa Melayu dalam kalangan guru-guru dan murid-murid serta kesannya terhadap motivasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian tersebut adalah untuk melihat sejauhmanakah buku teks tersebut memberikan kesan terhadap motivasi mereka dalam pengajaran dan pembelajaran.

Dengan adanya kajian-kajian lanjut seperti ini diharapkan memberi faedah yang lebih besar terhadap dunia pendidikan negara kita, khasnya dalam bidang pengajaran Bahasa Melayu.

RUJUKAN

- A. Rahman Haron, Jamaludin Badusah, & Zamri Mahamod. (2015). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Salak Didik dengan Elemen Nyanyian dan Elemen Pantun. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(1). 53-60.
- Abd. Halim Zulkifli. (2008). *Kemahiran Berfikir Menurut Perspektif Islam*. Melaka. Universiti Teknikal Malaysia.
- Abdul Rasid Jamian, Martini Misdon & Azhar Md. Sabil. (2017). Penggunaan Peta Pemikiran I-Think dalam Pemahaman KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 42(1), 51-59.
- Aisyah Sjahroni, Maimun Aqsha Lubis & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2017). Kepentingan Kebolehbacaan Buku Teks dalam Dunia Pendidikan. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 1(1), 25-40.
- Anderson, L. W., Krathwohl, D. R., & Bloom, B. S. (2001). *A taxonomy for Learning, Teaching, and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. Longman.
- Arvianto, Z. I. & Abdurrahman Faridi. (2016). Textbook Entitled Bahasa Inggris for Grade XI Published by Department of National Education 2014. *English Education Journal*, 6(1), 42-52.
- Atherton, J.S. (2011). *Learning and Teaching: SOLO taxonomy*. Diperoleh daripada: <http://www.learningandteaching.info/learning/solo.htm>
- Avargil, S., Herscovitz, O., & Dori, Y. J. (2012). Teaching Thinking Skills in ContextBased Learning: Teachers' Challenges and Assessment Knowledge. *Journal of Science Education and Technology*, 21(2), 207-225. doi:10.1007/s10956-011-9302-7.
- Awad Sulaiman Keshta & Ayat Seif. (2013). Evaluating the Higher Order Thinking Skills in Reading of English for Palestine Grade Eight. *Asian Journal of Education and e-Learning*, 1(1), 47-69.
- Badariah Hashim, Nurulhuda Abd Rahman & Razak Abd. Samad Yahya. (2017). Menilai Teknik Penyebatian Kemahiran Berfikir sebagai Satu Alternatif untuk Meningkatkan Kemahiran Berfikir dan Memahami Mata Pelajaran Fizik. *Sains Humanika*, 9(1-5), 101-108.

- Bahasa Malaysia Tahun 4, KSSR, Sekolah Kebangsaan.* (2013). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahasa Malaysia Tahun 5, KSSR, Sekolah Kebangsaan.* (2014). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahasa Melayu Tahun 6, KSSR, Sekolah Kebangsaan.* (2013). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bakry Md. Nor Bakar. (2013). Kemahiran Berpikir Aras Tinggi di Kalangan Guru Matematik Sekolah Menengah Pertama di Kota Makassar. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education.* 172-175.
- Bell, S. (2010). Project-Based Learning for the 21st Century: Skills for the Future. *The Clearing House.* 83(2), 39-43.
- Biggs, J. and Collis, K. (1982). *Evaluating the Quality of Learning: the SOLO taxonomy.* New York: Academic Press.
- Borg, W. R., & Gall, M. D. (1983). *Educational Research: An Introduction (Fourth Edition).* New York: Longmans.
- Burgess, J. (2012). *The Impact of Teaching Thinking Skills as Habits of Mind to Young Children with Challenging Behaviours.* Emotional and Behavioural Difficulties, 17(1), 47-63.
- Chew, F. P., & Shashipriya Nadaraja. (2014). Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis dalam Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu,* 4(2), 10-24.
- Chou, P. I. & Ting, H. J. (2016). How Closely Related are the National Curriculum and The Global Dimension in Elementary School Textbooks in Taiwan. *Asia Pacific Education Review.* 17(3). 533-543. doi: 10.1007/s12564-016-9437-6
- Chung, L. L., Leng, C. H. & Peng, C. P. (2017). Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat dalam Penulisan Karangan dari Aspek Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif Serta Pembelajaran Kolaboratif. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan,* 4(1), 1-12.
- Copple, C., & Bredekamp, S. (2009). *Developmentally appropriate practice in early childhood programs serving children from birth through age 8.* Washington, DC: National Association for the Education of Young Children.

- Costello, P. J. M. (2012). *Thinking Skills and Early Childhood Education*. New York. Routledge Taylor & Francis Group.
- Cresswell, J. W. (2005). *Educational Research*. Second Edition. New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Dede, C. (2010). Comparing Frameworks for 21st Century Skills dalam Bellanca, J. A. (Eds.), *21st Century Skills: Rethinking How Students Learn*. (pp. 51-76). Amerika Syarikat. Solution Tree Press.
- Dokumen Standard Kurikulum & Pentaksiran Bahasa Malaysia Tahun 6. (2016). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Dolunay, S. K. & Savas, O. (2016). Assessing Listening Activities in Secondary School Turkish Language Textbooks in Terms of Higher Order Thinking Skills.
- Dorothy, D., Norlidah Alias & Saedah Siraj. (2016, Aug). *Problem Solving Strategies of Malaysian Secondary School Teachers*. Kertas yang dibentangkan di Educational Technology World Conference.
- Dwyer, C. P., Hogan, M. J. & Stewart, I. (2014). An Integrated Critical Thinking Framework for the 21st Century. *Thinking Skills and Creativity*, 12, 43-52. <http://dx.doi.org/10.1016/j.tsc.2013.12.004>
- Errington, A. & Bubna-Litic, D. (2015). Management by textbook: The role of textbooks in developing critical thinking. *Journal of Management Education*, 39(6), 774-800. <https://doi.org/10.1177/1052562915594839>
- Faridah Darus, Rohaida Mohd Saat, Abd. Razak Zakaria. (2013). Transformasi Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mengenai Kemahiran Membuat Hipotesis dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3), 47-57.
- Fensham, P. J., & Bellocchi, A. (2013). Higher order thinking in chemistry curriculum and its assessment. *Thinking Skills and Creativity*, 10, 250–264. <http://dx.doi.org/10.1016/j.tsc.2013.06.003>
- Flores, K. L., Matkin, G. S., Burbach, M. E., Quinn, C. E., & Harding, H. (2012). Deficient Critical Thinking Skills among College Graduates: Implications for leadership. *Educational Philosophy and Theory*, 44(2), 212-230. doi: 10.1111/j.1469-5812.2010.00672.x
- Forehand, M. (2005). Bloom's taxonomy: Original and revised. Dalam Orey, M. (Eds.). *Emerging perspectives on learning, teaching, and technology*. Diperoleh

daripada: <http://projects.coe.uga.edu/epltt/>

- Gough, D. (1991). *Thinking About Thinking*. Alexandria, VA: National Association of Elementary School Principals, 7(2).
- Gurel, D. K., & Eryilmaz, A. (2013). A Content Analysis of Physics Textbooks as a Probable Source of Misconceptions in Geometric Optics. *H. U. Journal of Education* 28(2), 234-245.
- Hairunnaja Najmuddin. (2007). *Memahami dan Membimbing Remaja Nakal*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Harrison, N. (2013). Using the interactive whiteboard to scaffold a metalanguage: Teaching higher order thinking skills in preservice teacher education. *Australasian Journal of Educational Technology*, 29(1), 54-65.
- Hsieh, H., & Shannon, S. E. (2005). Three approaches to qualitative content analysis. *Qualitative Health Research*, 15(9), 1277–1288. doi:10.1177/1049732305276687
- Hennessey, B. A. & Amabile, T. M. (2010). Creativity. *Annual Review of Psychology*, 61, 569-598.
- Hooi, S. K. & Knight, P. (2015). Teachers' Evaluation of KBSM Form 4, 5 English Textbooks Used in the Secondary Schools in Penang, Malaysia. *Advances in Language and Literary Studies*, 6(4), 128-150.
- Ikhsan Othman & Norlia Salleh. (2005). *Kurikulum dan Pengajaran Sekolah Rendah Aspek-aspek yang Berkaitan*. Tanjung Malim. Tanjung Malim Quantum Books.
- Ili Atiqah Md.din & Ruslin Amir. (2016). Sikap Terhadap Kemahiran Pemikiran Kritis dan Hubungannya dengan Prestasi Akademik dalam Kalangan Pelajar-pelajar UKM. *Jurnal Psikologi Malaysia* 30(1), 142-15.
- James Ang, J. E., & Balasandran Ramiah. (2012). *Kepimpinan Instruksional: Satu Panduan Praktikal (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur. PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Junko, S., Daisuke, N., Tetsuya, M., Jun, K., Achini, C. J., Sabina, S. & Masamine, J. (2013). Limited potential of school textbooks to prevent tobacco use among students grade 1–9 across multiple developing countries: a content analysis study. *BMJ Open*, 3(2), doi:10.1136/bmjopen-2012-002340

- Kai, J. T., Zaleha Ismail & Mardhiyana Abidin. (2018). A Comparative Analysis on Cognitive Domain for the Malaysian Primary Four Textbook Series. *EURASIA Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 14(4):1273-1286. DOI: 10.29333/ejmste/82625
- Kanuka, H. (2005). An Exploration into Facilitating Higher Levels of Learning in a Text-Based Internet Learning Environment Using Diverse Instructional Strategies. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 10(3).
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Membudayakan Kemahiran Berfikir* (Bahagian Pembangunan Kurikulum). Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012, Sept.) *Ringkasan Eksekutif: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. Putrajaya. Diperoleh daripada http://www.moe.gov.my/images/dasar-kpm/PPP/articlefile_file_003107.pdf
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015, Mac). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Pelaksanaan KBAT di Sekolah* (Buletin Anjakan Buletin Anjakan Transformasi Pendidikan Malaysia). Putrajaya. Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Slaid Kit Penerangan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21). Diperoleh daripada http://jpnkedah.moe.gov.my/images/files/Surat_Hebahan/Pembelajaran_abad_21.pdf
- Kesuma A. bakar, Zarina Othman, Bahiyah Abdul Hamid & Fuzirah Hashim. (2015). Making Representational Meanings of Gender Images in Malaysian School English Textbooks: The Corpus Way. *Arab World English Journal (AWEJ)*, 6(4). 77-89.
- Krathwohl, D. R. (2002). A Revision of Bloom's Taxonomy: An Overview. *Theory into Practice*, 41(4), 212.
- Lai, L. C., Chin, H. L. & Chew, F. P. (2017). Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat dalam Penulisan Karangan dari Aspek Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif serta Pembelajaran Kolaboratif, *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(1), 1-12.
- Lam, L. T. (2017, September 2017). Buang Sindrom Nafi Keganasan Remaja. Utusan Online. Diperoleh daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/buang-sindrom-nafi-keganasan-remaja-1.528964>
- Lembaga Peperiksaan. (2015). *Item Contoh Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras*

- Lewis, A. & Smith, D. (1993). Defining higher order thinking. *Theory into Practice*, 32(3), 131-137.
- Lilik Mutrofin, Mohamad Nur & Leny Yuanita. (2016). Developing Teaching Materials using 5E Model of Instruction to Increase Students' Higher Order Thinking Skills. *Pendidikan Sains Pascasarjana Universitas Negeri Surabaya*, 5(2), 962-967.
- Liu, Y. & Khine, M. S. (2016). Content Analysis of Diagrammatic Representations of Primary Science Textbooks. *Eurasia Journal of Mathematics, Science & Technology Education*, 12(8), 1937-1951. doi: 10.12973/eurasia.2016.1288a
- Lord, T. & Baviska, S. (2007). Moving Students from Information Recitation to Information Understanding: Exploiting Bloom's Taxonomy in Creating Science Questions. *Journal of College Science Teaching*, 36(5), 40-44.
- M. Jasni Majed. (2016, Februari 10). Mengekang Kelahiran Anak Tanpa Nikah. *Utusan Online*. Diperoleh daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/mengekang-kelahiran-anak-tanpa-nikah-1.188462>
- Margana & Agus Widyantoro. (2017). Developing English Textbooks Oriented to Higher Order Thinking Skills for Students of Vocational High Schools in Yogyakarta. *Journal of Language Teaching and Research*, 8(1), 26-38.
- Maria Ines, T. P., & Ana, R. C. (2012). Gender Differences in Physical Education Textbooks in Spain: A Content Analysis of Photographs. *Sex Roles*, (67), 389-402.
- Marzano, R. J. (1998). *A theory-based meta-analysis of research on instruction*. Diperoleh daripada: http://www.peecworks.org/PEEC/PEEC_Research/I01795EFA.2/Marzano%20Instruction%20Meta_An.pdf
- McBrien, J. L & Brandt, R. S. (1997). *The Language of Learning: A Guide to Education Terms*. Alexandria, VA. Association for Supervision and Curriculum Development.
- Mehmet Eren, Mehmet Bulut, & Neslihan Bulut. (2014). A Content Analysis Study about the Usage of History of Mathematics in Textbooks in Turkey. *Eurasia Journal of Mathematics, Science & Technology Education*, 11(1), 55-64.

- Michelle, S. L. (2014). The relationships between higher order thinking skills, cognitive density, and social presence in online learning. *Internet and Higher Education*, 21, 41–52. <http://dx.doi.org/10.1016/j.iheduc.2013.12.002>.
- Moffett, A. T. (2012). Higher Order Thinking in the Dance Studio. *Journal of Dance Education*, 12, 1-6. DOI: 10.1080/15290824.2011.574594.
- Mohamad Mohsin Mohamad Said & Nasruddin Yunos (2008). Halangan-halangan kepada Usaha Memupuk Kreativiti di Kalangan Pelajar. *Prosiding SKIKS*. 89-150.
- Muhammad Asri Madmor, Tee, T. K., Mohamed Nor Azhari Azman, Ridzwan Che Rus, Zaliza Hanapi, Jailani Md Yunos, Yee M. H.& Mimi Mohaffyza Mohamad. Modul Peta Minda Buzan dan Pencapaian Pelajar Pendidikan Asas Vokasional di Malaysia: Satu Kajian Keberkesanan. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 12(3), 139-144.
- Muhammad Hazrul Ismail. (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII)*, 2, 906-913. Diperoleh daripada file:///C:/Users/User/Downloads/PROSIDING_PERKEM_VII_JILID_2_Kajian_Meng.pdf
- Mulnix, J. W. (2012). Thinking critically about critical thinking. *Educational Philosophy and Theory*, 44(5): 464-479.
- Norasmahani Nor, Nur Sofiah Suhaimi, Nur Syamira Abdul Wahab, Mohd Khushairi Che Ismail, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak. Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah: Satu Tinjauan di Putrajaya. *Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education*, 1, 361-375.
- Norul Haida Reduzan, Sharil Nizam Sha'ri, & Nor Azian Yeop Idris. (2016). Keberkesanan Penggunaan Buku Teks Bahasa Malaysia (KSSR) Sekolah Rendah. *4th International Conference on Language, Education and Innovation (ICLEI)*. 49-56.
- Nura Aisyah Mohamad & Zamri Mohamad. (2014). Tahap Kemahiran Metakognitif Murid Tingkatan Empat dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 4(1), 41-47.
- Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. (2017). Elemen Pemikiran Kritis dalam Konteks Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(2), 92-101.

- Nurul Huda Abd. Rahman, & Md. Nasir Ibrahim (Eds.). (2013). *Pemikiran Kritis dan Kreatif: Konsep, Pendekatan dan Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Tanjung Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ormrod, J. E. (2008). *Human Learning*. (5th ed.) Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc.
- Onosko, J. J., & Newmann, F. M. (1994). Creating More Thoughtful Learning Environment. dalam J. Mangieri & C. C. Blocks (Eds.). *Creating Powerful Thinking in Teachers and Students Diverse Perspectives*. Pp. Forth Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Potter, W. J., & Levine-Donnerstein, D. (1999). Rethinking validity and reliability in content analysis. *Journal of Applied Communication Research*, 27, 258-284.
- Pountney, R., Parr, S., & Whittaker, V. (2002). Communal Constructivism and Networked Learning: Reflections on a Case Study. Prosiding Networked Learning 2002 Conference. Sheffield, UK: University of Sheffield. Diperoleh daripada <http://www.networkedlearningconference.org.uk/past/nlc2002/proceedings/papers/30.htm>
- Preus, B. E. D. (2012). Authentic Instruction for 21st Century Learning: Higher Order Thinking in an Inclusive School. *American Secondary Education*, 40(3), 59.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001, Julai). *Pembelajaran Secara Konstruktivisme*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Rooney, C. (2012). How am I using inquiry-based learning to improve my practice and to encourage higher order thinking among my students of mathematics? *Educational Journal of Living Theories*, 5(2), 99-127. Diperoleh daripada <http://ejolts.net/drupal/node/200>
- Scardamalia, M., & Bereiter, C. (2006). Knowledge building: Theory, pedagogy, and technology. Dalam K. Sawyer (Ed.), *Cambridge Handbook of the Learning Sciences*. 97-118. New York: Cambridge University Press
- Shaharom Noordin & Nurlaili Lockman. (2011). Tahap Penguasaan Kemahiran Meramal dan Kemahiran Mengawal Pembolehubah dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Kimia. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia. Diperoleh daripada <http://eprints.utm.my/11986/>
- Shamsuddin Muhammad, Ruzlan Md. Ali & Siti Noor Ismail. (2017). Tahap Amalan Penerapan Kemahiran Pemikiran Kritis (KPK) di Sekolah Menengah Berprestasi Tinggi, Sederhana dan Rendah. *Proceeding of International Seminar on*

- Shamsazila Sa'aban, Muhammad Faizal Abdul Ghani & Ghazali Darusalam. (2017). Pelaksanaan Program I-Think di Sekolah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Satu Kajian Awal. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(1), 72-106.
- Sharifah Nor Puteh, Nor Adibah Ghazali, Mohd Mahzan Tamyis, & Aliza Ali. (2012). Keprihatinan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 2 (2). 19-23. ISSN 2180-4842
- Sidek Baba. (2012, Ogos). Asas Berfikir daripada Fikir dan Zikir. *Solusi*, 46, 56-58.
- Siti Faizzatul Aqmal & Razali Hassan. (2011). *Pengajaran dan Pembelajaran berasaskan 'Streaming Video' bagi meningkatkan tahap kefahaman pelajar Abad ke-21*. Kertas kerja dibentangkan di Prosiding Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional, Johor.
- Siti Norhaida. (2017). *Pendekatan Gamifikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran terhadap Murid Tingkatan Dua bagi Topik Ungkapan Algebra*. (Tesis Master yang tidak diterbitkan). Universiti Tun Hussien On Malaysia. Johor.
- Sousa, D. A. (2008). *How the Brain Learns Mathematics*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Subadrah Madhawa Nair. (2017). Creative and Problem Solving Skills among Primary School Pupils in Peninsula Malaysia. *International Journal of Economic Perspectives*, 11(2), 372-385.
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad & Mohd Uzi Dollah. (2012). Pengajaran Kemahiran Berfikir: Persepsi dan Amalan Guru Matematik Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 2(1), 18-36.
- Swartz, R., & Reagan, R. (1998). *Teaching Critical and Creative Teaching in Language Arts: Lesson grade 5 and 6*. Pacific Grove, CA: Critical Thinking Co.
- Tan, S. Y. & Siti Hajar Halili. (2015). Effective Teaching of Higher-Order Thinking (Hot) in Education. *The Online Journal of Distance Education and e-Learning*, 3(2), 41-47.
- Tajul Ariffin Nordin (2010). *Pendidik Bina Kebenaran Universal*. Kuala Lumpur:

Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Tee, T. K. (2013). *Pengintegrasian kemahiran berfikir dan peta minda buzan bagi penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi*. (Doctoral Dissertation). Diperoleh daripada <http://eprints.uthm.edu.my/4348/>
- T. Gewa Thuraisingam, Saedah Siraj, Zahra Naimie, Rana Ahmad Abuzaid, & Siti Hajar Halili. (2014). *The Teaching of the Critical and Creative Thinking Skills in the English Language Classroom in Malaysia*, dalam Management and Technology in Knowledge, Service, Tourism and Hospitality. Boca Raton. CRC Press Taylor & Francis Group. 137-140.
- Topolovcan, T. & Matijevic, M. (2017). Critical Thinking as a Dimension of Constructivist Learning: Some of the Characteristics of Students of Lower Secondary Education in Croatia. *CEPS Journal*, 7(3), 47-66.
- W. A. Wan Ismail, W. I. Muhammad, M. A. Lubis, & M. I. Hamzah. (2016). Kesediaan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Selangor terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology*, 3(1), 79-92.
- Wales, C. E., Nardi, A. H. & Stager, R. A. (1987). *Thinking Skills: Making a Choice*, Centre for Guided Design. West Virginia University, Morgantown. WV.
- Ya-Ting, C. Y., Wan-Chi, I. W. (2012). Digital storytelling for enhancing student academic achievement, critical thinking, and learning motivation: A year-long experimental study. *Computers & Education*, 59, 339–352.
- Yee, M. H., Jailani Md Yunos, Widad Othman, Razali Hassan, Tee, T. K. & Mimi Mohaffyza Mohamad. (2015). The Effectiveness of Higher Order thinking Skills for Generating Idea among Technical Students. *Recent Advances in Educational Technologies*, 113-118.
- Zaharah Hussin. (1995). *Analisis Kandungan Kemahiran Berfikir Kritis dalam Buku Teks Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zamri Mahamod, Mahidin Awang Itam, dan Afendi Hamat (2011). Sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah terhadap penggunaan buku teks Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (2), 17-30.
- Zamri Mahamod & Nor Razah Lim. (2011). Kepelbagaian Kaedah Penyoalan Lisan dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu: Kaedah Pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 51-65.

Zohar, A. (2013). Challenges in wide scale implementation efforts to foster higher order thinking (HOT) in science education across a whole school system. *Thinking Skills and Creativity*, 10, 233– 249. <http://dx.doi.org/10.1016/j.tsc.2013.06.002>.

Zohar, A., Degani, A. & Vaaknin, E. (2001). Teachers' beliefs about low-achieving students and higher order thinking. *Teaching and Teacher Education*, 17(4), 469-485.

Zulkifley Hamid & Mohd. Asyraf Zulkifley. (2014). Membina Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Holistik dalam Kalangan Pelajar Menggunakan Modul Edward De Bono. *Journal of Social Science and Humanities*, 9(2), 001-013.

University of Malaya